AKHBAR RASMI KERAJAAN BRUNEI

ڤليتا بروني

# Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 30 BILANGAN 28 | RABU 10 JULAI, 1985. | رابو 21 شوال 1405 | PERCUMA

# DAULAT DULI TUAN PATEK

## ALLAH LANJUTKAN USIA KEBAWAH D.Y.M.M.

### Hari Keputeraan Kebawah D.Y.M.M.

## PERSIAPAN TELAH DIATUR

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persiapan-persiapan sambutan perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Muizzaddien Waddaulah Ibni Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam yang ke-39 tahun kini siap diatur.

Ibu negara yang akan merayakan sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda pada 15 Julai ini telah dihiasi dengan pintu-pintu gerbang, lampu-lampu cucul dan bangunan-bangunan kerajaan dan swasta pula dipasang dengan bendera kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Aturcara perayaan yang telah diatur bagi Daerah Brunei dan Muara termasuklah Perarakan Tanglung Berjalan Kaki, Kereta dan Basikal Berhias mengelilingi ibu negara pada 16 Julai; Pameran Kraftangan Orang-Orang Banduan bertempat di Dewan Stadium Negara Hassanal Bolkiah pada 17 Julai; Persembahan Artis-Artis Negara ASEAN bertempat di Panggung Boon Pang mulai 23 hingga 25 Julai dan Perarakan Kenaikan di Laut di Sungai Brunei pada 28 Julai.

Sambutan-sambutan perayaan bagi Daerah Temburong akan bermula pada 17 Julai, Daerah Tutong pada 20 Julai dan Daerah Belait pada 21 Julai.

Jawatankuasa-jawatankuasa sambutan perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda di ketiga daerah tersebut telah dibentuk untuk menyelenggara aturcara-aturcara yang akan diadakan.

Pintu-pintu gerbang juga telah dibina di daerah-daerah berkenaan bagi mengalu-alukan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan ke daerah itu nanti, di samping persiapan-persiapan yang lain.

Sehubungan dengan sambutan perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda ke-39 tahun, Pelita keluaran minggu ini menyiarkan Keluaran Khas di muka dalam.

### MANISNYA IMAN

"KATAKANLAH masing-masing kita sedang menunggu nasib; maka tunggulah! Kamu akan ketahui siapakah orang yang menempuh jalan yang datar dan siapakah yang menurut pimpinan yang benar." — Makna ayat 135, Surah Taha.

## PERMOHONAN MASUK U.B.D SESI 1985/86

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pemohon-pemohon adalah dipelawa untuk memasuki Universiti Brunei Darussalam bagi mengikuti kursus-kursus pengajian di peringkat ijazah dalam Fakulti Sastera dan Fakulti Pendidikan.

Kursus yang ditawarkan dalam Fakulti Sastera ialah Ijazah Sarjana Muda Sastera (B.A) Aliran Melayu dalam pengkhususan Sejarah dan Geografi; Sejarah dan Ekonomi. Bagi Ijazah Sarjana Muda Sastera (B.A) Aliran Inggeris pula pengkhususannya ialah Business and Public Administration dan Sosial Sains.

Sementara dalam Fakulti Pendidikan pula, Universiti Brunei Darussalam menawarkan Ijazah Sarjana Muda Sastera (Pendidikan) B.A. (Education) Aliran Melayu pengkhususan dalam Pengajian Islam (Feqh) dan (Tauhid) dan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu. Dan satu lagi kursus yang ditawarkan ialah Ijazah Sarjana Muda Sastera (Pendidikan) B.A (Education) dalam Aliran Inggeris di bidang pengkhususan Mathematics and Physics, Mathematics and Chemistry.

Tempoh pengajian bagi semua kursus ijazah di kedua-dua Fakulti tersebut adalah selama empat tahun.

Borang-borang dan keterangan yang berkaitan bolehlah didapati daripada Pejabat Urusetia, Universiti Brunei Darussalam, Tingkat 2, Bangunan Kementerian

Lihat muka 16



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddien Waddaulah, Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam.

### UCAPAN TAHNIAH

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddien Waddaullah, Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar tahniah kepada His Excellency Ronald Wilson Reagan, The President of The United States of America bersempena dengan Hari Kemerdekaan The United States of America pada 4 Julai.

### RALAT

Muka 16 keluaran 3 Julai terdapat kesilapan dalam para 4 di bawah tajuk Brunei Darussalam dicadang jadi tuan rumah. Dalam para tersebut sebetulnya bolasepak sekolah-sekolah ASIAN bukannya ASEAN.

Pelita Brunei

10 JULAI, 1985

*Dengan nama Allah yang pemurah dan maha penyayang*

## MENYAMBUT HARI KEPUTERAAN DENGAN MENGESANKAN SUASANA NEGARA BERAJA

ULANG Tahun yang ke-39 Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan akan disambut seperti lazimnya. Sambutan yang melibatkan berbagai-bagai peringkat dalam kerajaan dan orang ramai itu sudah merupakan sebahagian daripada tradisi yang memperjelaskan kedudukan negara ini sebagai negara beraja.

Sesungguhnya sambutan tersebut merupakan hari-hari perayaan. Hal ini sangat ketara menerusi berbagai-bagai acara yang diatur di seluruh negara yang melibatkan banyak pihak. Penglibatan yang boleh dikatakan menyeluruh itu adalah menandakan sambutan baik rakyat kepada usaha-usaha mengesankan suasana negara beraja. Maka kepentingan utama perayaan tersebut ialah pada memungkinkan kesan suasana negara beraja itu terus-menerus segar.

Kesegaran suasana negara beraja itu dinikmati dengan sebaik-baiknya oleh rakyat dan penduduk. Ia mendatangkan kebajikan dan kesejahteraan yang menyeluruh. Dan yang lebih utama dalam suasana negara beraja itu rakyat menaruh harapan sambil memberikan kepercayaan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan sebagai raja yang memerintah.

Harapan dan kepercayaan tersebut ternyata merupakan amanah yang selama ini terus-menerus dipupuk dan dipelihara dengan baik. Tidak syak lagi bahawa harapan dan kepercayaan rakyat yang merupakan amanah itu menjadi sebahagian unsur yang penting dalam memungkinkan kemantapan negara. Dan alhamdulillah dengan berkat harapan serta kepercayaan yang menjadi amanah itu sentiasa diambil kira maka negara kita untuk suatu jangka yang panjang telah menyaksikan suatu kepimpinan pemerintahan beraja yang berwibawa. Kewibawaannya itu, insya-Allah, akan terus berupaya memungkinkan kebajikan serta kesejahteraan rakyat dan penduduk.

Maka hendaknyalah sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda akan juga disempenakan bagi memupuk serta memelihara harapan dan kepercayaan yang sedia ada terhadap kepimpinan Baginda. Sambil itu juga kita berdoa kehadrat Allah Subhanahu Wataala akan sentiasa mentaufiqkan Baginda dalam memimpin negara serta menerajukan Kerajaan dengan cemerlang yang diredai dan juga diberkatinya.

## Peperiksaan SRM dan LCCI sedang dibuat

BERAKAS. — Persediaan-persediaan kini sedang dibuat bagi mengadakan Peperiksaan The Royal School of Music (Bahagian Teori) di negara ini dalam bulan November depan.

Borang-borang permohonan bagi peperiksaan tersebut boleh diperolehi dari Lembaga Peperiksaan, Kompleks Lapangan Terbang Lama di sini dan ianya hendaklah dikembalikan tidak lewat dari 31 Julai ini.

Sementara itu persediaan-persediaan juga dibuat bagi mengadakan Peperiksaan London Chamber of Commerce and Industry (PRIVATE SECRETARY'S CERTIFICATE EXAMINATION) bagi bulan Disember, 1985.

Di antara mata-mata pelajaran yang ditawarkan ialah Structure of Business, Communication, Shorthand, Typewriting Duties, Office Organisation & Secretarial Procedures dan Audio Typewriting Duties.

Semua borang-borang permohonan yang telah diisikan bersama-sama dengan bayaran-bayaran yang berkenaan hendaklah sampai ke Lembaga Peperiksaan, Jabatan Pelajaran, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas tidak lewat dari 23 Julai 1985. Sebarang permohonan yang dihantar terlewat dari tarikh tersebut tidak akan dilayan.

# KELAYAKAN DAN SYARAT-SYARAT KEMASUKAN KE UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM

1. Keperluan Pelajaran Asas

Calon-calon mestilah lulus peperiksaan Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge/Singapore Cambridge Peringkat Biasa atau peperiksaan yang diakui setaraf dengannya dengan mendapat sekurang-kurangnya 4 mata pelajaran dengan kepujian termasuk Bahasa Melayu. (Keputusan Bahasa Melayu dalam Peperiksaan London G.C.E. 'O' Level tidak lagi diiktiraf selepas Peperiksaan Januari 1984).

**2. Keperluan Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge/Singapore Cambridge Peringkat Lanjutan atau yang diakui setaraf dengannya.**

1. Calon-calon yang berkelulusan Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge/Singapore Cambridge Peringkat Lanjutan atau yang setaraf dengannya mestilah lulus sekurang-kurangnya dua mata pelajaran yang bersesuaian pada peringkat lanjutan (A Level). Calon-calon yang memperolehi kelulusan yang dikumpulkan dalam tempoh 2 tahun akademik atau 2 kali peperiksaan berturut-turut akan juga dipertimbangkan.

ii Keutamaan akan diberikan kepada calon-calon yang mengambil serta lulus Kertas Am/General Paper dalam Peperiksaan Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge/Singapore Cambridge Peringkat Lanjutan.

iii Keutamaan akan diberikan kepada calon-calon yang memenuhi syarat-syarat khas yang ditetapkan oleh masing-masing Fakulti.

**3. Lain-lain Syarat Kemasukan**

Calon-calon mestilah juga :

i Dapat memuaskan Unit Pemilihan tentang kecekapan mereka bertutur Bahasa Melayu dan atau Bahasa Inggeris mengikut garis pandu penilaian yang ditentukan.

ii Menghadir[illegible] emuduga atau apa-apa ujian se[illegible]ya diperlukan oleh Unit Pemili[illegible] untuk menilai kelayakan mere[illegible] mengikuti kursus di Universiti.

iii Lulus pemeriksaan Kesihatan dan lulus tapisan keselamatan setelah menerima tawaran.

iv Memenuhi apa-apa syarat lain yang ditetapkan oleh Universiti dari masa ke semasa.

4. Syarat-syarat Khas Fakulti Sastera

Fakulti Sastera mengandungi dua aliran iaitu Aliran Melayu dan Aliran Inggeris.

A. Aliran Melayu

i. Calon-calon yang ingin mengikuti kursus Sastera Aliran Melayu mestilah terlebih dahulu memenuhi "Kelayakan dan Syarat-syarat Kemasukan ke Universiti Brunei Darussalam" seperti dalam 1, 2 dan 3.

ii Mata-mata pelajaran yang diperlukan di dalam Peperiksaan Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge/Singapore Cambridge Peringkat Lanjutan atau yang setaraf dengannya ialah Sejarah, Ekonomi, Geografi, Bahasa Melayu, Pengetahuan Ugama Islam, Matematik dan lain-lain yang difikirkan sesuai oleh Unit Pemilihan.

iii Calon-calon hanyalah dibenarkan mengikuti jurusan masing-masing di dalam Fakulti Sastera setelah mendapat pengesahan dari Fakulti tersebut. Walau bagaimanapun pada peringkat permulaan ini penentuan akan diputuskan oleh Unit Pemilihan.

iv Keutamaan akan diberikan kepada calon-calon yang hendak mengikuti apa jua jurusan pengajian di dalam Fakulti Sastera Aliran Melayu sekiranya mereka lulus mata pelajaran Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua di dalam Peperiksaan Sijil Am Pelajaran Singapore Cambridge peringkat Biasa atau yang sebanding dengannya.

B. Aliran Inggeris

i Calon-calon yang ingin mengikuti kursus Sastera Aliran Inggeris mestilah terlebih dahulu memenuhi "Kelayakan dan Syarat-syarat Kemasukan Ke Universiti Brunei Darussalam" seperti dalam 1, 2 dan 3.

ii Mata-mata pelajaran yang diperlukan di dalam Peperiksaan Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge/Singapore Cambridge Peringkat Lanjutan atau yang setaraf dengannya ialah Sejarah, Geografi, Prinsip-Prinsip Perakuanan, Perakuanan, Ekonomi, Ilmu Perdagangan, Matematik dan lain-lain yang difikirkan bersesuaian oleh Unit Pemilihan.

iii Calon-calon hanyalah dibenarkan mengikuti jurusan masing-masing di dalam Fakulti Sastera setelah mendapat pengesahan dari Fakulti tersebut. Walau bagaimanapun pada peringkat permulaan ini penentuan akan diputuskan oleh Unit Pemilihan.

iv Keutamaan akan diberikan kepada calon-calon yang hendak mengikuti apa jua jurusan pengajian di dalam Fakulti Sastera Aliran Inggeris sekiranya mereka lulus dengan mendapat kepujian di dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris dalam Peperiksaan sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge Peringkat Biasa atau yang sebanding dengannya.

5. Syarat-syarat Khas Fakulti Pendidikan

Fakulti Pendidikan mengandungi 2 aliran iaitu Aliran Melayu dan Aliran Inggeris. (Aliran Melayu mengandungi juga jurusan Ugama).

A. Aliran Melayu (jurusan Ugama)

i Calon calon yang ingin mengikuti kursus Pendidikan Aliran Melayu (Jurusan Ugama) mestilah terlebih dahulu memenuhi "Kelayakan dan Syarat-syarat Kemasukan Ke Universiti Brunei Darussalam" seperti dalam 1, 2 dan 3.

ii Mata-mata pelajaran yang diperlukan di dalam Peperiksaan Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge/Singapore Cambridge Peringkat Lanjutan atau yang setaraf dengannya ialah Pengetahuan Ugama Islam dalam bidang Tauhid, Feqh, Tarikh Islam dan lain-lain yang difikirkan bersesuaian oleh Unit Pemilihan.

iii Calon-calon hanyalah dibenarkan mengikuti jurusan masing-masing di dalam Fakulti Pendidikan setelah mendapat pengesahan dari Fakulti tersebut. Walau bagaimanapun pada peringkat permulaan ini penentuan akan diputuskan oleh Unit Pemilihan.

iv Keutamaan akan diberikan kepada calon-calon yang lulus mata pelajaran Bahasa Arab pada Peringkat Biasa.

v Buat masa ini calon-calon yang dipelawa hanyalah terdiri daripada pegawai-pegawai dan guru-guru Ugama yang bertugas dalam pentadbiran pendidikan dan pengajaran Ugama di Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei.

B. Aliran Melayu

i. Calon-calon yang ingin mengikuti kursus Pendidikan Aliran Melayu mestilah terlebih dahulu memenuhi "Kelayakan dan Syarat-syarat Kemasukan ke Universiti Brunei Darussalam" seperti dalam 1, 2 dan 3.

ii Mata-mata pelajaran yang diperlukan di dalam Peperiksaan Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge/Singapore Cambridge Peringkat Lanjutan atau yang setaraf dengannya ialah Bahasa Melayu, Kesusasteraan Melayu, Pengetahuan Ugama Islam dan lain-lain mata pelajaran yang difikirkan bersesuaian oleh Unit Pemilihan.

iii Calon-calon hanyalah dibenarkan mengikuti jurusan masing-masing di dalam Fakulti Pendidikan setelah mendapat pengesahan dari Fakulti tersebut. Walau bagaimanapun pada peringkat permulaan ini penentuan akan diputuskan oleh Unit Pemilihan.

iv Keutamaan akan diberikan kepada calon-calon yang lulus mata pelajaran Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua di dalam Peperiksaan Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge/Singapore Cambridge Peringkat Biasa atau yang setaraf dengannya.

C. Aliran Inggeris

i. Calon-calon yang ingin mengikuti kursus Pendidikan Aliran Inggeris mestilah terlebih dahulu memenuhi "Kelayakan dan Syarat-syarat Kemasukan ke Universiti Brunei Darussalam" seperti dalam 1, 2, dan 3.

ii Mata-mata pelajaran yang diperlukan di dalam Peperiksaan Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge/Singapore Cambridge Peringkat Lanjutan atau yang setaraf dengannya ialah mata pelajaran Matematik Gunaan, Matematik, Statistik dengan Matematik, Fizik, Kimia, Biologi dan lain-lain yang difikirkan sesuai oleh Unit Pemilihan.

iii Calon-calon hanyalah dibenarkan mengikuti jurusan masing-masing di dalam Fakulti Pendidikan setelah mendapat pengesahan dari Fakulti tersebut. Walau bagaimanapun pada peringkat permulaan ini penentuan akan diputuskan oleh Unit Pemilihan.

iv Keutamaan akan diberikan kepada calon-calon yang lulus dengan mendapat kepujian di dalam mata pelajaran bahasa Inggeris di dalam Peperiksaan Brunei Cambridge atau yang setaraf dengannya.

**6. Syarat-syarat bagi Calon-calon Yang Terdiri daripada Guru-guru dan Pegawai-pegawai Yang Sedang Berkhidmat.**

6.1 Calon-calon yang sedang berkhidmat di dalam bidang pentadbiran Pendidikan dan pengajaran di Kementerian Pelajaran dan Kesihatan, Negara Brunei Darussalam bolehlah menghadapkan permohonan.

6.2 Walau bagaimanapun tanpa menghiraukan syarat-syarat dalam iklan ini, pada peringkat permulaan ini, syarat-syarat seperti dalam Surat Keliling Jabatan Pelajaran Bilangan 54/1985 bertarikh 18 Mac 1985 iaitu "TAWARAN BAGI KURSUS-KURSUS DI SEBERANG LAUT ATAS PENGANUGERAHAN LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN/CUTI BELAJAR/DERMASISWA (CUTI TIDAK BERGAJI) BAGI TAHUN 1985/1986" akan dikenakan sepanjang yang bersangkutan dengan kelulusan akademik, kelamaan berkhidmat dan jenis-jenis kursus yang ditentukan oleh Jabatan Pelajaran Negara Brunei Darussalam berdasarkan bidang-bidang pengajian yang terdapat dalam Universiti Brunei Darussalam. Manakala lain-lain syarat yang terkandung dalam Surat Keliling yang dirujuk ini akan diberi [illegible] dari semasa ke semasa.



DYTM Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan YTM Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Zariah mengalu-alukan ketibaan TYT Tuan Hans Dietrich Genscher Menteri Luar Republik Persekutuan Jerman di Lapangan Terbang Antarabangsa Berakas.



DYTM Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ketika menerima mengadap TYT Tuan Hans Dietrich Genscher di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

# MENLU JERMAN MELAWAT BRUNEI DARUSSALAM

Liputan Jaafar Ibrahim, Ahat Ismail, Johari HAL, Aisah Piee, Abdul Karim HAB dan Zubaidah Haji Salat.
Gambar-gambar Haji Sharbini, Pengiran Haji Yaakub, Ak. Abu Bakar PHO, Ak. Bahar PHO dan Harun Rashid.

BERAKAS. — Tuan Yang Terutama, Tuan Hans-Dietrich Genscher, Menteri Hal-Ehwal Luar Negeri Republik Persekutuan Jerman dan rombongan telah tiba ke negara ini Rabu lepas bagi lawatan rasmi selama dua hari.

Berangkat ke Lapangan Terbang Antarabangsa bagi mengalu-alukan ketibaan Tuan Yang Terutama berserta rombongan ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Negara Brunei Darussalam dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Zariah.

Tuan Yang Terutama dan rombongan adalah dalam rangka lawatan rasmi ke beberapa buah negara di Asia termasuk Negara Brunei Darussalam.

### MENGADAP

Sejurus ketibaannya ke negara ini; Tuan Yang Terutama, Tuan Hans-Dietrich Genscher kemudiannya diperkenankan mengadap ke hadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussldam di Istana Nurul Iman.

Dari sana, Tuan Yang Terutama mengadap Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri di Jalan Subok.

### PENUBUHAN KEDUTAAN

Di sebelah petang pula, Tuan Yang Terutama, Tuan Hans-Dietrich Genscher, Menteri Hal-Ehwal Luar Negeri Republik Persekutuan Jerman telah membuka rasmi penubuhan kedutaan Besar Republik Persekutuan Jerman, yang terletak di Kampong Manggis Satu, Jalan Muara.

Berangkat ke upacara pembukaan tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri.

Hadir sama termasuklah Setiausaha-setiausaha ,Tetap Kementerian dan diplomat-diplomat asing ke negara ini.

Kemudian pada sebelah malamnya pula satu majlis jamuan makan malam telah diberikan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, telah diadakan di Istana Tetamu bagi meraikan Tuan Yang Terutama, Tuan Hans-Dietrich Genscher, Menteri Hal-Ehwal Luar Negeri Republik Persekutuan Jerman, berserta rombongannya.

Tuan Yang Terutama, Tuan Hans-Dietrich Genscher berserta rombongannya berlepas meninggalkan negara ini pada pagi Khamis lalu dan seterusnya meneruskan lawatan ke beberapa buah negara Asia yang lain.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam, berada di Lapangan Terbang Antarabangsa bagi mengucapkan selamat belayar.

Semasa berada di sini, Tuan Yang Terutama juga berkesempatan melawat Masjid Omar Ali Saifuddin di ibu negara dan Pejabat Penerbangan Diraja di Jalan Kumbang Pasang.

Sementara itu dalam aturcara yang berasingan, Isteri kepada Tuan Yang Terutama Puan Genscher telah mengadakan lawatan ke Kampong Ayer. Lawatan Puan Genscher diiringi oleh ahli-ahli Pertubuhan Perkumpulan WI.



DYTM Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, TYT Tuan Hans Dietrich Genscher dan TYT Eckart Cuntz, di majlis pembukaan rasmi penubuhan Kedutaan Jerman di Kampong Manggis.



DYTM Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan TYT Tuan Hans Dietrich Genscher di majlis Makan Malam yang diadakan di Istana Tetamu.





TYT Tuan Hans Dietrich Genscher ketika melawat Masjid Omar Ali Saifuddin (kiri) dan melawat Pejabat Penerbangan Diraja di Jalan Kumbang Pasang (atas).

## YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS.... Siri ke-284

# PUAK BATINIYYAH Siri kesebelas



6. Mereka beriktikad bahawa Al-Imam-imam (pemimpin-pemimpin mereka) ialah anak-anak Sayidina Al-Hussin bin Ali Ibnu Abi Talib Alaihimas Salam. Dan mereka beriktikad bahawa Al-Imam mereka mengetahui perkara-perkara ghaib dan ilmu ghaib itu datang daripada tuhan mereka yang mentadbirkan alam ini. (Mereka mempunyai macam-macam tuhan yang mana satukah tuhan mereka, adakah cara tuhan orang-orang Greek, atau Tuhan Hindu Majusi atau Tuhan cara Buddha?).

Perkataan Puak Batiniyyah itu adalah salah dan batil, kiranya harus datang pemimpin daripada anak cucu Sayidina Al-Hussin Alaihis Salam, maka harus juga boleh datang pemimpin itu daripada anak cucu Sayidina Al-Hussin bin Ali bin Abi Talib Alaihimas Salam, dan harus juga datang pemimpin itu daripada orang yang sah nasabnya kepada Sayidina Al-Hussin Alaihis Salam selepas cucundanya Al-Imam Muhammad bin Ismail bin Ja'afar As-Sadiq bin Muhammad Al-Baqar bin Ali Zain Al-Abidin bin Sayidina Al-Hussin Al-Sabt, cucu Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam Ibnu Ali bin Abi Talib Alaihimmus Salam bahkan harus juga datang pemimpin mereka dan imam mereka daripada anak cucu Abdullah bin Maimun Al-Qaddah Ath-Thanawil Majusi ketua puak Batiniyyah yang kafir itu.

Mereka berkata Al-Imam (pemimpin) mereka mengetahui segala perkara yang berlaku di atas bumi dan dalam bumi, perkataan mereka tiada ada dalil sama ada dari akal atau dari naqal, dan kita umat Islam ketahui bahawa pangkat Nabi lebih tinggi dari pangkat Al-Imamah, dan Allah Taala telah mengkhabarkan kepada keadaan Nabi kita Sayidina Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dalam Al-Quran Surah Al-A'araf ayat 188 yang tafsirannya: *"Jikalau saya ada mengetahui perkara-perkara yang ghaib, nescaya saya membanyakkan perkara-perkara yang berkebajikan dan tiadalah saya kena kejahatan dari kesusahan dan lain-lain kerana saya telah berjaga-jaga daripadanya dengan menjauhi perkara yang mudarat, padahal saya tiada dapat berbuat begitu, melainkan dengan izin Allah jua."*

7. Mereka engkarkan hari kiamat dan bangkit dari kubur dan berhimpun di padang Mahsyar, dan mereka engkarkan syurga dan neraka, menurut apa yang disebutkan dalam Al-Quran, dan menurut apa yang diketahui thabit adanya daripada ugama Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, dan mereka berkata bahawa mengetahui hari kiamat itu wajib tetapi bukan menurut erti yang diketahui oleh puak yang memegang zahir, mereka berkata kiamat itu ertinya bangkit Qaimuz Zaman iaitu keluar Al-Imam mereka, iaitu Al-Imam ketujuh sementara Ma'ad (hari kembali, hari kiamat) itu pada faham mereka iaitu balik dan kembali tiap-tiap suatu kepada asalnya iaitu tabiat yang empat, maka manusia itu tersusun dari perkara roh (rohi) dan dari perkara jisim (Jasmani badan), dan jasmani manusia itu tersusun dari empat campuran iaitu: As-Safra', As-Sauda', Al-Balgham dan Ad-Dam, maka badan dan jisim itu luluh dan ia balik semula pada tabiatnya dan asalnya, maka As-Safra' jadi api, As-Sauda' jadi tanah, Ad-Dam jadi angin, dan Al-Balgham jadi air, maka itulah namanya Ma'ad pada faham dan borak mereka.

Adapun rohani manusia itu ialah An-Nafsul Mudrikah, jika ia bersih dengan membuat ibadat-ibadat dan suci dengan menjauhi syahwat, dan dibekalkan dia dengan ilmu-ilmu batin, nescaya ia berhubung dengan alam rohani setelah ia berpisah daripadanya pada masa yang lampau, dan itulah namanya kembali pada hari kiamat atau Ma'ad. Ini satu dari borak mereka.

Adapun diri yang kecewa dan mankusah dari mendapat hidayat daripada imam-imam yang ma'sum (orang-orang yang tiada masuk dalam puak Batiniyyah dan mengikut imam-imam mereka) kekallah ia sepanjang-panjang masa, menjelma dan masuk dalam badan-badan lain (Tanasukhul Arwah) dan menanggung kepedihan azab dan sengsara, dan diri atau roh itu lepas selamat masuk ke dalam badan lepas satu badan ke dalam satu badan. Ini lagi borak mereka dan kufur mereka.

8. Mereka berkata syariat (ugama) itu ada mempunyai batin, tiadalah diketahui akan batin melainkan imam mereka atau penolong-penolongnya, begitu juga apa yang disebutkan dari perkara bangkit dari kubur dan berhimpun di padang Mahsyar dan lain-lain seumpamanya, maka semuanya itu misal, tanda menunjukkan pada perkara batin, maka erti mandi ialah membaharukan ikatan setia dengan imam, jama' ertinya berkata-kata kepada orang-orang yang tiada mengetahui perkara batin, zina ertinya memberitahu kepada telinga yang tiada ketahui akannya, bersuci ertinya berlepas diri segala mazhab yang bertentang dengan Batiniyyah, tayammum itu mengambil ilmu daripada Ma'zun (penolong imam), sembahyang itu berdoa pada imam (pemimpin) zakat itu memberi ilmu kepada orang berhak menerima akannya itu menyembunyikan ilmu dari puak yang memegang zahir sesuatu, Haji itu mencari ilmu yang bergerak akal kepadanya, Ka'abah itu ertinya Nabi, Bab itu ertinya Ali, Safa itu Nabi, Marwah itu Ali, Miqat itu Imam, Talbih (Labbaik) itu menyahut panggilan pendakwah kepada puak Batin itu, Tawaf tujuh kali di Ka'abah ertinya Tawaf dengan Muhammad sehingga sempurna tujuh orang imam (pemimpin mereka), Sembahyang Subuh itu; jalan menunjukkan kepada As-Sabiq (Tuhan mereka), Sembahyang Zuhur itu menunjukkan kepada At-Tali (Tuhan mereka), Sembahyang Asar itu menunjukkan kepada Al-Asas iaitu Wasi (siapa yang akan ganti imam mereka), sembahyang Maghrib menunjukkan kepada An-Natiq, sembahyang Isyak menunjukkan kepada Al-Imam.

Mereka berkata: Sembahyang itu difardukan tiap-tiap setahun sekali, barangsiapa sembahyang dalam setahun sekali, maka ia telah mendirikan sembahyang dengan tiada berulang-ulang, sebagaimana zakat juga.

Mereka berkata bahawa zakat dan sembahyang itu taat kepada Muhammad dan Ali maka barangsiapa taat kepadanya maka sesungguhnya ia telah mendirikan sembahyang dan membayar zakat.

Erti neraka jahanam itu ertinya melepaskan daripada seorang tanggungan ibadat, tanggungan mengerjakan ibadat itu diletakkan pada tanggungan orang yang tiada mengerti ilmu batin.

Erti syurga itu ilmu batin, dan neraka itu ilmu zahir, pintu-pintu syurga: Darjat-darjat susunan ilmu batin, dan darjat hikmat ilmu batin.

Adapun iblis dan Adam itu ialah Abu Bakar dan Ali, dan dia itu buta sebelah mata kerana ia melihat hanya dengan ilmu zahir, dan Ya'juz Wa Ma'juz itu ialah puak yang memegang zahir sesuatu.

Segala apa yang diharamkan oleh Syara' Islam itu, maka mereka berkata semuanya yang haram itu menjadi halal dan harus pada mereka.

Tiap-tiap yang zahir itu ada mempunyai batin, tidaklah kamu lihat bahawa telur itu ada batin dan zahir, maka yang zahir itu semua orang mengetahui akan dia, dan yang batin tiada diketahui melainkan sedikit orang. Dan orang yang sedikit itu orang yang lebih afdhal.

Ini semuanya ta'wil dan borak mereka, mengaburkan mata orang yang ditipunya itu menyangka bahawa orang-orang Batiniyyah tahu Al-Quran dan hadis padahal mereka tiada percayakan sesuatu dari ugama Allah sama ada Al-Quran atau hadis atau hukum-hukum Allah menurut kata-kata mereka telah lalu. Inilah cara mereka menipu orang-orang bodoh.

Mereka berkata: Orang Mukmin (mereka) apabila ia mati, maka dibersihkan badannya dan tinggal lembaga yang bersih seperti rupa orang itu, dia berdiri di pintu imam yang ada pada masanya itu, begitulah caranya orang Mukmin (pada pandangan mereka) jadi selamat.

Mereka berkata: Orang bukan mukmin iaitu siapa yang mendengar seruan imam mereka, dan tiada menerima seruan imam mereka, maka zatnya menjadi gelap, berupa seperti rupa binatang bernyawa, apabila ia dipindahkan, maka dia berkeluh-kesah mencari tempat selamat, maka tiada dapat melainkan gelap sengsara, maka rohnya mencari jasadnya, maka didapatinya jasadnya telah binasa bertabur dalam angin dan di tanah-tanah lapang dan di tempat-tempat najis, jikalau ia berjumpa manusia yang jahat yang gelap ia masuk ke dalamnya dan menyerangnya itulah namanya gila.

Mereka berkata jin itu ialah rupa-rupa mereka yang buruk, iaitu rupa orang yang menentang pendakwah-pendakwah mereka dan tempat mereka di tanah-tanah lapang dan tempat-tempat yang buruk.

Mereka berkata: Kalimah Syahadat ada 2 bahagian, mempunyai 4 kalimah, 7 fasal, 12 huruf. Manusia itu jisim dan roh, 2 bahagian tersusun dari 4 tabiat, mempunyai 7 anggota, 12 kerat, dunia ada 2 bahagian, makmur dan kosong, mempunyai 4 pihak, Timur Barat, Selatan dan Utara, mempunyai 7 negeri, dan 12 pulau, pelak (alam) itu ada 2 bahagian bawah dan atas, mempunyai 4 titik, padanya 7 pelak, padanya 7 bintang, 12 buruj, bertentang dengan kalimah syahadat, dan La Ilaha Illallah itu mujmalah tiada imam melainkan imam yang sekarang.

Makna La Ilahaillallah, tersusun dari 4 kalimah 2 Isim yang halus iaitu Ilaha dan Allah, 2 kalimah yang sukar difaham selalu disebut orang iaitu La dan Ila.

La Ilahaillallah ada 7 fasal menunjukkan 7 imam. 12 huruf menunjukkan 12 hujjah (bukti) sama seperti alam ada 2 bahagian, 4 pihak 7 negeri, dan 12 pulau.

Ketahuilah bahawa asas Islam dan dasarnya ialah makrifat Allah Taala (mengetahui Allah), kemudian mengucap dua kalimah syahadat, iaitu mengesakan Allah dan mengaku kenabian Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, dan percayakan segala apa yang dibawa oleh baginda, maka mereka ta'wilkan dua kalimah syahadat itu sebagaimana di atas dengan tujuan hendak menyebarkan ilhad dan kufurkan Allah Taala kepada manusia.

Inilah setengah daripada ta'wil dan mengubah hakikat dan erti ugama dan hukum Syara' Islam, yang direka oleh khayal dan kufur dan busuk hati mereka kepada ugama Islam dan umat Islam, dan cara hendak mengeliru dan membodohkan mereka.

WALLAHUAKLAM

(Bersambung)

## Keluarga Serani memeluk Islam

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu Majlis Pengislaman bagi seramai tiga orang ahli satu keluarga Serani telah dilangsungkan di rumah kediaman Ketua Kampong Sungai Kedayan 'B', Awang Haji Rosli bin Haji Abdul Aziz pada malam Rabu lepas.

Saudara baru itu terdiri daripada seorang ibu dan dua orang anak perempuannya.

Mereka kini dikenali dengan nama Dayang Afsah binti Abdullah 44 tahun, Fauziah binti Abdullah 19 tahun dan Azizah binti Abdullah 15 tahun.

Majlis pengislaman itu telah disempurnakan oleh Dayang Hajjah Zaharani binti Haji Wasli, pegawai daripada Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei Darussalam.



KETIGA-tiga saudara baru ketika melafazkan ikrar Islam mereka. — Gambar oleh Haji Sharbini Taha.

## Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 10 Julai, 1985 hingga ke hari Selasa 16 Julai, 1985 adalah seperti di bawah ini : —

| HARI BULAN | ZUHUR | | ASAR | | MAGHRIB | | ISYAK | | IMSAK | SUBUH | | MATAHARI TERBIT |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | | Mulai | Berakhir | |
| Julai | | | | | | | | | | | | |
| 10 | 12.30 | 3.50 | 3.51 | 6.40 | 6.41 | 7.51 | 7.52 | 4.53 | 4.39 | 4.54 | 6.11 | 6.12 |
| 11–15 | 12.31 | 3.50 | 3.51 | 6.41 | 6.42 | 7.52 | 7.53 | 4.54 | 4.40 | 4.55 | 6.12 | 6.13 |
| 16 | 12.31 | 3.50 | 3.51 | 6.41 | 6.42 | 7.52 | 7.53 | 4.55 | 4.41 | 4.56 | 6.13 | 6.14 |

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit pada tiap-tiap waktu. Sembahyang Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.

# MEMBESARKAN PERUT PERBUATAN TERCELA




MARILAH kita bertakwa ke hadrat Allah dengan mengerjakan segala apa jua suruhan-Nya dan menjauhi segala apa jua larangan-Nya.

Sesuai dengan kita baharu sahaja melalui bulan Ramadan yang mulia, marilah kita mengingat-ingat kembali tentang penanggungan kita menahan perut (berlapar) bahawa perbuatan itu sebenarnya tidak tercela tetapi sebaliknya yang tercela itu ialah membesarkan perut (kuat makan). Untuk itu, maka marilah kita merenungkan sebuah hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud :

*"Sifat-sifat yang paling aku bimbang berlaku ke atas umatku ialah : perut besar, selalu tidur, malas dan lemah iman."*

Dalam hadis ini Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah mengingatkan umat Islam supaya menjauhi sifat-sifat yang boleh membinasakan seseorang dan dengan serentak melemahkan masyarakat. Sifat-sifat tersebut ialah terlalu banyak makan, tidur, malas dan lemah iman.

Banyak makan bukan sahaja boleh mendatangkan berbagai-bagai penyakit dan menambahkan berat badan, bahkan juga boleh mengurangkan kecerdasan berfikir dan melemahkan akal serta seterusnya mengurangkan perasaan khusyuk dalam beribadat. Hal ini tidak payah kita pertikaikan lagi kebenarannya sebab sudah jelas diakui oleh siapa saja.

Demikian pula banyak tidur atau selalu tidur, ia bukan sahaja menyebabkan kepicikan rezeki dan ilmu pengetahuan, bahkan menjadikan juga hidup seseorang sia-sia dan tertinggal di belakang dalam pengelutan hidup ini. Betapa tidak, bukankah banyak tidur itu kadang-kadang merupakan satu helah ilmu jiwa untuk mengelakkan tanggungjawab-tanggungjawab yang berat atau saja kerana memang tidak gemar menghadapi masalah-masalah dan kenyataan di mana semua itu sama sahaja merupakan gejala-gejala kerugian dan bencana.

Demikian pula sifat malas adalah kunci segala kegagalan, baik dalam urusan-urusan dunia mahupun dalam urusan yang mengenai hidup di akhirat, yang berpangkal dari ibadat kepada Allah Taala.

Kemudian akhir sekali yang ditakuti oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ialah lemah iman, lemah kepercayaan kerana iman atau kepercayaan itu ibarat tenaga penggerak atau tembuk kebal yang tidak boleh ditembusi, jika ia lemah atau roboh maka mudahlah hidup seseorang itu dikotak-katikkan oleh syaitan atau ejen-ejennya, yang memang tidak suka melihat umat Muhammad yang beriman terus menjadi hero yang diredai oleh Allah.

Oleh hal yang demikian wahai kaum Muslimim Marilah kita baca dan fahamkan baik-baik hadis ini, yang mengingatkan kita, bahawa perbuatan makan banyak, tidur banyak, malas dan lemah iman itu adalah merupakan empat serangkai yang sangat merbahaya kepada hidup, kepada pembangunan yang kerana itulah ia ditakuti oleh Nabi kalau-kalau menjadi pakaian kepada umatnya.

*Menuju keredaan Allah*

# SIFAT SOMBONG YANG DIBENCI

DALAM membicarakan sifat-sifat tercela yang perlu kita hindari seperti sifat-sifat janji palsu dan bohong yang termasuk dalam sifat munafik maka kali ini kita perlu rasanya membicarakan persoalan sifat sombong atau ego.

Mengapa terdapat sifat demikian dalam masyarakat kita khususnya umat Islam, apa lagi dewasa ini, satu sifat yang terdapat dalam diri kita yang kadang-kadang tidak kita sedari, di mana banyak perkataan yang sama maksudnya dalam membicarakan pengertian tersebut seperti ria, ujub, takabbur dan lain-lain. Pokoknya semua sifat-sifat itu adalah bererti satu sifat yang menunjukkan sikap seseorang itu dalam menonjolkan atau membanggakan diri, baik secara percakapan, lagak atau perbuatannya. Timbulnya sifat ini kepada manusia yang berkenaan adalah kadang-kadang kerana kedudukan, kekayaan, kuasa, rupa atau wajah yang cantik dan macam-macam lagi.

Sifat demikian boleh membuat masyarakat kelilingnya bosan atau kelanguan dan akan membawa kepada permusuhan dan persengketaan sesama kita di mana sehingga menimbulkan perbuatan tidak bertegur-sapa sesama sendiri. Allah memberikan kekayaan dan rezeki atau kedudukan kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya bukanlah semata-mata untuk ditunjuk-tunjukkan atau dibangga-banggakan kepada sesama manusia, sebaliknya kepada mereka yang diberi-Nya harta kekayaan dikehendaki-Nya untuk mengeluarkan zakat bukan untuk menjadi punca kemegahan dengan cara berlagak dan bercakap takabbur sehingga menyinggung hati dan perasaan orang. Begitu juga dengan wajah-wajah yang cantik, bukanlah untuk dipamerkan dengan cara pesta memilih ratu cantik, iklan dan sebagainya yang dianggap sebagai bahan tontonan yang akan memberikan jolokan paling cantik dan pandai bergaya. Sesungguhnya kecantikan yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wataala kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya, bukannya bertujuan untuk memikat seberapa banyak orang supaya tergila-gila dengannya, dan memandang orang lain yang tidak berwajah cantik dengan rendah dan jelingan mata yang mengejek.

Mengapakah sifat sombong sedemikian dilakukan, jika kita terfikir bahawa kesenangan, kekayaan, kuasa, kecantikan dan lainnya itu tidak akan kekal selamanya. Harta benda, rumah-rumah besar dan mewah akan hancur dimakan zaman, kuasa dan kedudukan akan hilang, wajah-wajah yang cantik akan pudar dimakan usia yang kian tua. Semuanya ini tidak kekal kerana sifat demikian adalah sifat tercela. Ke mana kita mahu bersembunyi dari perbuatan sedemikian, tidak ada ruang atau tempat pun yang boleh menutup jasad kita daripada penglihatan Allah. Kerana dunia ini adalah dalam pentadbiran-Nya jua. Bukankah Allah telah mengingatkan kita dengan tegas seperti firman-Nya dalam Surah Al-Isra' ayat 37 yang bermaksud: *"Dan janganlah engkau berjalan di muka bumi dengan berlagak sombong, kerana sesungguhnya engkau tidak akan dapat menembusi bumi dan engkau tidak akan dapat menyamai sepertimana gunung-ganang."*

Maka bila kita menilik kepada asal kita sebagai manusia, kita tidak akan berbuat demikian, kerana manusia itu adalah sama saja kejadiannya, hanya yang meninggikan taraf manusia itu kepada taraf kemuliaannya adalah kerana ketakwaan, keilmuan dan kepandaiannya menggunakan harta dan kekuasaannya dengan jalan yang diredai Allah. Kerana betapapun kedudukan kita manusia di atas bumi ini tidak akan selamanya, bukankah *"Tiap-tiap yang bernyawa akan merasai mati."* Surah Al-Imran ayat 185. Dalam hal sedemikian ini sudah sewajarnyalah dewasa ini dalam zaman kemajuan dan ketinggian ilmu sains dan teknologi tidak bermakna kita akan melupakan perhiasan batin diri sendiri dengan sifat yang terpuji. Betapa pun dunia telah lebih maju dengan pencapaian taraf kedudukan bangsa-bangsa di atasnya, dengan ilmu dan kebolehan mereka hingga ke angkasa lepas namun mereka telah dipandang rendah oleh Allah selagi sifat yang keseluruhannya termasuk dalam sifat munafik itu masih lagi ada kerana bangsa yang mulia adalah bangsa yang manusianya terdiri dari manusia yang teguh dengan pegangan ugamanya dan menghindari kecelaan dan larangan-Nya, yang membawa hidup kita bahagia dalam sebuah negara yang aman damai, kerana *"Negara yang berkebajikan diliputi keampunan Ilahi"* Surah As-Saba' ayat 15.

# Masjid baru penduduk Mukim Sengkurong

MUKIM Sengkurong akan mendapat sebuah bangunan masjid baru (gambar) bagi menggantikan masjid yang ada pada masa ini, apabila projek yang menelan belanja $4 juta ini siap bulan September depan.

Pembinaan bangunan masjid baru ini bermula bulan Februari tahun lalu oleh Pemborong P.M Construction and Trading Limited di atas sebidang tanah seluas 4.74 ekar yang diwakafkan oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Md. Noor bin Pehin Orang Kaya Laksamana Awang Abdul Razak. Apabil siap nanti bangunan masjid ini boleh memuat 1,500 orang jemaah.

Kemudahan yang terdapat bagi masjid ini termasuklah madrasah, pejabat imam, stor, dapur kecil serta kawasan letak kereta untuk 200 buah. — JAL.



# Berkhidmat sebagai Mata-Mata

GADONG. — Pasukan Polis Diraja Negara Brunei Darussalam kini mempelawa pemuda-pemudi di negara ini untuk berkhidmat sebagai Mata-Mata Polis lelaki dan wanita.

Pemohon-pemohon mestilah terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam, tinggi tidak kurang dari 5 kaki 2 inci bagi rekrut lelaki dan 5 kaki tinggi bagi rekrut wanita.

Pemohon-pemohon juga hendaklah berumur antara 18 tahun dan tidak lebih dari 28 tahun serta berbadan sihat, sama ada bujang atau sudah berkahwin bagi lelaki, sementara rekrut wanita hendaklah masih bujang.

Calon-calon juga mestilah lepasan dari atau sedang menuntut di sekolah-sekolah menengah Melayu atau Inggeris, dan keutamaan akan diberi kepada mereka yang mempunyai kelulusan akademik yang tinggi.

Mereka yang berminat untuk menceburi kerjaya tersebut adalah diminta hadir untuk temuduga pada bila-bila masa Ibu Pejabat Polis dibuka.

# DAERAH BELAIT DAN TUTONG PILIH WAKIL

Oleh: Ahat Ismail

KUALA BELAIT. — Juara-juara Silat dan Kuntau Daerah Belait dan Tutong telah dipilih bagi mewakili daerah mereka masing-masing ke perlawanan peringkat negara yang dijangka akan berlangsung pada pertengahan bulan ini di Istana Nurul Iman.

Kejohanan Silat dan Kuntau itu adalah merupakan projek tahunan bersempena menyambut hari keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam.

Daerah Belait akan diwakili oleh Pengiran Ali Udin bin Pengiran Damit, Juara Kuntau dan Cikgu Dua bin Haji Gharib, Juara Silat. Kedua-dua mereka terpilih bagi mewakili daerah tersebut dalam satu perlawanan yang berlangsung di Dewan Kemasyarakatan Kuala Belait baru-baru ini.

Sementara itu dalam perlawanan yang sama yang dilangsungkan di Pantai Seri Kenangan Tutong, Awang Mohammad Noor bin Osman muncul sebagai Juara Kuntau dan Awang Isa bin Sabtu pula menjuarai bahagian Silat. Kedua-dua mereka akan mewakili Daerah Tutong dalam perlawanan peringkat negara yang akan datang.



CIKGU Dua bin Haji Gharib, Johan Silat bagi Daerah Belait.



AWANG Isa bin Sabtu (berkaca mata), Juara Silat dan Awang Mohammad Noor bin Osman, Juara Kuntau. Kedua-dua mereka akan mewakili Daerah Tutong dalam kejohanan Silat dan Kuntau yang akan berlangsung di Istana Nurul Iman.



AWANG Haji Puasa bin Tudin, Pegawai Daerah Belait menyampaikan hadiah kepada Johan Kuntau daerah itu, Pg Ali Udin bin Pengiran Damit.

## ANGKA TUNJUK

ANGKA Tunjuk Harga Barang-barang Pengguna bagi bulan Mei, 1985 ialah 146.4 mata dan ini adalah 0.1% lebih tinggi dari angka tunjuk bagi bulan April, 1985. Jika dibandingkan dengan angka tunjuk bagi bulan Mei, 1984, angka tunjuk bagi bulan ini adalah 2.8% lebih tinggi.

Kenaikan angka tunjuk bulan ini adalah disebabkan oleh kenaikan angka tunjuk kumpulan "Makanan". Kumpulan lain adalah masih tetap tidak berubah.

Perkara-perkara yang menyebabkan kenaikan angka tunjuk kumpulan "Makanan" ialah ikan hidup (temenong besar, bekalang, bakulan, tamban, udang besar dan udang galah) dan sayur-sayuran (sawi putih, bayam, timun dan kacang panjang).

## Peraduan Seni Lukis

KUALA BELAIT. — Sekolah Menengah Perdana Wazir di sini akan menganjurkan Pameran dan Peraduan Seni Lukis, terbuka kepada sekolah-sekolah di Daerah Belait, sempena Hari Keputeraan ke-39, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam.

Borang-borang penyertaan boleh didapati sekarang dari Sekolah Menengah Perdana Wazir dan Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Kuala Belait dan Seria. Ianya hendaklah dikembalikan tidak lewat dari 27 Julai, jam 12.00 tengah hari. Keterangan lanjut mengenainya boleh diperolehi dari ahli-ahli jawatankuasa yang dilantik.

Upacara perasmian dan penyampaian hadiah bagi peraduan tersebut akan diadakan pada 3 Ogos depan.

## Dialog pupuk semangat muda-mudi

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu majlis dialog anjuran perkhidmatan Perpustakaan Muda-Mudi Dewan Bahasa dan Pustaka telah berlangsung di Balai Pameran Dewan Bahasa dan Pustaka di ibu negara di sini pada Sabtu lepas.

Muda-Mudi — Tanggungjawab dan Kewajipan adalah tajuk dialog yang telah dibentangkan oleh dua orang peserta yang khusus diundang, yang terdiri daripada Awang Mohd Taib bin Haji Othman dari Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan dan Dayang Hajjah Intan binti Haji Kassim dari Pusat Siasatan dan Jenayah.

Sebelum dialog dimulakan di majlis pagi itu telah dimulakan dengan ucapan alu-aluan yang disampaikan oleh Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Awang Haji Ahmad bin Kadi.

Selain daripada Aktiviti Perpustakaan bagi mengisi masa lapang ahli-ahlinya, majlis ini juga bertujuan memupuk kesedaran muda-mudi khususnya supaya bersikap tanggungjawab dan menyedari kewajipan mereka terhadap negara, di samping menghindarkan diri dari terlibat dengan perkara-perkara yang tidak berfaedah.

Lebih kurang 50 orang ahli-ahli Perpustakaan dan cawangan yang hadir juga dari ketua-ketua bahagian Dewan Bahasa dan Pustaka.

## Penyampaian Majalah Untuk Pesakit

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu majlis penyampaian majalah-majalah telah berlangsung di Wad 19 dan 20 di Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha pada hari Isnin lepas.

Majalah-majalah tersebut sebanyak 47 judul yang meliputi pelbagai ilmu pengetahuan adalah sumbangan dari Dewan Bahasa dan Pustaka, dan telah disampaikan oleh Dayang Nellie binti Haji Sunny, Ketua Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka kepada Pegawai Jururawat Kanan, Dayang Hajjah Rokiah binti Haji Jackia. Majlis itu telah disaksikan oleh Pegawai Pentadbir dan kakitangan-kakitangan kedua-dua jabatan.

Sumbangan yang julung-julung kalinya itu bertujuan bagi menyediakan bahan-bahan bacaan ringan yang berbentuk hiburan di samping mengisi masa lapang pesakit semasa dalam rawatan dan untuk meningkatkan pertumbuhan mental, kerana aktiviti membaca itu adalah salah satu daripada therapy penyembuh — HA.



DAYANG Nellie binti Haji Sunny, Ketua Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka ketika menyerahkan majalah-majalah kepada Pegawai Jururawat Kanan, Dayang Rokiah binti Haji Jackia

## Jadual Lawatan Perpustakaan Bergerak dari 10 Julai hingga 16 Julai 1985

| TEMPAT PERSINGGAHAN | TARIKH | HARI | MASA | |
|---|---|---|---|---|
| Sekolah Rendah Kerajaan Serasa | 10.7.1985 | Rabu | 10.00–10.30 | pagi |
| Sekolah Rendah Kerajaan Mentiri | 10.7.1985 | Rabu | 10.45–11.15 | „ |
| Sekolah Rendah Kerajaan Sultan Abdul Bubin Sungai Besar | 10.7.1985 | Rabu | 11.30–12.00 | t/hari |
| Sekolah Rendah Kerajaan Batu Marang | 10.7.1985 | Rabu | 2.30– 3.30 | petang |
| Sekolah Rendah Kerajaan Sungai Liang dan Lumut. | 11.7.1985 | Khamis | 10.00–11.00 | pagi |
| Sekolah Menengah Arab Lelaki Hassanal Bolkiah | 11.7.1985 | Khamis | 2.30– 3.30 | petang |
| Sekolah Rendah Kerajaan A. Hj. Md. Yussof Katimahar | 13.7.1985 | Sabtu | 8.30– 9.30 | pagi |
| Penjara Jerudong | 13.7.1985 | Sabtu | 9.45–10.45 | „ |
| Sekolah Rendah Kerajaan Mu'aut | 13.7.1985 | Sabtu | 11.00–12.00 | t/hari |
| Sekolah Rendah Kerajaan Birau | 13.7.1985 | Sabtu | 1.30– 2.30 | petang |
| Sekolah Rendah Kerajaan Kiudang | 13.7.1985 | Sabtu | 2.45– 3.45 | „ |
| Sekolah Rendah Kerajaan Lamunin | 13.7.1985 | Sabtu | 4.00– 5.00 | „ |
| Sekolah Rendah Kerajaan Haji Md. Salleh Sungai Hanching | 15.7.1985 | Isnin | 8.45– 9.45 | pagi |
| Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan | 15.7.1985 | Isnin | 1.45– 2.45 | petang |
| Sekolah Inggeris Berakas (Bhg Menengah) | 16.7.1985 | Selasa | 9.15–10.15 | pagi |
| Sekolah Rendah Kerajaan Anggerik Desa, Berakas | 16.7.1985 | Selasa | 10.30–11.30 | „ |
| Sekolah Ugama Haji Mohd Jaafar, Kampong Kiulap | 16.7.1985 | Selasa | 2.45– 3.15 | petang |
| Sekolah Ugama Kampong Mata-Mata, Gadong | 16.7.1985 | Selasa | 3.30– 4.00 | „ |
| Sekolah Persediaan Inggeris Sengkurong | 16.7.1985 | Selasa | 4.30– 5.30 | „ |




# MAIS DAPAT MEMENUHI KEPERLUAN BSP

MAIS adalah merupakan Sistem Maklumat dan Pentadbiran Pemeliharaan BSP. Ianya adalah sebuah sistem komputer yang besar dijalankan oleh komputer HP 3000/68 dengan pengkalan-pengkalan luar pantai, di Kuala Belait, di ibu pejabat dan di NIA yang tidak lama lagi akan menggantikan sistem-sistem BSP yang ada bagi perancangan, penjadualan dan pentafsiran kerja pemeliharaan.

Seperti juga syarikat-syarikat minyak sedunia BSP melihat perbelanjaan pemeliharaan menjadi semakin meninggi dari menguntungkan perbelanjaan mengikut pendapatan.

Ini setengahnya disebabkan oleh keperluan untuk melanjutkan kehidupan produktif bagi padang-padang yang ada dan peralatan sejauh mana yang boleh tetapi juga oleh kerana harga rendah masa kini telah menyebabkan pengurangan dalam pendapatan dan dalam membelanjakan modal bagi projek-projek baru, tetapi perbelanjaan pemeliharaan lebih kurang sama.

Untuk alasan-alasan ini adalah penting merancang untuk kita mempunyai satu sistem untuk memperbaiki kecekapan, pemeliharaan dan untuk memberi pengurusan BSP untuk mengawal lebih dekat lagi kerja-kerja pemeliharaan dan perbelanjaan.



AWANG Morshidi Piee ketika sedang mencuba mesen Sistem Maklumat dan Pentadbiran Pemeliharaan BSP (MAIS).

MAIS sedang dijalankan di dalam pertimbangan yang terhad sebagai projek percubaan. Ianya mengawal kerja pemeliharaan di Kompleks Champion — 7 sahaja.

Kira-kira 80 orang telah dilantik untuk menggunakan MAIS semasa percubaan tujuh minggu itu, di mana kita akan menguji sistemnya, data dan peraturan-peraturan. Beberapa perubahan-perubahan mungkin perlu sebelum kita menjalankan MAIS di keseluruhan BSP.

Peralatan lembut bagi MAIS dibekalkan oleh SIPM. Mereka telah merundingkan harga yang menarik bagi Syarikat-syarikat Shell dari SCICON, pembekal yang berpengkalan di United Kingdom.

Pemilihan SCICON sebagai pembekal bagi peralatan lembut yang asas telah dibuat oleh SIPM membuat laporan dengan membanding semua pesaing-pesaing.

MAIS selepas mengkaji laporan itu telah menghantar para perwakilannya ke London di mana sekumpulan kakitangan dari berbagai-bagai Syarikat Shell mentafsirkan sistem yang diinginkan.

Sungguhpun faedah terbesar akan disedari kemudiannya setelah butir-butir bagi kerja yang lalu bertambah di dalam pengkalan data MAIS, namun data ini akan dapat membantu para jurutera untuk menyelesaikan masalah-masalah teknikal dengan memberikan mereka maklumat sejarah kelengkapan tersebut.

Apa yang lebih penting ianya akan membantu BSP menyediakan polisi-polisi pemeliharaan dengan anggaran yang berkesan dengan sebenarnya. Menjamin bahawa kita hanya membuat kerja yang sebenarnya perlu sahaja tetapi tanpa mecurigai keselamatan atau mengurangkan kepercayaan kelengkapan yang diperlukan untuk memenuhi ketetapan-ketetapan penghasilan masa sekarang dan akan datang.

## Dilantik Ketua Perdagangan BSP

SEORANG esekutif pemasaran, Awang Mohammad Zein bin Mohammad telah dilantik menjadi Ketua Perdagangan Pemasaran bagi Syarikat Pemasaran Shell Brunei Sendirian Berhad.

Awang Mohammad Zein, merupakan anak tempatan, sebelum menjawat jawatan tersebut, telah berada selama kira-kira 20 bulan di Malaysia untuk menjalani penempatan dengan Syarikat Pemasaran Shell Malaysia.

Dengan adanya penempatan tersebut memberikan beliau peluang untuk mengendalikan berbagai-bagai tugas yang penuh bertanggungjawab seperti seorang esekutif perancang minyak pelincir dengan Ibu Pejabat Syarikat di Kuala Lumpur dan sebagai esekutif penjualan di Perak.

Berpendidikan dalam aliran Melayu, beliau telah belajar di Sekolah Melayu Muhammad Alam Seria dan Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait.

Selepas itu beliau meneruskan pengajian di Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan, Jalan Muara kemudian beliau pergi ke Kelantan untuk membuat peringkat "A".

Kemudian Awang Mohammad Zein melanjutkan pelajaran di England dengan memperolehi Diploma dalam pemasaran dan juga kursus selepas ijazah bagi Diploma dalam Penyelidikan Pengurusan.

Awang Mohammad Zein mula bekerja dengan BSM sejak tahun 1981.



GAMBAR menunjukkan Awang Haji Lamat bin Apong menyerahkan anak kunci bangunan kepada Awang Mat Suny bin Haji Hussein dalam satu majlis yang berlangsung pada 14 Jun yang lalu. Awang Haji Lamat adalah merupakan kontraktor yang memperbaiki bangunan berkenaan.

## MALAM KEBUDAYAAN AIDILFITRI

BAHAGIAN Kebudayaan dan Kesenian Kelab Ria Shell Brunei akan mengadakan Malam Kebudayaan Aidilfitri pada 6 Julai depan bertempat di Dewan Utama kelab berkenaan.

Antara acara-acara menarik pada malam itu termasuklah persembahan tarian-tarian Melayu, persembahan silat dan kuntau dan cabutan kad-kad masuk yang bernasib baik.

Persembahan pada malam itu nanti akan diiringi oleh sebuah pancaragam tempatan.

Kepada mereka yang bukan ahli Bahagian Kebudayaan dan Kesenian Melayu BSRC mereka bolehlah mendapatkan kad-kad masuk daripada setiausaha BSRC dengan mengisikan borang yang dikeluarkan melalui surat keliling kelab tersebut.

## Perarakan tanglung dan kereta berhias

PERARAKAN kereta-kereta berhias dan tanglung berjalan kaki adalah antara acara kemuncak bagi perayaan di Daerah Belait sempena sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam kali ke-39 tahun.

Adalah difahamkan perarakan tersebut akan dilangsungkan pada hari Sabtu 27 Julai di Padang Kelab Ria, Kuala Belait bermula jam 7.00 malam.

Antara pasukan-pasukan yang mengambil bahagian terdiri dari sekolah-sekolah menengah dan maktab-maktab, kelab-kelab dan pertubuhan-pertubuhan belia di daerah berkenaan. Kelab Ria Shell Brunei melalui Bahagian Kebudayaan Melayu akan menyertainya dengan menghantar sekumpulan 100 orang ahli dalam perayaan tersebut.



SEROMBONGAN 11 orang penuntut termasuk pegawai dari Negara Brunei Darussalam yang telah menghadiri satu perjumpaan Minggu Sains Belia di Singapura. Gambar atas menunjukkan sebahagian daripada penuntut Brunei Darussalam ketika menyaksikan salah satu pameran projek sains.

# rtb/Intisari minggu ini

## Radio Minggu Ini:

# Siaran Radio Dalam Perayaan

WALAUPUN kita masih berada dalam lingkungan bulan Syawal, tapi kelihatannya lagu-lagu yang bertemakan hari raya sudah mula menjauhkan diri dari ruang angkasa radio. Bagaimanapun suasana perayaan masih dapat dirasakan lebih-lebih lagi sekarang suasana itu digantikan pula dengan beberapa rancangan tertentu untuk menyambut tibanya Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam.

Di saat-saat dan ketika beginilah radio tidak ketinggalan untuk memainkan peranan pentingnya sebagai media kerajaan. Seboleh-bolehnya, apa-apa yang bersangkutan dengan perayaan itu nanti akan dimuatkan dalam rancangan-rancangan terbitan harian radio.

Bermula dari seminggu hendak tibanya Hari Puja Usia Baginda lagu-lagu yang bertemakan hari keputeraan Baginda telah pun mula berkumandang dikeudarakan.

Radio juga tidak ketinggalan untuk membuat rancangan khas yang bersangkutan dengan Hari Keputeraan Diraja tersebut. Rancangan yang berbentuk dokumentari adalah merupakan sebuah rancangan tahunan yang disiarkan setiap menjelangnya Hari Puja Usia Baginda itu. Dengan adanya rancangan seumpama ini, maka akan dapatlah pihak radio menarik perhatian pendengar untuk mengikuti riwayat hidup pemegang tampuk negara kita sendiri yang dimuatkan dalam rancangan ini.

Adalah juga dijangkakan radio akan membuat liputan terhadap acara kemuncak bagi sambutan Hari Keputeraan Diraja seperti juga yang lazimnya diusahakan pada setiap tahun. Di sinilah radio dapat memainkan peranannya sebagai tempat untuk mengacukan rujukan kerana setiap peristiwa-peristiwa penting yang mengambil tempat di negara kita ini semuanya menjadi bahan arkib yang bernilai untuk rujukan bila-bila masa saja ianya diperlukan.

Dalam masa perayaan ini maka akan berserakanlah pegawai-pegawai radio di empat-empat daerah untuk memenuhi tugas mereka sebagai penyiar. Dengan sendirinya siaran radio di hari perayaan ini juga berbau perayaan, selaras dengan tujuan radio untuk menyebarkan maklumat-maklumat semasa kepada pendengarnya.



GAMBAR diambil ketika penggambaran Drama Antara Dua Bintang di Lapangan Terbang Antarabangsa Berakas. Pelakon teriri dari Sapami Abdullah dan Jainah Haji Othman.

## Antara Dua Bintang

MENGISAHKAN keluarga nelayan di sebuah kampung yang terpencil. NIKMAN seorang budak yang terguris hatinya apakala tabung wangnya telah dipecahkan oleh LEMAN (ayahnya) walaupun telah dilarang keras oleh LEHA (ibunya). Perbuatan ayahnya itu menyebabkan NIKMAN berperasaan benci pada ibu bapanya. Satu petang NIKMAN telah meno'ong nenek buta dan memimpinnya balik ke rumah. Sejak perbualan NIKMAN dengan nenek buta telah memberi kesedaran ke atas dirinya. Keluarga LEMAN menghadapi malapetaka apakala Tokey Leong menuntut hutangnya. Kerana gagal membuat pembayaran, LEMAN tidak ada jalan lain terpaksa menyerahkan tanah sebagai cagaran. Kesulitan LEMAN telah diketahui oleh NIKMAN. Apakah tindakan NIKMAN selanjutnya, sama-samalah kita saksikan Drama 'Bicara Budi' pada hari Ahad 14 Julai, 1985 kira-kira jam 9.35 malam.



KELIHATAN dalam gambar ini ialah Hamdi Haji Leman, Hjh Norlela bte Haji Abdul Rahman dan Mohd Sharin Haji Metussin dalam Drama 'Bicara Budi'. Drama ini ditulis oleh Pengiran Aji bin Pg Md Tahir. Diterbitkan oleh Azamain bin Dato Haji Adanan.

## *Sandiwara Radio:*

# Sebuah Rumah Neraka

MINGGU ini Sandiwara Radio berjudul "SEBUAH RUMAH NERAKA," tulisan Tarip Hamid, Negara Brunei Darussalam.

Perasaan dendam boleh mengakibatkan seseorang itu untuk bertindak secara tidak rasional. Contohnya watak Maimunah dalam sandiwara ini. Kerana dendamnya ia sanggup menyiksa orang-orang yang tidak berdosa. Seorang daripadanya ialah Maznah yang ditangkap ketika berada di salah sebuah tempat hiburan.

Mereka yang ditangkap diberi layanan seperti orang-orang tahanan. Makanan dan pakaian juga menyerupai yang ada di penjara. Sesiapa yang didapati cuba melanggar peraturan dan didapati bersalah akan diberikan hukuman yang kejam dari Maimunah.

Semua rancangan Maimunah dijalankan oleh Ibnu. Sebagai orang kanannya, ia selalu saja membuat pekerjaan yang memuaskan hati Maimunah. Dialah yang ditugaskan untuk melakukan penangkapan terhadap gadis-gadis yang tidak berdosa. Sementara Kassim dan Zaiton pula adalah orang gajinya sejak arwah suaminya masih hidup lagi.

Setelah puas melihat kekejaman, Zaiton dan Kassim cuba untuk melarikan diri. Tapi malangnya, rancangan mereka itu sampai kepengetahuan Ibnu. Disebabkan itu mereka menerima hukuman yang berat dari Maimunah.

Apakah sebenarnya punca yang menyebabkan Maimunah bersikap kejam begitu? Mungkinkah perbuatan kejamnya itu akhirnya akan dapat dikesan? Untuk mengetahui kisah selanjutnya, silalah ikuti siarannya pada 14 Julai, 1985 jam 11.15 pagi.

Rancangan ini diterbitkan oleh Salmah Haji Abdul Rahman.

## Drama: *BICARA BUDI*

SEBUAH kisah masyarakat yang membentangkan seorang pemuda bernama Kuryadin yang mempunyai cita-cita tinggi untuk melanjutkan pelajarannya ke luar negeri.

Kuryadin telah bertunang dengan Hazmizah yang masih berada di bangku sekolah. Berbagai-bagai ucapan dan janji-janji manis bersama sebuah harapan, ingin mendirikan mahligai bahagia.

Dengan adanya usaha gigih, akhirnya Kuryadin berjaya melanjutkan pelajarannya ke Kota London.

Apakah yang akan terjadi dalam hidup Kuryadin bersama tunangnya . . . . ? Dan dapatkah dia mengejar citacitanya di Kota London?

Untuk mengetahui cerita selanjutnya kami bawa awda penuntun dalam rancangan Drama Televisyen yang berjudul "ANTARA DUA BINTANG" tulisan ABE SEBRE BRUNEI. Tayangannya pada 15 Julai, 1985 kira-kira jam 10.00 malam.

## RANCANGAN TVP DARI 16 HINGGA 17 JULAI 1985

### RABU — 17 JULAI

PAGI

8.50 SIARAN ULANGAN SAINS UNTUK DARJAH 4 (Ikan)

9.20 SIARAN ULANGAN LOOK, LISTEN AND SPEAK (July–December)

10.05 MARI BERCERITA (Tiong dengan Musang)

Seekor burung tiong merasa megah kerana bersuara merdu dan pandai menyanyi. Kerana sentiasa mendapat pujian, tiong itu menjadi sombong. Suatu hari tiong tersebut mendapat sepotong daging. Dia membawa daging itu terbang dan kemudian hinggap di sepohon pokok. Tanpa disedarinya seekor musang yang sangat lapar sedang berada di pangkal pokok tersebut.

Apakah yang terjadi kepada tiong itu?

Untuk mengetahui jawapannya, saksikanlah siarannya.

### SELASA — 16 JULAI

PAGI

8.50 SAINS UNTUK DARJAH 4 (Ikan)

Ikan boleh dibahagikan kepada dua kumpulan

1. Ikan Air Masin
2. Ikan Air Tawar.

Apakah yang membolehkan ikan boleh timbul atau tenggelam ? Untuk mengetahuinya ikutilah nanti rancangan ini.

9.20 LOOK, LISTEN AND SPEAK (July–December)

Siri ini mengajar cara-cara menyebut bulan July hingga December dan diisikan sebuah lagu mengenai bulan-bulan January hingga December.

Di Magic Pool Gani dan Jay Jay nampak perkataan-perkataan yang bermula dengan huruf 'N'. Rancangan diakhiri dengan sebuah cerita mengenai tiga orang budak nakal.

10.05 MARI BERCERITA (Kisah Dua Orang Pemburu)

Kisah dua orang yang bersahabat baik yang sedang pergi berburu ke dalam hutan. Mereka berjanji taat setia dan berteguh-teguhan janji serta bertolong-tolongan di antara satu sama lain sekiranya menghadapi kesusahan.

Sedang mereka berbual-bual dan berteguh-teguhan janji, tiba-tiba keluar seekor beruang dari celah-celah pokok dan terus menuju mereka.

Bila mendapati beruang sedang berada di hadapan mereka, apakah yang patut mereka lakukan ? Ingatkah mereka akan janji-janji dan taat setia mereka itu? Untuk mengetahui kisah selanjutnya — silalah ikuti rancangan ini nanti.

## Dari Pendengar Untuk Pendengar

PESERTA yang mengisikan rancangan Dari Pendengar Untuk Pendengar minggu ini ialah Dayang Rosmah Mohd Yusof yang beralamat No. 10 Kampong Batang Perhentian Limau Manis. Dan jangan lupa untuk mengikuti rancangan ini pada hari Selasa 16 Julai 1985 jam 4.00 petang.

## Tetamu Radio

TETAMU RADIO minggu ini merupakan seorang pemberita dan pengulas sukan dari Republik Indonesia. Beliau ialah BAPAK RIPAO SJACHVIDI. Temubual Haji Bahmin Haji Hamdan bersama beliau akan disiarkan pada hari Ahad 14 Julai, 1985 jam 4.30 petang. Ulangannya keudara hari Rabu jam 2.00 petang.

## Keluaran Khas :

## Sempena Hari Keputeraan Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam Ke–39

Penghargaan setinggi-tingginya kepada semua lapisan rakyat dan penduduk negara ini dalam Penyertaan Ulang Tahun Pertama Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam mengesankan kita semua kerana ia dititahkan oleh Kebawah DYMM Baginda Sultan dan Yang Dipertuan sempena menyambut usia ke-38 tahun. Kemudian disusul dengan Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-Bintang Kehormatan kepada 129 orang di Lapau yang dimulai dengan pengurniaan Darjah Kerabat Laila Utama Yang Amat Di-Hormati (Dato Laila Utama) — D.K. kepada YAM Pengiran Bini Pengiran Hajjah Siti Shalhah binti Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman dan YAM Pengiran Bini Ruhaizah binti Ibrahim.

Keesokan harinya 16 Julai 1984 Baginda menyaksikan Perarakan Tanglung, Kereta serta Basikal Berhias dan Pakaian Beragam yang diadakan di ibu negara.



*KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia mengalu-alukan ketibaan Perdana Menteri British, Puan Margaret Thatcher yang membuat lawatan ke negara ini pada awal bulan April.*

Oleh : Mohd. Salleh Abd. Latif

# SEPANJANG KEGIATAN BAGINDA DALAM SETAHUN

Istiadat Mengadap dan Menjunjung Duli bagi Daerah Tutong telah dilangsungkan pada 17 Julai dalam mana Baginda Yang Dipertuan berkenan melafazkan titah.

Pengurniaan Bintang-Bintang Kebesaran Negara kepada beberapa orang Pegawai ABDB telah dilangsungkan pada malam 17 Julai dalam Majlis Persantapan bagi Pegawai-Pegawai Keselamatan dan Pegawai-Pegawai yang beruniform serta Pertubuhan Awam yang beruniform di Istana Nurul Iman.

Pada 19 Julai Baginda Yang Dipertuan berangkat ke Daerah Temburong untuk Istiadat Mengadap dan Menjunjung Duli, dan pada hari ini juga Baginda telah berkenan merasmikan Bangunan Jabatan Hal Ehwal Ugama Temburong yang mula dibina pada bulan September 1981 dengan perbelanjaan lebih setengah juta ringgit.

Upacara Mengadap dan Menjunjung Duli ini diakhirkan dengan keberangkatan Baginda ke Kuala Belait pada 22 Julai dalam mana sembah kesyukuran dan ikrar taat setia telah dipersembahkan.

### MAJLIS KESYUKURAN

Bersempena Puja Usia ke-38 Kebawah DYMM pelbagai Majlis Kesyukuran telah dipersembahkan. Pada 9 Ogos 1984 Baginda Yang Dipertuan telah berkenan berangkat ke Dewan Persantapan Lapau yang dipersembahkan oleh Penghulu-Penghulu dan Ketua-Ketua Kampung Daerah Brunei dan Muara.

Baginda Yang Dipertuan telah berkenan berangkat ke Mess Pegawai Gadong pada 12 Ogos ke Majlis Kesyukuran dan Persantapan yang dipersembahkan oleh Pasukan Polis Diraja Brunei. Manakala Persatuan Penuntut-Penuntut Brunei di United Kingdom pula mengadakan majlis yang serupa pada 19 Ogos bertempat di Dewan Persantapan Lapau yang antara lain Baginda bertitah bahawa Kerajaan tidak akan ragu-ragu menamatkan dermasiswa penuntut-penuntut negara ini di seberang laut yang melengahkan pelajaran mereka.

Di Dewan Persantapan Lapau pada 28 Ogos, Baginda yang Dipertuan telah bercemar duli ke Majlis Kesyukuran dan Persantapan yang dipersembahkan oleh Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei yang antara lain menitahkan bahawa Baginda sentiasa memandang serius terhadap sistem pendidikan kerana ianya memainkan peranan yang penting dalam pembentukan masyarakat yang sebahagian besarnya didukung dan digerakkan oleh kaum guru.

Dewan Perniagaan Tionghua mengakhiri majlis serupa ini pada 2 September bertempat di Dewan Persantapan Lapau. Dalam majlis ini Baginda Yang Dipertuan mengingatkan masyarakat Tionghua dan lain-lain keturunan masyarakat di negara ini dalam pelbagai bidang kehidupan selaras dengan kedudukannya sebagai sebuah Negara Melayu Islam Beraja yang demokratik.



*KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia bersalaman dengan Sultan Qaboos sempena lawatan Baginda ke Oman.*

### WATIKAH PERLANTIKAN

Dalam usaha kerajaan untuk lebih memperkenalkan lagi negara ini kepada masyarakat antarabangsa di samping untuk memberikan kemudahan-kemudahan diplomatik beberapa orang telah dilantik menjadi Duta Besar. Perwakilan Tetap dan Pesuruhjaya Tinggi sepanjang Baginda berusia 38 tahun.

Pada 12 September Baginda Yang Dipertuan telah berkenan mengurniakan watikah perlantikan kepada Malai Haji Ahmad Murad bin Malai Haji Mashor menjadi Duta Besar ke Kaherah manakala Haji Awang Omar bin Haji Serudin menjadi Wakil Tetap negara ini ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

TYT Dato Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, Pesuruhjaya Tinggi Brunei yang baru ke Singapura telah menerima watikah perlantikan itu pada 14 Mac 1985. Dato Haji Abdullah menggantikan bekas Pesuruhjaya Brunei ke Singapura Haji Awang Kassim bin Hj. Md Daud yang dilantik menjadi Pengarah Perjawatan.

Dengan perlantikan ini sejumlah sembilan buah perwakilan negara kita di luar negeri termasuklah di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

### KUNJUNGAN DALAM NEGERI

Pada 11 Oktober 1984 Baginda Yang Dipertuan telah berkenan berkunjung ke Perkhemahan Pasukan Keenam Queen Elizabeth's Own Gurkha Rifles yang berpengkalan di Seria.

Kemudian pada 18 Oktober Baginda Yang Dipertuan berangkat ke Majlis Konvokesyen ke-12 Maktab Perguruan Hassanal Bolkiah dan berkenan mengisytiharkan penukaran nama maktab tersebut kepada Institut Pendidikan Sultan Hassanal Bolkiah bermula pada 1 Januari 1985.

Keberangkatan Baginda Yang Dipertuan ke Perhimpunan dan Perarakan Maulud Nabi Muhammad s.a.w. pada 6 Disember telah menyemarakkan lagi suasana keugamaan itu. Dalam perhimpunan ini Baginda antara lain bertitah bahawa negara ini sentiasa berhadapan dengan masalah antarabangsa yang membabitkan kehidupan negara kita secara fizikal dan moral. Di antara masalah itu ada yang mengandungi anasir-anasir yang tidak sihat yang jika tidak dikawal dan dijaga atau disedari boleh menimbulkan kesan timbal balik yang kurang menyenangkan masa kini dan masa akan datang. Oleh itu kita hendaklah sentiasa berwaspada dan berpegang teguh dengan ajaran-ajaran ugama.



*KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia ketika menerima surat watikah TYT Tuan Monsieur Jacques, Duta Besar Peranchis ke Negara Brunei Darussalam.*

Ulang tahun pertama Hari Kebangsaan yang dilangsungkan di Stadium Negara Hassanal Bolkiah pada 23 Februari 1985 begitu mendapat sambutan dari rakyat jelata meskipun upacara itu dijalankan secara sederhana saja. Dalam perhimpunan yang bertemakan "Bersatupadu Menghayati Konsep Negara Melayu Islam Beraja" itu Baginda Yang Dipertuan antara lain menitahkan agar rakyat dan penduduk negara ini meningkatkan kewaspadaan mereka terhadap anasir-anasir jahat yang cuba menimbulkan salah faham dan kucar-kacir di kalangan masyarakat di negara ini.

24 Mac 1985 Baginda Yang Dipertuan telah berkenan berangkat bagi pembukaan rasmi Pesta Sukan Merdeka yang penyertaannya terdiri daripada ahli-ahli sukan dari semua negara ASEAN. Sejumlah 1,000 orang para athlit dari keenam negara anggota ASEAN telah mengambil bahagian dan berkesempatan mendengarkan titah Baginda Yang Dipertuan yang antaranya ialah setiap peserta sukan yang menyertai Pesta Sukan Merdeka bukan hanya setakat untuk menyertai acara sukan saja atau hanya untuk memperolehi kemenangan bahkan juga mensifatkannya sebagai asas perpaduan di kalangan para peserta anggota ASEAN tanpa membabitkan hal-hal sosial dan politik negara masing-masing.

Baginda Yang Dipertuan bertitah mulai tahun ini Brunei Darussalam akan mempunyai sebuah universiti dengan memulakan kursus-kursus yang mengandungi berbagai-bagai mata pelajaran, demikian antara lain titah yang disembahkan sejurus sebelum Baginda mengurniakan hadiah-hadiah kepada pemenang-pemenang pertandingan Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan yang

Lihat muka (ii)

**Keluaran Khas :**

**Sempena Hari Keputeraan Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam Ke–39**

# LAWATAN-LAWATAN KE LUAR NEGERI ERATKAN HUBUNGAN



*KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia ketika mengepalai perarakan raksasa Sambutan Maulud Nabi Muhammad s.a.w.*

Dari muka (i)

berlangsung di Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien pada 23 April 1985.

Dua hari selepas itu Baginda Yang Dipertuan berangkat ke Kejohanan Menembak Antarabangsa (BISAM) yang disertai oleh lebih 200 peserta dari Tentera Darat Malaysia, Angkatan Tentera Singapura, Tentera Australia, Batalion Pertama Cheshire Regimen (berpengkalan di Hong Kong), Batalion Pertama KEO Gurkha Rifles (berpengkalan di Seria), Polis Diraja Brunei dan ABDB. Pasukan ABDB muncul sebagai juara keseluruhan dan seterusnya memenangi Piala Sultan.

Kunjungan dalam negeri sepanjang usia 38 tahun diakhiri dengan lawatan ke Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin dan Sekolah Menengah SMJA yang dilakukan pada 16 Mei 1985.

**KUNJUNGAN LUAR NEGERI**

Keberangkatan Baginda Sultan dan Yang Dipertuan bagi melafazkan titah sulungnya di Dewan Majlis Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, New York sebaik-baik sahaja negara ini diterima secara sebulat suara menjadi negara anggota ke-159 Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) adalah merupakan kunjungan rasmi Baginda keluar negeri sepanjang usia 38 tahun. Titah ini disampaikan pada 21 September 1984.

22 hingga 25 Oktober 1984 Baginda Yang Dipertuan telah melakukan lawatan kenegaraan ke Republik Indonesia atas undangan Presiden Soeharto.

Kemudian pada 15 Disember 1984 Baginda Yang Dipertuan berangkat ke Oman dalam rangka lawatan kenegaraan ke Timur Tengah. Dari Oman Baginda berangkat ke Mesir pada 17 Disember dalam mana Presiden Mohammad Hosni Mubarak dan Puan Mubarak telah mengalu-alukan keberangkatan Baginda Sultan di Lapangan Terbang Cairo.

Setelah berada di Mesir selama tiga hari, Baginda Yang Dipertuan lalu berangkat ke Jordan bagi mengakhiri rangka lawatan kenegaraan ke Timur Tengah.

**TETAMU LUAR NEGERI**

TYT Tuan Yasser Arafat telah diperkenankan mengadap ke hadapan Majlis Kebawah DYMM Baginda Sultan dan Yang Dipertuan pada 27 Julai 1984 di Istana Nurul Iman kemudian pada 1 Ogos diperkenankan pula TYT Marut Bunnag, Menteri Kesihatan Awam Thailand.

TYT Tuan Shridath S. Ramphal, Setiausaha Agung Komanwel diperkenankan mengadap pada 9 Ogos manakala YAB John Stanley, Menteri Negara bagi Angkatan Bersenjata British pula menyusul jadi tetamu pada 5 September lalu tiga hari selepas itu bekas Perdana Menteri British Tuan Edward Heath telah diperkenankan mengadap.

Pada 10 Oktober, Baginda Yang Dipertuan telah berkenan menerima mengadap Admiral William J. Crowe JR, Ketua Pemerintah Angkatan Laut Amerika Syarikat bagi Lautan Hindi kemudian pada 30 Oktober mengadap pula YB Bapak Tuan Haji Ismail SH, Menteri Kehakiman Republik Indonesia; dan pada keesokan harinya diperkenankan pula DYTM Putera Henri Putera Mahkota Luxembourgh mengadap baginda. YB Datuk Shahrir bin Abdul Ahmad, Menteri Wilayah Persekutuan Malaysia juga mengadap pada 31 Oktober ini.

Pada 30 Oktober Baginda Yang Dipertuan berkenan pula menerima mengadap Field Marshall Sir Edwin Bramall, Ketua Turus Pertahanan United Kingdom.

TYT Bapak Profesor Dr. Subroto, Menteri Pertambangan dan Energi Republik Indonesia telah diperkenankan mengadap ke hadapan Majlis Kebawah DYMM Baginda Yang Dipertuan pada 6 November, manakala Tuan John Monjo, Penolong Setiausaha Rendah Amerika Syarikat pula diperkenankan mengadap pada 29 November 1984. TYT Won-Kyung Lee, Menteri Luar Negeri Republik Korea diperkenankan mengadap pada 8 Disember 1984.

Menteri Kesihatan Malaysia, YB Dato Chin Hon Ngian telah mengadap pada 13 Mac 1985, kemudian disusul pula oleh Utusan Khas Presiden Republik Maldives, Menteri Perdagangan Industri merangkap Menteri Pertahanan dan Keselamatan Nasional, Tuan Elyas Ibrahim pada 27 Mac.

Perdana Menteri British, Puan Margaret Thatcher telah melakukan lawatan singkat ke negara ini pada 9 April dan telah diperkenankan untuk mengadap ke hadapan Majlis Kebawah DYMM. Lawatan yang cuma memakan waktu tiga jam itu telah memberi kesempatan kepada Puan Margaret Thatcher untuk melawat ke Tamu di Bandar Seri Begawan serta keindahan Kampong Ayer.

**WAKIL NEGARA LUAR**

Bagi merapatkan hubungan diplomatik dengan negara ini maka beberapa buah negara luar telah melantik wakil-wakil mereka bagi negara ini. Sepanjang Baginda Yang Dipertuan berusia 38 tahun sejumlah sebelas surat tauliah perlantikan telah Baginda terima.

Duta Besar Istimewa dan Wakil Mutlak Jepun ke negara ini TYT Tomoya Kawamura telah mempersembahkan surat tauliah perlantikannya pada 4 Oktober 1984, manakala pada 1 November pula Baginda Yang Dipertuan telah menerima surat tauliah perlantikan bagi Duta Perancis ke negara ini TYT Monsieur Jacques Berniere.

Pada 14 Mac 1985 pula TYT Mir Abad Hussain, Duta Besar Istimewa dan Wakil Mutlak Pakistan telah menyembahkan surat tauliah perlantikan.

Sementara itu pada 20 Mac pula dalam dua acara yang berasingan bertempat di Istana Nurul Iman, Kebawah DYMM Baginda Yang Dipertuan telah berkenan menerima surat tauliah pelantikan bagi Pesuruhjaya Tinggi Kanada TYT Manfred Gustav Von Nostitz dan Duta Besar Turki TYT Akgun Han Kiciman.

Pada 21 Mac pula dua wakil negara luar telah menyembahkan surat tauliah perlantikan mereka ke hadapan Majlis Kebawah DYMM Baginda Yang Dipertuan di Istana Nurul Iman. Mereka itu ialah Pesuruhjaya Tinggi Bangladesh, TYT Farooq Sobhan dan Duta Besar Negeri Belanda TYT Pieter Adrian.

Pada bulan April 1985, Baginda Sultan dan Yang Dipertuan telah berkenan menerima surat tauliah perlantikan Duta Besar ke negara ini dari empat buah negara luar. Pada 17 April, Duta Besar Itali TYT Dr. Alessandro Vattani dan Duta Besar Norway, TYT Finn Synnonvson Koren telah diperkenankan menyembahkan surat tauliah manakala pada 24 April pula diikuti oleh Duta Besar Chile TYT Thomas Amenabar Vergara dan TYT Eckart Cuntz, Duta Besar Republik Persekutuan Jerman ke negara ini.

**PENUTUP**

Sepanjang berusia 38 tahun Baginda Sultan dan Yang Dipertuan telah banyak melakukan kegiatan rasmi dalam negeri seperti mengadakan lawatan-lawatan di samping mengadakan lawatan kenegaraan keluar negeri selain daripada menerima mengadap wakil-wakil negara atau tetamu-tetamu negara yang membuat kunjungan ke negara ini.

Ketokohan Baginda sebagai seorang raja, ketua negara dan ketua pemerintah dalam sebuah negara yang merdeka lagi penuh berdaulat memang suatu kewibawaan yang sememangnya kita banggakan serta agungkan kerana di bawah pimpinan Baginda ini kita dapat menikmati kehidupan yang sejahtera, terjamin dan bahagia.



*KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia ketika bertitah di Majlis Persantapan Negara dalam keberangkatan Baginda melawat Republik Indonesia.*



*KEBAWAH D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Raja Isteri berbual mesra dengan Presiden Republik Korea, Chun Doo Hwan & Puan Chun.*

Keluaran Khas :

## Sempena Hari Keputeraan Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam Ke–39

# TITAH-TITAH NASIHAT KEBAWAH D.Y.M.M.

Oleh : Jahri Haji Abd. Latif.

HARI Isnin depan, 15 Julai akan genaplah 39 tahun usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan. Seperti lazimnya, Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda itu akan diadakan beberapa Istiadat dan Majlis Sembah Ucap Selamat dan Kesyukuran yang dianjurkan oleh berbagai-bagai lapisan masyarakat termasuklah Istiadat Mengadap dan Menjunjung Duli di keempat-empat daerah yang telah menjadi tradisi setiap kali menyambut Hari Keputeraan Baginda.

Istiadat dan Majlis yang dianjurkan itu merupakan kesempatan yang sebaik-baiknya bagi rakyat dan penduduk membaharui ikrar taat setia kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kerajaan Baginda, di samping rakyat dan penduduk sendiri dapat mendengar titah nasihat dan ingatan yang baik yang akan dijadikan panduan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan dalam titahnya pada tahun lepas, telah mengingatkan kepada beberapa lapisan masyarakat di negara ini supaya meningkatkan kesedaran bertanggungjawab dan memainkan peranan masing-masing bagi kebaikan bangsa, ugama dan negara. Antaranya :

* Semasa bertitah di Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-Bintang Kebesaran dan Pingat-Pingat Kehormatan di Lapau 15 Julai tahun lalu, Baginda mengingatkan dan menyeru kepada semua Pegawai dan Kakitangan Kerajaan supaya terus berkhidmat dengan penuh azam dan tekad bagi mewujudkan pentadbiran yang bersih, cekap, jujur, amanah dan bebas dari tamak, rasuah serta penyelewengan kuasa dan tugas.

* Bertitah di Majlis Kesyukuran sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda anjuran Penghulu-penghulu dan Ketua-ketua Kampung Daerah Brunei dan Muara, 8 Ogos tahun lalu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia menyeru supaya mereka akan bersikap lebih sensitif terhadap apa jua keadaan yang terdapat di kawasan di bawah tanggungjawab mereka.

  Dengan berbuat demikian, titah Baginda, mereka akan dapat memberi sumbangan yang lebih positif dan berkesan pada kemajuan kampung serta lebih berwaspada terhadap apa jua perkara yang mungkin mencurigakan keamanan kampung dan mukim mereka.

* Ketika bertitah di Majlis Jamuan Makan yang disembahkan oleh Persatuan Penuntut-penuntut Brunei di United Kingdom sempena majlis yang sama pada 15 Ogos 1984, Baginda menasihatkan kepada penuntut-penuntut di seberang laut supaya belajar bersungguh-sungguh dan menumpukan sepenuh perhatian terhadap pelajaran mereka di samping mengingatkan dengan tegas bahawa Kerajaan Baginda tidak akan teragak-agak untuk menamatkan dermasiswa mereka jika mereka lalai dan lengah terhadap pelajaran mereka.

* Sementara bertitah di Majlis Persantapan yang disembahkan oleh Persekutuan Guru-guru Melayu Brunei (PGGMB) pada 26 Ogos tahun lepas, Baginda telah mengingatkan kepada kaum guru supaya menjalankan tugas dan tanggungjawab mendidik anak-anak bangsa dengan jujur dan dedikasi; dan

* Bertitah di Majlis Jamuan Kesyukuran sempena Puja Usia Baginda 2 September tahun lalu anjuran Dewan Perniagaan Tiong Hwa di Dewan Persantapan Lapau, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan secara terus terang mengingatkan kepada masyarakat Tiong Hwa dan lain-lain keturunan masyarakat di negara ini supaya terus berusaha menyesuaikan diri mereka dengan keperluan dan aspirasi negara ini selaras dengan kedudukannya sebagai sebuah negara Melayu Islam Beraja.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam ketika bertitah di Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-bintang Kebesaran sempena Puja Usia Baginda ke-38 tahun lalu yang berlangsung di Lapau.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan sedang menerima sembah ucapan yang tidak dibacakan oleh salah seorang wakil persatuan di negara ini.



*KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan ketika berangkat bercemar duli ke Majlis Kesyukuran sempena Puja Usia Baginda tahun lalu anjuran Dewan Perniagaan Tiong Hwa.*

Ingatan Baginda itu mempunyai implikasi yang mendalam dalam menyedarkan perasaan bertanggungjawab terhadap peranan masing-masing terutama kepada pegawai dan kakitangan kerajaan yang menggerakkan jentera pentadbiran kerajaan. Baginda sangat mengambil perhatian berat terhadap kelicinan, kelancaran dan kesempurnaan sesuatu tugas dan tanggungjawab, khasnya yang bersangkutan dengan perkhidmatan kerajaan kepada rakyat. Kerana Baginda menyedari dengan wujudnya sikap efisien yang disertai dengan sifat jujur dan amanah pada setiap pegawai dan kakitangan kerajaan, sudah tentu mutu dan prestasi perkhidmatan kerajaan kepada rakyat akan meningkat.

### PENGHULU DAN KETUA KAMPUNG

Selaras dengan hasrat Baginda untuk mewujudkan pentadbiran yang efisien maka Baginda juga menekankan tentang peri mustahaknya Penghulu-penghulu dan Ketua-ketua kampung untuk mengambil perhatian yang sama sebagaimana titah Baginda: "Sebagai penghubung di antara kerajaan Beta dan rakyat Beta maka adalah penting Penghulu-penghulu dan Ketua-ketua Kampung mewujudkan sikap bertanggungjawab, tolak ansur, jujur dan amanah serta saling faham-memahami di antara kerajaan Beta dengan rakyat Beta supaya dengan cara ini, ianya akan dapat lagi menolong melicinkan pentadbiran kerajaan Beta sebagaimana yang dihajatkan."

### PENUNTUT SEBERANG LAUT

Mengenai dengan ingatan kepada penuntut-penuntut yang belajar di seberang laut, Baginda menaruh kepercayaan supaya mereka akan belajar dengan penuh azam dan bersungguh-sungguh dan pulang ke negara ini dengan membawa kejayaan untuk menyumbangkan khidmat bakti kepada masyarakat dan negara. Baginda memandang 'serius' kepada penuntut-penuntut di pusat-pusat pengajian tinggi di seberang laut yang tidak menumpukan sepenuh perhatian terhadap pelajaran mereka.

Lihat muka (vi)

Keluaran Khas :

**Sempena Hari Keputeraan Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam Ke–39**

## Sambutan Hari Keputeraan Kebawah D.Y.M.M:

# BEBERAPA PANDANGAN

Oleh : Haniza Abdullah

SAMBUTAN Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dirayakan setiap tahun oleh rakyat jelata untuk sama-sama memperingati hari yang bersejarah ini, segalanya dijelmakan bagi menunjukkan kesetiaan yang tidak berbelah bahagi kepada Baginda.

Hanya tinggal beberapa hari lagi menjelangnya Perayaan Hari Puja Usia di mana di sekitar Bandar Seri Begawan bangunan-bangunan, pintu-pintu gerbang di jalan-jalan dan di tempat-tempat utama telah dihiasi dengan lampu yang berwarna-warni, kain rentangan dengan cogan-cogan kata 'Allah Lanjutkan Usia Sultan', 'Allah Selamatkan Sultan' dan sebagainya.

Sempena Hari Puja Usia wakil Pelita sempat membuat pendekatan orang ramai mengenai pandangan-pandangan serta persiapan-persiapan mereka untuk menyambut Hari Keputeraan yang disambut pada tiap-tiap tahun. Awang Haji Zainal Tahir Setiausaha III, Jawatankuasa Tertinggi perayaan pada tahun ini menjelaskan bahawa corak perayaan tahun ini tidak banyak berbeza dari tahun yang lalu.

Katanya, persiapan-persiapan untuk menyambut Hari Keputeraan itu nanti telah pun disediakan dan siap disusun di mana di antaranya ialah persembahan bercorak keugamaan yang akan diadakan di perkarangan Istana Nurul Iman, persembahan malam aneka warna, pertunjukan bunga api, lumba perahu, sukan ria, sukan terbuka, tarik kalat, persembahan dan peraduan bercucul pintu-pintu gerbang dan bangunan-bangunan dan di tempat-tempat dan di jalan-jalan utama seperti di Jalan Tutong, Jalan Kota Batu, Jalan Berakas dan di Kampong Ayer. Selain dari itu persembahan dari luar negeri, peraduan lukisan dan foto, pertunjukan bunga-bunga hidup, peraduan kanak-kanak sihat, pameran urusan rumahtangga, pertandingan hadrah, menifestasi puisi juga akan diadakan.

Beliau menjelaskan bahawa acara kemuncak perayaan nanti ialah peraduan tanglung, kereta dan basikal berhias serta pakaian beragam. Di samping itu pertunjukan kerjatangan bagi orang banduan juga akan diadakan pada tahun ini yang mana berkemungkinan akan dijual pada orang ramai untuk menambahkan tabung mereka.

Majlis Belia-belia (MBB) tidak ketinggalan melibatkan diri menyelenggarakan berbagai persembahan malam aneka warna yang akan diadakan di kawasan tanah lapang bekas rumah sakit lama di ibu negara.

Pengiran Suhaimi bin Pengiran Haji Wahid Setiausaha Agung MBB juga selaku Pengerusi Bersama Malam Aneka Warna persembahan belia-belia, sekolah-sekolah dan antarabangsa memberitahu antara persatuan-persatuan yang terlibat bagi menjayakan persembahan-persembahan itu nanti ialah Persatuan Sumbiling, Persatuan Asterawani dan lain-lain persatuan yang aktif dalam bidang kesenian dan kebudayaan.

Pengiran Suhaimi menjelaskan bahawa persiapan-persiapan telah dibuat di mana lazimnya mereka akan mengadakan persembahan-persembahan seperti drama pentas, tarian, nyanyian, lawak jenaka dan sebagainya. Selain dari itu mereka juga menganjurkan Bintang Keputeraan yang mana piala pusingannya akan disampaikan oleh Yang Dipertua Majlis Belia-Belia Negara Brunei Darussalam.

Selain daripada bergiat dengan kegiatan-kegiatan hiburan MBB juga tidak lupa untuk menyembahkan Ikrar Taat Setia kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam bersempena Hari Ulang Tahun Baginda.

Penyertaan orang ramai dalam suasana menyambut Puja Usia Baginda Sultan ini juga sungguh mengesankan seperti kata seorang peniaga dari Kampong Sungai Kedayan A, Awang Haji Israhil bin Mohd Salleh 55 tahun menjelaskan bahawa beliau memang berminat menyaksikan acara-acara seperti lumba perahu yang diadakan di Sungai Brunei, perarakan di air, tanglung dan sebagainya.

Bagi Awang Mohammad bin Mohd Said seorang penuntut pula berkata, beliau berminat menyaksikan acara-acara persembahan seperti malam aneka warna, perarakan tanglung, kereta dan basikal berhias, pakaian beragam, lumba perahu dan sebagainya.

Menurutnya di samping kita turut bergembira menyambut hari keputeraan Baginda, perayaan ini juga mengeratkan serta memupuk perasaan kasih serta taat setia kita kepada Baginda Sultan dan pemerintahan Baginda.

Dayang Rahmah binti Haji Yakub pelajar Tingkatan Enam, berkata bahawa beliau berminat menyaksikan acara seperti persembahan malam aneka warna, tanglung, basikal dan kereta berhias, pakaian beragam dan sebagainya.

"Dari pengalaman saya yang pernah menyertai drama pentas yang dianjurkan sempena sambutan Hari Puja Usia pada tahun lalu, saya berpendapat agar bidang drama akan ditingkatkan untuk memperbaiki seni lakon di negara ini."



*PENGIRAN Suhaimi bin Pengiran Haji Wahid, Setiausaha Agung Majlis Belia-Belia*



*AWANG Muhammad bin Mohd. Said, seorang pelajar dari Maktab S.O.A.S.*



*PERADUAN seni mempertahankan diri turut menyerikan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada setiap tahun.*



*'AMPAS-ampasan' adalah merupakan salah satu acara di Pesta Pantai Lumut sempena sambutan Hari Puja Usia Baginda.*



*PERARAKAN tanglung adalah merupakan acara kemuncak perayaan Hari Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada tiap-tiap tahun.*



*LUMBA perahu dan motosangkut adalah merupakan salah satu acara tradisi yang diadakan di Sungai Brunei.*

Keluaran Khas :

**Sempena Hari Keputeraan Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam Ke–39**



*MUSABAQAH Membaca Al-Quran bertujuan antara lain meningkatkan mutu pembacaan Al-Quran serta meninggikan syiar Islam di negara ini. Gambar atas kelihatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia menyampaikan Piala Kejohanan kepada Johan Qari Peringkat Kebangsaan tahun 1985, Awg. Haji Mohd. Yusof bin Haji Abu Bakar (gambar kiri).*



*BAKAL-bakal haji menaiki pesawat yang disewa khas bagi menunaikan fardu haji.*

**NEGARA Brunei Darussalam di awal pemerintahan lagi sudah sedia ujud sebagai sebuah Kesultanan Melayu Islam. Perkembangan ini berterusan ke era Brunei moden di mana aspek-aspek keugamaan diberi perhatian berat oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien dan seterusnya dipesatkan lagi di bawah pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Muizzaddien Waddaulah.**

# PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB MAJLIS UGAMA ISLAM

**Oleh : Abd. Karim Haji Abu Bakar**

**SUNGGUHPUN Majlis menjadi sebahagian dari Jabatan Hal Ehwal Ugama dan Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama menjadi Yang Dipertua Majlis, Majlis sebenarnya badan yang bebas yang tidak tertakluk kepada kuasa jabatan bahkan Jabatan Hal Ehwal Ugama adalah menjadi pihak 'executive' bagi apa-apa keputusan Majlis sedangkan Majlis bersifat 'legislative'.**

Salah satu langkah yang dilakukan di zaman pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan (sekarang Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien) ialah pembentukkan satu jawatankuasa bagi menggubal semula satu undang-undang pentadbiran Ugama Islam di mana Undang-Undang Pentadbiran Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan telah dijadikan asas bagi undang-undang itu.

Undang-undang baru itu dinamakan Undang-Undang Ugama dan Mahkamah-Mahkamah Kadi 1955 atau Undang-Undang No. 29, 1955 yang memansuhkan Undang-Undang No.1 1912 dan 3 1913.

Dengan itu Majlis Ugama Islam telah ditubuhkan di negara ini yang kemudiannya menjadi sebahagian dari Jabatan Hal Ehwal Ugama dan untuk pertama kalinya mempunyai seorang Mufti Kerajaan di samping mempertinggikan lagi kedudukan dan kuasa Kadi Besar dan Kadi-kadi.

Majlis Ugama Islam mempunyai kuasa mengikut undang-undang sebagaimana menurut Bab 28. Majlis bagi pihak dan di bawah kuasa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan sebagai Ketua Ugama di dalam negara ini, menolong dan menasihatkan Baginda dalam segala perkara yang berkenaan dengan Ugama Islam dan dengan itu Majlis menjadi pihak berkuasa yang tertinggi (Chief Authority) sekali dalam hal-ehwal ugama kecuali jika ada perkara-perkara yang disyaratkan berlainan.

Di samping itu di antara perkara-perkara yang menjadi tanggungjawab Majlis ialah :

1. Penubuhan Jawatankuasa Undang-Undang yang antara lain tugas-tugasnya ialah mengenai dengan fatwa-fatwa dan peraturan-peraturan yang berhubung dengan hal-ehwal orang-orang Islam di negara ini;

2. Penubuhan Jawatankuasa Kehakiman yang bertugas untuk mendengar dan menimbangkan Ulang Bicara;

3. Pembentukan Mahkamah-Mahkamah Kadi dan hakim-hakim serta peraturan-peraturan perbicaraan;

4. Perkara-perkara wang iaitu amanah kerana kebajikan, yang mengandungi di antara lain ialah penubuhan Kumpulan Wang Majlis yang dinamakan 'General Endowment Fund', pentadbiran wakaf dan nazar;

5. Pengelolaan mengenai zakat dan fitrah sebagaimana Bab 114;

6. Menjadi penguasa harta pesaka seseorang yang mati atau menjadi nazir bagi mana-mana amanah (Bab 9);

7. Berkuasa membenarkan atau tidak membenarkan pengutipan derma untuk menyokong dan mempertinggikan Ugama Islam atau bagi kegunaan orang-orang Islam mengikut Syarak (Bab 122);

8. Mendaftar dan memelihara orang-orang yang baru masuk Islam (Bahagian VIII) termasuk mengenai tambang haji kurnia Kebawah Duli Yang Maha Mulia kepada mereka;

9. Menjadi nazir dan pengamanah masjid-masjid seluruh negara termasuk mengambil langkah untuk membina, memperbaiki, meroboh, mengadakan pegawai-pegawai masjid, membuat sokongan pada memberhentikan mereka dan sebagainya (Bahagian V);

10. Hal-ehwal Perkahwinan dan Perceraian;

11. Lain-lain kuasa yang diberi dari masa ke semasa (Bab 10).

Dengan kuatkuasa Undang-Undang No. 20 1955, Majlis menubuhkan dua jawatankuasa yang besar iaitu Jawatankuasa Undang-Undang dan Jawatankuasa Kehakiman.

Tugas Jawatankuasa Undang-Undang yang dipengerusikan oleh Mufti ialah mengeluarkan fatwa. Fatwa jawatankuasa ini apabila disahkan akan menjadi berkuatkuasa sebagai undang-undang yang mesti diikuti oleh orang-orang Islam di seluruh negeri (Bab 43).

Jawatankuasa Kehakiman yang juga dipengerusikan oleh Mufti sebenarnya merupakan Mahkamah Ulang Bicara (Court of Appeal) yang mendengar rayuan-rayuan Ulang Bicara dari mana-mana pihak.

Di samping itu ianya juga menjadi rujukan hukum dalam mana perbicaraan dalam negeri yang berkehendakkan pandangan Majlis mengenai hukum-hukum Islam.

Lihat muka (vi)

Keluaran Khas :

**Sempena Hari Keputeraan Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam Ke–39**

# Titah-titah nasihat Kebawah D.Y.M.M.

Dari muka (v)

Menurut Baginda, mana-mana penuntut yang lalai dan lengah terhadap pelajaran mereka sehingga tidak dapat mencapai keputusan peperiksaan yang memuaskan kerajaan Baginda tidak akan ragu-ragu untuk menamatkan dermasiswa mereka.

Sebab Baginda menyedari, sebagai sebuah negara yang sedang membangun yang masih banyak kekurangan dari segi tenaga tempatan yang berkebolehan untuk melaksanakan pembangunannya maka negara ini amat memerlukan mereka yang mempunyai berbagai-bagai bidang kemahiran dan kepakaran tertentu. Jadi, kalau penuntut-penuntut yang berada di pusat-pusat pengajian tinggi di seberang laut tidak menyedari akan hakikat ini, maka harapan kerajaan untuk mendapatkan tenaga tempatan yang berkebolehan dan berkelayakan itu akan menjadi sia-sia. Oleh kerana itu, Baginda seringkali mengingatkan kepada penuntut-penuntut seluruhnya supaya belajar bersungguh-sungguh bukan sahaja untuk kebaikan masa depan mereka dan keluarga mereka tetapi juga untuk kebaikan negara umumnya.

Itulah harapan Kerajaan Baginda apabila menghantar banyak penuntut-penuntut belajar keluar negeri untuk menimba ilmu pengetahuan, mereka diharapkan akan dapat menjadi 'asset' yang amat berguna kepada negara.

### KEPADA GURU-GURU

Sehubungan dengan itu, Baginda juga telah mengingatkan kaum guru bahawa tugas mereka bukan setakat mengajar atau menyampaikan ilmu pengetahuan, tetapi tugas mereka yang tidak kurang pentingnya ialah mendidik anak bangsa supaya menjadi warganegara yang berguna di masa akan datang.

"Dalam menunaikan tugas yang amat berat ini, Beta ingin mengingatkan guru-guru, khasnya guru-guru yang terdiri dari rakyat Brunei, supaya dapat mengambil contoh teladan dari guru-guru di masa lampau, dalam mana mereka itu sentiasa bersedia menjalankan tugas mereka dengan berdedikasi, jujur dan penuh ketekunan dan tanggungjawab pada setiap waktu tanpa mengira kedudukan sekolah, baik di bandar mahupun di pedalaman dengan tujuan semata-mata untuk mengasuh dan mendidik anak bangsa dan membimbing anggota masyarakat di sekelilingnya, yang mana hasil dari didikan mereka itu dapat pula disaksikan dari generasi yang ada pada masa ini yang sebahagian besarnya sedang menjalankan jentera pentadbiran Kerajaan Beta," titah Baginda.

Jika gambaran ini betul, jelas Baginda maka tidak syak lagi corak dan generasi yang akan datang adalah terletak pula pada corak pendidikan berkebajikan sama ada formal atau informal yang disampaikan kepada murid-murid yang sedang bersekolah pada masa ini, yang mana tugas ini adalah menjadi salah satu tanggungjawab guru-guru semua.

### KEPADA MASYARAKAT TIONG HWA

Baginda secara terus terang mengingatkan masyarakat Tiong Hwa dan lain-lain keturunan masyarakat di negara ini supaya terus berusaha menyesuaikan diri dengan keperluan dan aspirasi negara ini dalam berbagai-bagai bidang kehidupan selaras dengan kedudukannya sebagai sebuah negara Melayu Islam Beraja.



*KELIHATAN salah seorang penuntut sedang junjung ziarah ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam semasa Majlis Kesyukuran Puja Usia Baginda tahun lalu anjuran Persatuan Penuntut-Penuntut Brunei di seberang laut.*

# MUIB BADAN BEBAS

Dari muka (v)

### BADAN BEBAS

Sungguhpun Majlis menjadi sebahagian dari Jabatan Hal Ehwal Ugama dan Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama menjadi Yang Dipertua Majlis, Majlis sebenarnya badan yang bebas yang tidak tertakluk kepada kuasa jabatan bahkan Jabatan Hal Ehwal Ugama adalah menjadi pihak 'Executive' bagi apa-apa keputusan Majlis sedangkan Majlis bersifat 'legislative'.

Majlis berada di bawah kuasa langsung Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan dan bertanggungjawab kepada Baginda sepenuhnya. Apa-apa keputusan Majlis disembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan perkenan Baginda akan disampaikan oleh Majlis kepada Jabatan Hal Ehwal Ugama untuk dijalankan.



*ORANG ramai bergilir-gilir membuat pendaftaran menunaikan fardu haji.*

Kerja-kerja Pentadbiran Majlis diketuai oleh Setiausaha Majlis Ugama Islam yang dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia, dan mempunyai kuasa dan tugas-tugas pegawai di ibu pejabat Bandar Seri Begawan dan di daerah-daerah yang mempunyai tugas masing-masing khasnya dalam urusan zakat fitrah, masjid-masjid, tanah wakaf, pemeliharaan muallaf dan lain-lain.

Setiausaha Majlis juga dibantu oleh 14 orang kakitangan. Di Daerah Belait diperuntukkan dua orang pegawai, seorang di Daerah Tutong dan seorang di Daerah Temburong.

Apa jua perkara yang hendak diputuskan terutama perkara yang serius dan sensitif mengenai perkara-perkara ugama di dalam negara ini, Setiausaha Majlis akan membuat kertas kerja mengikut arahan Yang Dipertua Majlis. Kalau sekiranya perkara itu perlu dibawa ke tengah mesyuarat Majlis maka terpaksalah bahagian pentadbiran Majlis khususnya Setiausaha Majlis menyediakan kertas-kertas kerja yang berkenaan untuk dibincangkan.



*PEMBINAAN dan pemeliharaan masjid-masjid adalah sebahagian dari tanggungjawab Majlis Ugama Islam.*

Sebagaimana peruntukan Undang-Undang No. 20 1955 dalam Bab 13 Ceraian 2 memperuntukkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan melantik Ahli-Ahli Majlis Ugama Islam untuk selama dua tahun.

Baru-baru ini pada 1 Jun 1985 seramai 16 orang Ahli-Ahli Majlis yang baru telah dilantik termasuk Yang Dipertua dan Timbalan Yang Dipertua.

Sesuatu mesyuarat Majlis akan bergantung kepada keadaan. Apabila ada sesuatu perkara berbangkit barulah mesyuarat diadakan di mana Yang Dipertua Majlis akan mengarahkan Setiausaha Majlis menyenaraikan perkara-perkara yang akan dimesyuaratkan di samping menyediakan kertas-kertas kerja dan lampiran-lampiran yang berkenaan. Biasanya setiap ahli Majlis akan dimaklumkan tentang sesuatu mesyuarat dua minggu sebelum ianya diadakan.

Dalam usia menjangkau 29 tahun, Majlis Ugama Islam setentunya telah memainkan peranan yang penting sebagaimana yang dihasratkan dalam pembentukannya. Peranan ini akan lebih mencabar lagi terutama dalam usaha kita untuk terus mengekalkan negara kita sebagai sebuah negara Melayu Islam Beraja.

## Keluaran Khas :

## Sempena Hari Keputeraan Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam Ke–39

# FUNGSI UNIT PETROLEUM

Oleh Johari HAL
dengan kerjasama
Unit Petroleum.



PEMANDANGAN padang minyak Seria.

DALAM merancang ekonomi negara ini, peranan penyelarasan dan penyelanggaran merupakan strategik yang tidak kurang pentingnya ke arah mewujudkan kestabilan pembangunan sosio politik sebuah negara yang baru sahaja mencapai kemerdekaan berdaulat.

Perancangan yang teratur terhadap sumber-sumber ekonomi menjadi lebih penting apabila saja hasil pendapatan negara ini berlatar belakangkan kepada sumber hidrokarbon. Sumber-sumber tersebut telah menjadi asas utama kemakmuran rakyat dan penduduk Brunei Darussalam.

Pergantungan ekonomi negara kepada sumber-sumber hidrokarbonnya ini adalah dijangka berterusan bagi satu jangka masa yang panjang walaupun usaha-usaha mempelbagai ekonomi negara giat dijalankan.

Sumber-sumber hidrokarbon adalah terhad dan setiap barrel penghasilan yang dibuat mengurangkan reserve minyak negara sebanyak satu barrel selama-lamanya.

Sumber hidrokarbon Brunei Darussalam jika dibandingkan dengan negara-negara pengeluaran lain adalah kecil. Disebaliknya pula bilangan penduduk negara akan tetap bertambah dengan kadar 3% setahun. Keadaan ini akan membawa Brunei Darussalam ke satu keadaan yang dialami oleh negara-negara pengeluar lain seperti Indonesia dan Nigeria. Negara-negara ini memilik reserve yang besar tetapi penduduk yang terlalu ramai menyebabkan penghasilan minyak mentahnya tidak dapat memberi taraf hidup di negeri-negeri itu sebanding dengan Negara Brunei Darussalam.

Dari perspektif itu nyatalah betapa pentingnya pemajuan dan penghasilan sumber-sumber hidrokarbon Brunei Darussalam ditadbir dan dirancang supaya nasib generasi-generasi akan datang dapat terpelihara. Seperti halnya negara-negara pengeluar mahupun yang mengeksport umpamanya Malaysia ataupun yang hanya dapat menampung sebahagian keperluan hidrokarbon dalam negeri seperti Thailand mempunyai kementerian atau agensi yang khas untuk mentadbir sumber hidrokarbon mereka.

Keseimbangan dalam perancangan adalah penting bagi Brunei Darussalam sebagai sebuah negara pengeksport dan harus tidak bergantung kepada syarikat-syarikat minyak untuk menjaga kepentingan negara yang tidak semestinya sama dengan kepentingan syarikat-syarikat tersebut.

Kegagalan berbuat demikian mungkin akan menjejaskan kemakmuran dan kesejahteraan (yang kita nikmati pada masa ini) generasi-generasi akan datang.

Dengan keadaan ini Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah mengambil inisiatif menubuhkan Unit Petroleum yang bertugas mentadbir sumber hidrokarbon negara ini dari segi pemajuan, keselamatan sumber pekerjaan dan kebersihan alam sekitar.

Inisiatif Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam bagi menubuhkan unit tersebut terlaksana dengan gemilangnya pada 15 Jun 1982 sebagai sebuah unit di Pejabat Setiausaha Kerajaan ketika itu.

Apabila Negara Brunei Darussalam mengisytiharkan kemerdekaannya penuh lagi berdaulat pada 1 Januari 1984 selaras dengan sistem Kementerian dalam Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan, Unit Petroleum telah dijadikan salah sebuah jabatan di Jabatan Perdana Menteri.

Penubuhan Unit Petroleum pada dasarnya adalah untuk membantu Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam mentadbir perusahaan petroleum dalam negeri khususnya dalam perkara-perkara yang berhubung dengan penyertaan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam di dalam syarikat-syarikat minyak dan gas.

Selaras dengan kehendak ini satu perundingan pakar dalam organisasi dan pengurusan telah pun diambil untuk membuat kajian akan struktur Unit Petroleum, yang bersesuaian dengan fungsinya. Dalam perundingan itu, Booz Allen and Hamilton telah membuat laporannya yang pada masa ini masih dikaji oleh pihak kerajaan. Laporan itu akan membantu perkembangan Unit Petroleum sejajar dengan kehendak eksplorasi dan penghasilan sepertimana yang terdapat di negara-negara pengeluar lain.

Memandangkan kepada ekonomi negara ini hampir sepenuhnya bergantung pada sumber hidrokarbonnya iaitu minyak dan gas maka pergantungan tersebut lebih ternyata di masa hadapan apabila reserve hidrokarbon negara kian berkurangan. Dari situasi itu peranan Unit Petroleum amat penting bagi pengawasan, pengawalan dan pentadbiran ke atas sumber hidrokarbon ini dibuat sepenuhnya bagi perkembangan ekonomi negara kerana industri petroleum bukan sahaja sebagai sumber pendapatan bagi negara tetapi juga sebagai sumber pekerjaan bagi rakyat.

Peranan yang dimainkan oleh unit ini tidak hanya terletak kepada bidang pengawasan atau pentadbiran malah ianya lebih banyak berfungsi dan merujuk kepada tujuan dan dasar penubuhannya. Antara tujuan dan dasar-dasar penubuhan unit ini ialah:

* Mentadbir dan mengawal penerokaan serta pemajuan sumber-sumber hidrokarbon di Brunei Darussalam selaras dengan keperluan-keperluan ekonomi dan alam sekitarnya.
* Melindungi kepentingan negara dalam syarikat-syarikat minyak yang berkongsi dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam.
* Menggalakkan eksplorasi sumber-sumber hidrokarbon negara selaras dengan kepentingan Brunei Darussalam.
* Menggalakkan penyertaan rakyat dalam semua bidang ekonomi yang bersangkut-paut dengan penerokaan sumber-sumber hidrokarbon di negara ini.
* Melatih rakyat Brunei Darussalam dalam semua jurusan perusahaan hidrokarbon dengan tujuan utama menganakbruneikan industri petroleum di negara ini.
* Menggalakan penubuhan perusahaan-perusahaan 'downstream' di negara ini dan
* Mengkaji sumber-sumber tenaga lain bagi memenuhi kehendak-kehendak Brunei Darussalam di masa akan datang.

Sehubungan dengan keadaan itu Unit Petroleum telah dibahagikan kepada dua fungsi besar iaitu fungsi teknikal dan fungsi bukan teknikal. Kedua fungsi tersebut dihasratkan untuk menjalankan dasar-dasar penubuhan unit tadi.

Fungsi teknikal dikhususkan bagi mengawasi dan mentadbir perkembangan industari petroleum di Brunei Darussalam dari segi kejuruteraan terutamanya di bidang eksplorasi dan penghasilan.

Sementara fungsi bukan teknikal pula adalah menjaga kepentingan negara, mahupun dari segi penyertaan dan pelaburan dalam syarikat-syarikat minyak yang pada masa ini hanyalah Syarikat Minyak Shell Brunei Sendirian Berhad, ataupun dari segi penyertaan rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dalam bidang ekonomi dan pekerjaan di industri petroleum di negara ini.

Di samping tugas-tugas tersebut Unit Petroleum juga bertanggungjawab mentadbir kegiatan-kegiatan syarikat minyak yang mempunyai konsesi di negara ini, seperti mendapatkan dan menyampaikan kebenaran kepada syarikat-syarikat minyak yang menjalankan operasi-operasi tertentu, dan mempastikan bahawa syarikat-syarikat ini mematuhi perjanjian-perjanjian melombong minyak dengan kerajaan.

Setakat ini aktiviti Unit Petroleum adalah terhad. Had itu didorong oleh kekurangan kakitangan. Walau bagaimanapun aktivitinya akan bertambah menjelang tahun 1986 ini apabila pegawai-pegawai kanannya tamat mengikuti kursus dan latihan sambil kerja di dalam dan di luar negeri.

Aktiviti-aktiviti Unit Petroleum sekarang termasuklah memonitor penghasilan dan eksport harian. Di samping menonitor perkembangan pasaran minyak dunia di mana keadaan pembekalan yang berlebihan mengakibatkan ketidakstabilan harga minyak dunia ianya juga berperanan menasihat pihak kerajaan akan perkembangan harga minyak dan membandingkan dengan harga minyak negara ini.

Selain dari aktiviti itu, dialog juga dibuat bersama dengan Jabatan Buruh dan Jabatan Imigresen dengan Syarikat Minyak Shell Brunei Sendirian Berhad tentang pemajuan kerjaya rakyat di syarikat-syarikat Shell Brunei di negara ini.

Di sepanjang penubuhannya Unit Petroleum juga memberi nasihat kepada pengarah-pengarah kerajaan dalam Lembaga Pengarah Syarikat Minyak Shell Brunei Sendirian Berhad walaupun nasihat itu pada masa ini terbatas.

Bagi syarikat-syarikat minyak selain dari Syarikat Minyak Shell Brunei Sendirian Berhad, Unit Petroleum juga memonitor kegiatan-kegiatan mereka dan menyelaras untuk mendapatkan kebenaran bagi satu-satu operasi yang mereka rancangkan seperti menggali telaga eksplorasi.

Unit Petroleum juga membuat kajian dan persediaan asas bagi memboleh beberapa bahagian menjalankan aktiviti mereka dengan sempurna.

Menjelang tahun 1986, satu bahagian kecil, inspectorate akan dibentuk dalam bahagian kejuruteraan umum, bahagian ini akan memastikan bahawa alat penyukatan (metering) cecair yang dipakai di industri petroleum adalah 'accurate' dan memastikan penghasilan harian dan eksport minyak dan gas.

Menyedari keadaan tugas yang merangkumi bidang yang kompleks khususnya dalam bidang eksplorasi dan penghasilan serta kekurangan kakitangan yang berkemahiran dan berkelulusan maka Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah membuat persediaan awal dengan menghantar mereka yang berkenaan keluar negeri untuk mengikuti pelbagai kursus.

Perkara ini semata-mata untuk memperlengkapkan kakitangan jabatan ini dengan kemahiran yang diperlukan. Sebab itu jabatan ini telah menghantar beberapa orang pegawainya ke seberang laut untuk menjalani kursus-kursus Latihan Dalam Perkhidmatan dalam bidang-bidang yang berkaitan di samping menempatkan mereka ke Syarikat Minyak Shell Brunei Sendirian Berhad.

Di samping itu pegawai-pegawai unit ini juga dari masa ke semasa menghadiri persidangan dan seminar di luar negeri untuk mendapatkan pengetahuan tentang pengalaman orang-orang lain dalam perkembangan baru dalam industri petroleum.

Pembesaran kakitangan Unit Petroleum akan dipergiatkan lagi apabila laporan Booz Allen and Hamilton dipersetujui oleh kerajaan.

Keluaran Khas :

**Sempena Hari Keputeraan Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam Ke–39**

PELAJARAN adalah merupakan suatu pelaburan atau investment yang sangat mustahak dan mempunyai peranan penting ke arah memaju dan membangunkan negara. Kerana melalui pendidikan inilah kita berjaya melahirkan dan menghasilkan anak-anak tempatan yang berilmu pengetahuan dalam berbagai-bagai bidang dan seterusnya dapat menerajui pentadbiran negara kita.

Kerajaan sering mengambil kira pentingnya dengan memperuntukkan kewangan yang besar pada setiap tahun. Di samping itu usaha-usaha sentiasa dijalankan dan diungkayahkan pada meningkatkan mutu dan kualiti pendidikan dari semasa ke semasa sejajar dengan perkembangan pelajaran di masa kini yang begitu maju.



## Penubuhan Universiti

# SATU ERA BARU DALAM SISTEM PENDIDIKAN NEGARA

Oleh: Jaafar Haji Ibrahim

Pada mencapai hasrat itu, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah mengambil langkah positif dengan membangunkan beberapa buah sekolah-sekolah menengah dan maktab-maktab di seluruh negara. Pada mempertinggikan ilmu pengetahuan dan untuk menghasilkan anak-anak tempatan yang kemahiran, penuntut-penuntut yang mempunyai kebolehan di hantar keluar negeri bagi mengikuti berbagai-bagai kursus.

Sistem pendidikan di negara kita telah meningkat dari semasa ke semasa menurut keupayaan kita di mana telah berkembang dari pra sekolah kepada setinggi-tingginya peringkat Sijil Perguruan dan BTCE (Busines and Technical Education Council) dan dalam tahun 1984 membawa kepada peringkat Ijazah Sarjana Muda.

### SEJARAH

Pada tahun ini sejarah kemajuan pelajaran di negara ini maju setapak lagi dengan penubuhan universiti yang julung-julung kalinya ditubuhkan di Negara Brunei Darussalam. Langkah ini diambil selaras dengan hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk meningkatkan kualiti pendidikan di Negara Brunei Darussalam yang bertuah ini.

Penubuhan universiti itu telah diumumkan sendiri oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam sewaktu bertitah di Majlis Penyampaian Hadiah-hadiah Pertandingan Membaca Al-Quran peringkat Kebangsaan pada 23 Mei 1985 di Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien.

"Insya-Allah Kerajaan kita akan menubuhkan sebuah universiti di Negara Brunei Darussalam pada tahun ini dengan memulakan kursus-kursus yang mengandungi berbagai-bagai mata pelajaran mulai akhir tahun ini," titah Baginda Yang Dipertuan.

Menurut Baginda penubuhan universiti itu adalah sebagai lanjutan kepada kursus Sarjana Muda Pendidikan yang sudahpun diadakan di Institut Pendidikan Sultan Hassanal Bolkiah.

### LAMBANG

Penubuhan universiti sudah barang tentu akan merupakan satu era baru dalam perkembangan dan kemajuan pendidikan di negara ini dan sekaligus ianya akan melambangkan imej negara di mata dunia antarabangsa betapa pun negara kita kecil dari segi saiz dan kependudukannya namun dengan berkat Kebijaksanaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam kita mampu juga menubuhkan sebuah universiti.

Kementerian Pelajaran dan Kesihatan siapa yang dipertanggungjawabkan terhadap proses penubuhan universiti berkenaan akan mengeluarkan iklan dan tawaran-tawaran kepada pelajar-pelajar kita untuk memasuki tahun pengajian pertama universiti pada tahun ini juga.

"Insya-Allah dalam beberapa minggu saja lagi kita akan mengeluarkan iklan dan tawaran-tawaran kepada pelajar-pelajar kita untuk memasuki tahun pengajian pertama universiti kita pada tahun ini juga," tegas Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Aziz Menteri Pelajaran dan Kesihatan ketika berucap



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia bertanyakan sesuatu kepada salah seorang penuntut ketika Baginda berangkat melawat ke Sekolah Menengah SMJA.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah di Majlis Konvokesyen Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah pada bulan Oktober tahun lalu.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia ketika berangkat melawat Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin pada bulan Mei tahun ini.

merasmikan Pelancaran Tahun Belia Antarabangsa pada 30 Jun yang lepas.

Menurut Yang Dimuliakan Menteri Pelajaran dan Kesihatan, proses penubuhan universiti Negara Brunei Darussalam yang dihasratkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam itu sedang dilaksanakan dengan rancak dan giatnya.

### KAMPUS

Perkembangan-perkembangan fizikal dan akademik sedang rancak disusun di mana kerja-kerja pengubahsuaian Pusat Pengajaran untuk dijadikan kampus sementara universiti itu sedang rancak dilakukan dan dijangka akan dapat digunakan oleh mahasiswa-mahasiswa pengajian tahun pertama.

Seiring dengan itu juga jenis-jenis kursus yang akan ditawarkan di universiti itu kini berada di peringkat "sedang dihalusi" dengan pertimbangan-pertimbangan yang amat terperinci dan teliti.

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Aziz memberi keyakinan bahawa kursus-kursus yang akan diadakan di universiti Negara Brunei Darussalam itu adalah diakui dan mempunyai taraf yang boleh diterima oleh lain-lain universiti yang terbilang di luar negeri.

Universiti Brunei Darussalam yang julung-julung kali akan ditubuhkan di negara ini sepertimana yang telah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam insya-Allah akan wujud menjadi kenyataan tidak beberapa lama lagi.

Hasrat dan penubuhan universiti yang dicita-citakan oleh rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam itu dirasakan perlu bukan semata-mata bagi tujuan kemasukan penuntut-penuntut ke pusat-pusat pengajian tinggi yang selama ini dipenuhi dengan penghantaran anak-anak tempatan kita ke luar negeri. Setelah universiti Negara Brunei Darussalam ditubuhkan di negara inipun kita merasakan dan sudah barang tentu akan terus 'membuka pintu' bagi menghantar penuntut-penuntut kita melanjutkan pelajaran di seberang laut terutama sekali kursus-kursus ikhtisas yang kita belum mampu dan berkeupayaan untuk mengadakannya di dalam negeri sebagai langkah untuk menampung keperluan negara khasnya tenaga manusia (manpower) bagi memaju dan memperkembangkan Negara Brunei Darussalam.

### DIISYTIHARKAN

Sebelum pengumuman penubuhan universiti tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddien Waddaulah telah berkenan mengisytiharkan pertukaran nama Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah menjadi Institut Pendidikan Sultan Hassanal Bolkiah mulai 1 Januari 1985 semasa Baginda Yang Dipertuan bertitah di Majlis Konvokesyen ke 12 MPSHB pada 18 Oktober 1984.

Pertukaran itu dihasratkan ke arah menggerakkan usaha mengemaskan lagi sistem pendidikan dan perguruan di negara ini. Serentak dengan itu kursus Sarjana Muda Pendidikan atau Bachelor of Education Pendidikan Rendah telah dimulakan di institut berkenaan mulai 1 Januari lalu.

Kursus Sarjana Muda Pendidikan itu dikendalikan sendiri oleh Institut Pendidikan Sultan Hassanal Bolkiah dengan kerjasama University of Wales melalui University College Cardiff.

Seramai 56 orang pelajar termasuk 11 orang guru perempuan kini mengikuti kursus di institut berkenaan yang akan mengambil masa 2½ tahun.

Lihat muka IX

## Keluaran Khas :

# Sempena Hari Keputeraan Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam Ke–39

Dari muka VIII

Pelita Brunei difahamkan bahawa jumlah pemohon yang ingin mengikuti kursus di institut itu berjumlah 293 orang.

Kebanyakan penuntut-penuntut yang mengikuti kursus itu adalah terdiri dari guru-guru yang terlatih yang mempunyai pengalaman mengajar sekurang-kurangnya lima tahun.

### MENJALANI

Seperti yang difahamkan, mereka yang mengikuti kursus itu terlebih dahulu menjalani kursus yang dipanggil Pra Bachelor of Education selama enam bulan yang bertujuan untuk memberi asas yang cukup kepada pelajar-pelajar dalam tiga mata pelajaran yang penting iaitu Ilmu Hisab, Sains dan Bahasa Inggeris.

Hasrat kursus itu dijalankan ialah pada menghasilkan guru-guru yang berijazah bagi tujuan mengajar di sekolah-sekolah rendah yang pada masa kini dipenuhi oleh tenaga-tenaga pengajar dari luar di samping memberikan pembelajaran dalam hal-ehwal pendidikan secara umum.

Ijazah yang dikeluarkan kepada penuntut-penuntut yang berjaya ialah ijazah yang dikeluarkan oleh Univer ity of Wales dan bertaraf Kelas Pertama, Kedua, Ketiga dan umum iaitu bergantung kepada prestasi penuntut-penuntut itu sendiri. Apa yang penting ijazah berkenaan akan diiktiraf di mana-mana juapun sebagai satu ijazah yang dikeluarkan oleh sebuah institut pengajian tinggi atau universiti di United Kingdom yang diiktiraf oleh antarabangsa.

Harapan negara dan penduduk di negara ini semoga para graduan yang dilahirkan oleh IPSHB akan dapat menampung keperluan negara terutama sekali di bidang pendidikan kerana dengan yang demikian negara akan mempunyai lebih ramai lagi guru-guru yang berpendidikan tinggi dan berkeupayaan mengajar apa jua mata pelajaran yang diajarkan di peringkat Pelajaran Rendah.

### KONSEP PELAJARAN

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Aziz, Menteri Pelajaran dan Kesihatan telah menekankan tiga konsep dasar pengajaran negara semasa berucap di Majlis Pelancaran Sistem Pendidikan Negara Brunei Darussalam pada awal tahun ini.

Tiga konsep tersebut ialah Konsep Dwibahasa, Konsep Melayu Islam Beraja dan Konsep Islamisasi Ilmu Pengetahuan.

**''ADALAH menjadi hasrat Beta supaya bidang pendidikan akan menjadi saluran pada mengukuh adunan ilmu pengetahuan yang baik yang mendatangkan kemanfaatan kepada Negara Brunei Darussalam. Dan mendidik serta mengasuh kemuliaan budi pekerti di samping berupaya melahirkan tenaga manusia yang berkemahiran yang berguna bagi memikul tanggungjawab pembentukan dengan seberapa 'lutanan' masyarakat yang maju.''**



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia menyampaikan sijil kepada Dayang Shim Guek Lin di Majlis Konvokesyen ke-12 Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah pada bulan Oktober lalu.

# TIGA KONSEP PELAJARAN NEGARA

Konsep Dwibahasa dihasratkan supaya kedudukan Bahasa Melayu akan kekal menjadi 'dominant' dalam sistem pendidikan di samping dapat membantu perkembangan dan kedaulatan Bahasa Melayu bagi kehidupan rasmi dan urusan sehari-hari di negara ini.

Pada mensesuaikan sistem pendidikan Negara Brunei Darussalam dalam Konsep Melayu Islam Beraja sebagaimana yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam di Perisytiharan Kemerdekaan pada 1 Januari 1984 lalu, Kementerian Pelajaran dan Kesihatan telah menyedari alam pendidikan amatlah sesuai untuk menjunjung maksud yang telah dititahkan kerana pendidikan adalah menjadi salah satu unsur dalam pembentukan sebuah masyarakat atau 'nation building'.

Amat jelas bahawa Konsep Melayu Islam Beraja (MIB) adalah bertujuan untuk membentuk manusia yang bukan saja berilmu pengetahuan tinggi dengan sains dan teknologinya bahkan juga akan menjadi manusia yang akan dirinya selaku insaf akan dirinya selaku warganegara yang merdeka dan lebih dari keluarga dunia malah yang penting selaku makhluk dan hamba Allah.

Tegasnya Konsep MIB patut diperkenalkan dengan sistem pendidikan melalui langkah yang kesederhanaan di mana konsep berkenaan akan menerapkan nilai-nilai Islam umpamanya mendidik kanak-kanak supaya sentiasa taat kepada Allah, Raja dan memiliki pemikiran pendirian yang sihat semata-mata pada mensesuaikan dengan kehendak-kehendak masyarakat, perkembangan dan pembangunan negara.

Perkataan Melayu dalam konsep tersebut adalah bermaksud bagi mendidik kanak-kanak supaya sentiasa mengamalkan corak penghidupan orang-orang Melayu Brunei yang mempunyai kehalusan budi pekerti.

### PERPADUAN

Konsep Beraja pula akan mengenalkan secara berperingkat-peringkat betapa Raja bagi masyarakat Brunei adalah unsur perpaduan dan bukan simbolik Ketua Ugama rasmi dan bukan ceremonial.

Kepentingan dalam konsep itu menyarankan supaya kanak-kanak Islam akan dididik untuk menjadi orang-orang Islam yang sempurna sementara kanak-kanak bukan Islam dididik supaya memahami tatacara kehidupan Islam di negara ini agar mereka dapat sama-sama menikmati kemanisan hidup yang terkandung di dalamnya.

Bagi memperkuatkan lagi idealogi negara sebagai sebuah negara MIB, Kementerian Pelajaran dan Kesihatan juga berharap dapat menyalurkan melalui pendidikan satu konsep Islamisasi Ilmu Pengetahuan secara berperingkat-peringkat.

Atas dasar untuk meninggikan mutu pelajaran dan pendidikan di negara kita ini, Kementerian Pelajaran dan Kesihatan dijangka akan mengadakan peperiksaan dua kali setahun bagi Brunei Cambridge GCE peringkat biasa dan lanjutan mulai tahun ini. Di samping itu Kementerian Pelajaran dan Kesihatan juga melaksanakan Sistem Kegiatan Tambahan atau kegiatan luar sekolah kepada penuntut-penuntut di seluruh negara.



INILAH bangunan Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah yang telah dinaikkan tarafnya menjadi Institut Pendidikan Sultan Hassanal Bolkiah mulai 1 Januari 1985.

### MELAWAT

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan berangkat melawat dua buah sekolah di ibu negara pada 16 Mei 1985 bagi memerhati secara dekat tentang perjalanan pelajaran dan kemajuan murid-murid di dalam pembelajaran.

Dua buah sekolah yang dilawati oleh Baginda itu terdiri dari Maktab Sultan Omar Ali Saifuddien dan Sekolah Menengah Melayu Jamalul Alam (SMJA).

Hasrat Baginda Yang Dipertuan itu patut menjadi perhatian kita betapa baginda walaupun sibuk dengan tugas-tugas negara, namun demikian Baginda Yang Dipertuan meluangkan masa seketika untuk meninjau kedua-dua sekolah tersebut bagi mengetahui sendiri akan perkembangan pelajaran di negara ini.

Semasa lawatan itu Baginda Yang Dipertuan telah dapat berbual-bual mesra dengan guru-guru dan penuntut-penuntut di samping itu Baginda dapat memerhatikan sendiri akan kebolehan dan kepandaian penuntut-penuntut terutama sekali di bidang sains dan teknikal.

Jelas kepada kita betapa kemantapan pendidikan sesebuah negara itu amat diperlukan ke arah menghasilkan anak-anak watan yang berilmu pengetahuan dan berkemahiran dalam membangunkan negara, bangsa dan tanahairnya. Kita sangat beruntung betapa perkembangan sistem pendidikan sentiasa diambil perhatian yang berat oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam selaras dengan titah Baginda semasa mengisytiharkan penukaran Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah pada bulan Oktober tahun lalu. Antara lain Baginda Yang Dipertuan Bertitah.

"Adalah menjadi hasrat Beta supaya bidang pendidikan akan menjadi saluran pada mengukuh adunan ilmu pengetahuan yang baik yang mendatangkan kemanfaatan kepada Negara Brunei Darussalam. Dan mendidik serta mengasuh kemuliaan budi pekerti di samping berupaya melahirkan tenaga manusia yang berkemahiran yang berguna bagi memikul tanggungjawab pembetulan dengan sebeberapa 'lutanan' masyarakat yang maju."

Kementerian Pelajaran dan Kesihatan, yang dipertanggungjawabkan dalam halehwal memaju dan memperkembang pendidikan negara akan sentiasa mengkaji dan berusaha dengan lebih gigih pada mencapai objektif Kerajaan untuk meninggikan mutu dan kualiti pendidikan di negara Brunei Darussalam ini.

Penubuhan universiti Negara Brunei Darussalam sudah tentunya akan dapat meningkatkan taraf pendidikan kita sebagai sebuah negara yang merdeka lagi berdaulat dan sekaligus akan berperanan pada menghasilkan golongan graduan yang berilmu pengetahuan di dalam berbagai-bagai bidang kemahiran. Dengan tertubuhnya universiti itu negara kita akan dapat berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan masyarakat antarabangsa yang lain yang sudah sedia mempunyai universiti.

Keluaran Khas :

Sempena Hari Keputeraan Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam Ke-39

# PELABUHAN AIR DALAM MUARA SEMAKIN PESAT BERKEMBANG

Oleh : Ahat Ismail
Gambar : Ak. Bahar PHO

**PELABUHAN Air Dalam Muara dewasa ini tergolong sebagai salah sebuah pelabuhan yang dianggap baik di rantau Asia Tenggara ini, kerana mempunyai peralatan dan kemudahan yang moden. Selain daripada itu ianya mempunyai pegawai-pegawai serta kakitangan yang cukup terlatih untuk bertugas sepanjang waktu seperti mengendalikan terminal kontiner dan mentadbir, serta lain-lain tugas khas bagi kemudahan kapal-kapal tiba ke pelabuhan.**

EFISIENSI perkhidmatan pelabuhan sesebuah negara bukan saja diukur dari segi besar saiznya atau jumlah kapal-kapal yang keluar masuk, tetapi yang pentingnya ialah mutu perkhidmatan yang diberikan.

Pelabuhan Air Dalam Muara semakin pesat berkembang selain mengalami pelbagai perubahan sejak ianya dibuka kepada kapal-kapal dagang asing 12 tahun lalu, selaras dengan kehendaknya sebagai sebuah pelabuhan yang bertaraf antarabangsa.

**52 BUAH KAPAL**

Perubahan-perubahan tersebut dilakukan kerana meningkatnya jumlah kapal yang tiba ke pelabuhan itu. Pada tahun ini saja sejumlah 52 buah kapal kargo tiba setiap bulan, dan daripada jumlah itu kira-kira satu hingga dua buah kapal sentiasa silih berganti untuk bertambat bagi memunggah barangan mereka.

Memandangkan keadaan jumlah kapal yang semakin bertambah itu, tambatan sekarang berukuran panjang 1,405 kaki hanya mampu memberikan kemudahan lima buah kapal sederhana panjang untuk bertambat. Oleh yang demikian tambatan berkenaan kini ditambah pada 600 kaki panjang ke arah sebelah barat dan akan digunakan sedikit masa lagi. Jabatan Pelabuhan Kementerian Perhubungan berharap, melalui tambatan baru itu, sekurang-kurangnya dapat mengatasi masalah penempatan kapal-kapal untuk masa kini dan masa akan datang.

**KARGO**

Kepentingan sebagai sebuah pelabuhan begitu ketara sekali bilamana mengikuti perangkaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Pelabuhan-Pelabuhan bahawa tahun lepas saja tidak kurang daripada 48 hingga 80 juta tan pengeluaran kargo telah dipunggah ke pelabuhan itu. Daripada perangkaan itu, pengeluaran kargo sepanjang tahun lepas berjumlah 741,450.35 tan daripada 679 buah kapal.

Pada tahun yang sama iaitu empat bulan tahun pertama, kira-kira 232 buah kapal dengan muatan 241,675,24 tan kargo telah dipunggah, manakala dalam waktu yang sama bagi tahun ini pula terdapat sedikit perbezaan bilamana sejumlah 210 buah kapal dengan muatan 227, 189.44 tan kargo saja. Perbezaan tersebut antara lain disebabkan oleh keadaan cuaca yang memaksakan sesebuah kapal mengambil masa yang lama untuk tiba ke negara ini.

**BAHAN SIMEN**

Selaras dengan kepesatan pembangunan negara di mana berbagai projek pembinaan semakin berkembang pesat, maka bahan-bahan binaan seperti simen adalah merupakan import yang paling tinggi bagi tahun lepas iaitu berjumlah 170,236,74 tan. Ini diikuti pula oleh barang-barang makanan yang berjumlah kira-kira 113,023.10 tan, manakala kenderaan seperti kereta, bas dan lori menjadi import ketiga terbesar dengan jumlah 94,990.73 tan.

Di antara tiga jenis barangan, makanan yang sukar sekali untuk dihasilkan di negara ini meskipun kita telah banyak membuat percubaan seperti projek penanaman padi, namun kita masih belum dapat mengatasinya. Memandangkan keadaan tersebut kita terpaksa bergantung kepada import dari negara luar bagi menampung keperluan penduduk negara ini.

Selain daripada itu, kenderaan seperti kereta pula boleh dikatakan kemasukannya mencurah-curah dan purata tidak kurang sesebuah keluarga berkemampuan memiliki dua hingga tiga buah kereta. Negara Jepun satu-satunya pengeluar kereta terbesar di dunia merupakan "Pengeksport" utama dan sebahagian besar buatan mereka begitu digemari ramai ketika ini.

**GUDANG SIMPANAN**

Di samping memberikan perkhidmatan pemunggahan berbagai barangan dan kargo, Pelabuhan Muara juga menyediakan tempat-tempat penyimpanan sementara (gudang). Barang-barang yang tiba ke pelabuhan dapat disimpan dengan selamat dalam gudang sebelum dituntut oleh pemilik-pemiliknya. Ketika ini Jabatan Pelabuhan-pelabuhan menyediakan tiga buah gudang simpanan dan sebuah lagi telah pun siap pembinaanya serta dijangka akan dapat digunakan beberapa bulan lagi.

Dalam pada itu, di luar kawasan pelabuhan pula terdapat empat buah gudang yang kesemuanya adalah disewakan kepada syarikat-syarikat perkapalan serta mereka-mereka yang berhajat menyimpan barangan mereka pada sekian waktu yang dikehendaki. Sewa yang dikenakan oleh Jabatan Pelabuhan-pelabuhan ialah 30 sen bagi sekaki persegi.

Jabatan Pelabuhan juga memberikan kemudahan gudang berhawa dingin untuk menyimpan barang-barang sejuk seluas 10,140 kaki padu dan mengandungi lima buah bilik.



*LORI yang sarat dengan muatan ini terpaksa diperiksa dahulu sebelum dibenarkan keluar kawasan pelabuhan.*



*DERETAN kapal-kapal yang bertambat di Pelabuhan Air Dalam Muara.*

Lihat muka XI

Keluaran Khas :

**Sempena Hari Keputeraan Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam Ke–39**



*BARANG-barang makanan dipunggah daripada kapal, siap untuk dimasukkan ke dalam gudang*



*PEGAWAI-Pegawai Kastam begitu teliti membuat pemeriksaan terhadap barang-barang masuk dan keluar daripada pelabuhan*

# Kira-kira 40 hingga 80 juta tan kargo dipunggah

**BAHAN-bahan binaan seperti simen adalah import yang paling tinggi bagi tahun lepas iaitu berjumlah 170,236.74 tan. Ini diikuti pula oleh barang-barang makanan yang berjumlah kira-kira 113,023.10 tan, manakala kenderaan seperti kereta, bas dan lori menjadi import ketiga terbesar dengan jumlah 94,990.73 tan.**

Dari muka X

### PERALATAN & KEMUDAHAN

Perlaksanaan pemunggahan barangan dari kapal ke tambatan dilakukan dengan pertolongan beberapa buah jentera angkat susun yang dikendalikan sendiri oleh kakitangan Jabatan Pelabuhan-pelabuhan. Jentera tersebut juga telah disewakan mengikut bentuk saiznya serta kelamaan ianya digunakan.

Umpamanya jentera angkat susun yang berukuran kecil dikenakan sewa sebanyak $10.00 sejam. Jentera trailler dikenakan sewa $40.00 sejam dan jentera kren yang dikhususkan mengangkat bagi sebarat 30 tan dikenakan sewa sebanyak $80.00 sejam.

### KESELAMATAN

Mengenai keselamatan barang-barang, sebenarnya sering terdapat kerosakan semasa dalam pelayaran sebelum tiba ke destinasi yang dituju. Dalam hal ini pengawasan rapi sentiasa dilakukan oleh pihak pelabuhan. Sementara itu pengawasan terhadap mereka yang keluar masuk ke pelabuhan juga sentiasa diawasi dengan memberikan pas-pas kebenaran masuk.

Pihak Polis yang bertanggungjawab mengeluarkan pas-pas kebenaran tersebut menganggarkan hampir lima ratus keping pas kebenaran sementara (tidak termasuk pas kebenaran tetap) untuk memasuki pelabuhan setiap hari telah dikeluarkan dan jumlah itu kadang-kadang meningkat.

Pelabuhan Air Dalam Muara dewasa ini tergolong sebagai salah sebuah pelabuhan yang dianggap baik di rantau Asia Tenggara ini, kerana mempunyai peralatan dan kemudahan yang moden. Selain daripada itu ianya mempunyai pegawai-pegawai serta kakitangan yang cukup terlatih untuk bertugas sepanjang waktu seperti mengendalikan Terminal Kontiner dan Mentadbir, serta lain-lain tugas khas bagi kemudahan kapal-kapal tiba ke pelabuhan.

Ke arah melengkapkan serta memberikan perkhidmatan yang berkesan, Jabatan Pelabuhan-pelabuhan sering menghantar kakitangannya berkursus ke luar negeri mengikuti latihan berbagai bidang dengan harapan untuk meningkatkan mutu kecekapan perkhidmatan sesuai dengan keperluan sebuah negara yang inginkan memberikan mutu khidmat pelabuhan yang sesuai sifatnya sebagai sebuah pelabuhan bercorak antarabangsa.



*"AH.............. tepi sikit", begitulah yang dibisikkan oleh pekerja-pekerja ini sejurus selepas barangan tersebut selamat dipunggah daripada kapal.*



*BAHAN-bahan binaan merupakan import yang paling tinggi negara ini tahun lepas.*

Keluaran Khas :

**Sempena Hari Keputeraan Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam Ke-39**

# KURSUS DIPLOMA KEBANGSAAN PERTANIAN

Oleh : Fatimah Mohd. Daud

BIDANG pertanian memainkan peranan yang penting . Sesuai dengan kepentingan tersebut maka Pusat Latihan Pertanian Sinaut telah mengadakan Kursus Diploma Kebangsaan Pertanian selama dua setengah tahun. Kursus ini telah bermula pada tahun 1983. Pada tahun 1982, adalah diketahui bahawa teknik pertanian yang ada sekarang tidak mencukupi untuk menampung keperluan kursus yang dikendalikan oleh Pusat Latihan Pertanian Sinaut. Dengan adanya kursus seperti ini ianya akan memberikan peluang kepada anak tempatan untuk menceburi bidang pertanian di samping mencurahkan bakti mereka kepada negara.

### KELAYAKAN

Kursus ini terbuka kepada penuntut lelaki dan perempuan dan mestilah rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dan berumur tujuh belas tahun ke atas.

Kelayakan untuk memasuki kursus tersebut adalah:

a Kelulusan minima tiga mata pelajaran sains GCE peringkat O sama ada Ilmu Hisab atau Bahasa Inggeris atau

b Tiga kepujian GCE peringkat O termasuk sekurang-kurangnya satu mata pelajaran sains dan kepujian dalam mata pelajaran sains dalam Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya.

c Lepasan Pusat Latihan Pertanian Sinaut yang mempunyai Sijil juruteknik dengan mendapat kepujian 70% ke atas.

### PENGAMBILAN PENUNTUT-PENUNTUT

Jumlah penuntut-penuntut yang memohon bagi mengikuti kursus ini menunjukkan minat yang mendalam di bidang pertanian. Kursus ini boleh memuatkan pengambilan tiga puluh orang penuntut dalam setahun. Tetapi setelah diteliti dari dua ratus tiga orang pemohon, cuma enam belas orang saja yang diakui berkebolehan untuk mengikuti kursus tersebut. Ini adalah disebabkan kursus tersebut dikendalikan dalam bahasa Inggeris dan semua buku-buku teks yang digunakan adalah dalam bahasa Inggeris.

Pada tahun 2000, iaitu dalam tempuh masa lima belas tahun dari sekarang adalah ditafsirkan sebanyak empat ratus sebelas (411) orang penuntut dikira berkebolehan untuk menamatkan kursus tersebut. Jika mendapat sambutan dari penuntut lepasan Pusat Tingkatan Enam, jumlah keperluan tersebut akan dapat dicapai.

### SISTEM PELAJARAN

Sistem pelajaran bagi Kursus Diploma Pertanian Kebangsaan ini adalah berdasarkan kepada lima simister. Tahun pertama mengandungi simister I & II manakala tahun kedua mengandungi simister III, IV dan V.



*BEGINILAH keadaan penuntut-penuntut bila menerima penerangan dari pensyarah mereka.*



*PENUNTUT-penuntut sedang mengikuti mata pelajaran di bilik makmal pusat tersebut.*



*INI adalah bilik audio visual salah satu kemudahan yang terdapat di pusat tersebut.*

### LATAR BELAKANG KURSUS

Dengan persetujuan daripada Pusat Latihan Pertanian Sinaut kursus setahun penanaman beras dan pemeliharaan binatang telah diperkenalkan pada tahun 1981. Ianya diubah kepada satu kursus yang mendalam yang diberi nama Kursus Teknik Pertanian dan termasuk dalam kursus Diploma Kebangsaan Pertanian. Tujuan utamanya ialah untuk melatih teknisyen pertanian untuk mengendalikan kerja-kerja di gred pertengahan dan bertanggungjawab di dalam projek pemasaran dan swasta.

Ianya juga bertujuan untuk menubuhkan satu kumpulan pengeluaran tumbuh-tumbuhan dan ternakan. Ini adalah untuk membolehkan anak-anak tempatan untuk menyumbangkan kerja mereka bagi mencapai keperluan yang mencukupi di bidang pertanian bagi negara ini.

### BENTUK KURSUS

Tujuan kursus ini dibentuk ialah untuk:

a Memperkenalkan dan menyelesaikan melalui praktik ternakan yang baik, masalah yang terdapat di ladang-ladang dan juga pasaran tanaman-tanaman dan pokok buah-buahan.

b Mengambil skil yang bersangkut-paut dengan pengurusan dan pemeliharaan ternakan.

c Menubuhkan, menggumpul data dan menjalankan analisa mengenai ladang-ladang yang bersesuaian dengan tanah tempatan dan keadaan air di negara ini.

d Mempertahankan buruh ternakan, kemasukan rekod-rekod pengeluaran dan menjalankan analisa kewangan sebagai panduan ke arah pemikiran pengurusan.

e Menjalankan dan memelihara mesin-mesin ternakan dan alat-alat projek infrastruktur dengan keadaan ladang-ladang dalam keadaan selamat dan efisien.

f Menjalankan aspek-aspek bagi kerja-kerja tambahan untuk membolehkan para penuntut berkomunikasi.

Walau bagaimanapun kursus ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu kerja teori dan praktik. Ianya menyeluruh kerja-kerja ternakan dan tanaman tropika. Bagi enam bulan yang pertama, penuntut-penuntut mempelajari asas pertanian tropika dan pemeliharaan tanaman dan binatang. Enam bulan kedua penuntut-penuntut akan mempelajari enam jenis tanaman dan bagi enam bulan yang ketiga penuntut-penuntut menghabiskan masa mereka dengan pengeluaran tanaman yang mendalam seperti buah-buahan, bunga-bunga dan sayur-sayuran. Di samping itu juga mesin ternakan termasuk traktor dan pemasangannya adalah dalam kategori ini.

### KELAS-KELAS

Kelas-kelas diadakan pada pukul lapan pagi hingga dua belas tengah hari. Kerja-kerja di ladang dijalankan pada pukul satu tengah hari hingga empat petang.

Kerja-kerja di ladang ini dikendalikan dengan kumpulan sama ada memilih penanaman beras atau sayur-sayuran. Penuntut-penuntut juga berkesempatan untuk melawat sambil belajar ke stesen-stesen kerajaan dan ternakan pribet.

### PEPERIKSAAN

Peperiksaan praktik dan bertulis juga diadakan pada setiap mata pelajaran. Dari sinilah penuntut-penuntut dipertimbangkan sama ada layak untuk menamatkan kursus tersebut.

### KEMUDAHAN-KEMUDAHAN

Penuntut-penuntut yang mengikuti kursus tersebut akan dapat menikmati kemudahan-kemudahan yang diberikan selama mengikuti kursus tersebut. Terdapat satu makmal yang besar, satu bilik audio visual, ternakan yang mencukupi bagi penanaman, ternakan binatang dan juga mesin ternakan yang mencukupi.

Penuntut-penuntut disediakan dengan asrama berserta dengan makanan percuma. Mereka juga diberikan elaun bulanan sebanyak satu ratus enam puluh lapan ringgit.

### TENAGA PENGAJAR

Guru-guru yang mengajar adalah terdiri dari anak tempatan tetapi bilangan mereka adalah tidak mencukupi. Beberapa orang pensyarah telah didatangkan dari luar negeri seperti United Kingdom dan Filipina. Beberapa orang guru dari Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah mengajar bahasa Inggeris di kursus tersebut.

### PANDANGAN

Menurut pandangan dari salah seorang pensyarah pusat latihan tersebut, apabila menamatkan kursus itu nanti, penuntut-penuntut akan bekerja dengan Pusat Latihan Pertanian Sinaut sebagai pemerhati berpandukan kepada minat dan kebolehan mereka. Kemungkinan mereka ini akan diberikan dermasiswa oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia bagi melanjutkan pelajaran keluar negeri di dalam bidang pertanian.

Adalah diharapkan dengan adanya kursus seperti ini akan dapat memberikan pengetahuan kepada mereka yang berminat di bidang pertanian terutama sekali kepada anak tempatan bagi menampung keperluan negara di bidang pertanian.

# RANCANGAN TV MINGGU INI

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.

## HARI RABU 10 JULAI

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 FAMILY NESS
5.00 ANIMAL IN ACTION: "Caught Between The Tides"
5.30 FAMILY TIES "Lost Weekend"
6.00 BERITA AWAL
6.05 SUPERFRIENDS
6.30 TEKA TEPAT
6.41 AZAN MAGHRIB
6.51 TEKA TEPAT — sambungan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 TWO MARRIAGES 'Pilot' Bhg. I
7.52 AZAN ISYAK
7.56 TWO MARRIAGES — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM DALAM PBB (Ulangan)
10.00 LIPUTAN NASIONAL
10.30 HUNTER: "Pen Pals"
11.20 BUFFALO BILL
11.50 SIARAN TAMAT.

## HARI KHAMIS 11 JULAI

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 SESAME STREET
5.30 WORDS AND PICTURES
6.00 BERITA AWAL
6.05 WORLD ALIVE "Desman And The Dippers"
6.30 A WHOLE WORLD OF CHILDREN "France: Indonesia"
6.42 AZAN MAGHRIB
6.52 A WHOLE WORLD OF CHILDREN sambungan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 FINDER OF LOST LOVES "Losing Touch"
7.53 AZAN ISYAK
7.57 FINDER OF LOST LOVES — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LAWATAN DYMM KE INDONESIA (Ulangan)
10.08 HIDAYAT
10.38 HAWAIIAN HEAT (Rancangan baru)
11.30 WAYNE AND SHUSTER: "Godfather"
12.00 TAYANGAN GAMBAR: "Why Me?"
1.30 SIARAN TAMAT.

## HARI JUMAAT 12 JULAI

**TENGAH HARI**

12.00 PEMBUKAAN
12.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
12.12 SUSUNAN RANCANGAN
12.15 CERAMAH UGAMA
12.30 SIARAN LANGSUNG SEMBAHYANG FARDU JUMAAT DARI MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN, BANDAR SERI BEGAWAN.

**PETANG**

1.25 THE YEARLING: "Boy's Best Friend"
1.55 THAT'S INCREDIBLE
2.30 HE-MAN AND THE MASTERS OF THE UNIVERSE
3.00 KONONNYA: "Dua Beradik"
3.25 WEBSTER
3.51 AZAN ASAR
3.55 WORLD OF SPORTS
4.50 THE SECRET RAILROAD
5.20 PROFILE OF NATURE: "Grey Seals Of Sable Island"
5.50 TOWARDS 2000
6.00 BERITA AWAL
6.05 TOWARDS 2000 — sambungan
6.20 TEKA TEPAT
6.42 AZAN MAGHRIB
6.52 TEKA TEPAT — sambungan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 SIRI 'V': "The Wild Cats"
7.53 AZAN ISYAK
7.57 SIRI 'V' — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 DARI MIMBAR MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN
8.45 LAWATAN DYMM KE OMAN (Ulangan)
9.15 LIPUTAN NASIONAL
9.45 DRAMA: Bila Kelopak Berkembang (Ulangan)
10.30 MAGNUM: "Kiss Of The Sabre"
11.25 DALLAS: "Brothers Ewing"
12.15 SIARAN TAMAT.

## HARI SABTU 13 JULAI

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN / LAGU KEBANGSAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA



MEREKA di atas membintangi satu siri baru TWO MARRIAGES yang bermula kira-kira jam 7.20 malam ini.

4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 SESAME STREET
5.30 DUNGEONS AND DRAGONS: "The Cast Illusion"
6.00 BERITA AWAL
6.05 RAINBOW: "The Body"
6.30 I DREAM OF JEANNIE: "Jeannie And The Curious Kid"
6.42 AZAN MAGHRIB
6.52 I DREAM OF JEANNIE — sambungan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.53 AZAN ISYAK
7.57 THE BEST TIMES — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LAWATAN DYMM KE MESIR (ulangan)
9.35 LIPUTAN NASIONAL
10.05 TAYANGAN GAMBAR MELAYU/INDONESIA
11.35 TAYANGAN GAMBAR AKHIR: "Chinatown"
1.00 SIARAN TAMAT.

## HARI AHAD 14 JULAI

**TENGAH HARI**

12.00 PEMBUKAAN / LAGU KEBANGSAAN
12.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
12.12 SUSUNAN RANCANGAN
12.15 MUSICAL ROCK LIVE
12.31 AZAN ZUHUR
12.43 MUSICAL — sambungan
12.50 TAYANGAN GAMBAR

**PETANG**

2.40 SUPERGRAN: "Supergran And The TV Villains"
3.10 ALVIN AND THE CHIPMUNKS (Rancangan baru)
3.40 BILL COSBY SHOW
3.51 AZAN ASAR
3.55 BILL COSBY SHOW — sambungan
4.10 RIPLEY'S BELIEVE IT OR NOT
4.40 BINA VOKALIA
5.10 FAMILY HOUR FESTIVAL: "Where Do Teenagers Come From?"
6.00 BERITA AWAL
6.05 MR T: "Secret Of The Spectral Sister"
6.30 CHARLES IN CHARGE: "Mr President"
6.42 AZAN MAGHRIB
6.52 CHARLES IN CHARGE — sambungan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 COVER UP
7.53 AZAN ISYAK
7.57 COVER UP — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LAWATAN DYMM KE JORDAN (ulangan)
9.35 DRAMA: Bicara Budi
10.00 JESSIE: "The Long Fuse"
10.50 FOX MYSTERY THEATRE: "The Late Nancy Irving" Bhg. I
11.40 ROYAL VARIETY PERFORMANCE
1.10 SIARAN TAMAT.

## HARI ISNIN 15 JULAI

**PAGI**

7.15 PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
7.15 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
7.25 SUSUNAN RANCANGAN
7.30 SIARAN LANGSUNG ISTIADAT BARISAN KEHORMATAN HARI PUJA USIA KE-39 TAHUN KEBAWAH DYMM PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
9.00 GABUNGAN ABDB DAN AMERICAN-HAWAII BAND
9.50 SIARAN LANGSUNG ISTIADAT MENGADAP DAN MENGURNIAKAN BINTANG-BINTANG DAN PINGAT-PINGAT KEBESARAN.
12.20 NADA SARI
12.31 AZAN ZUHUR
12.35 NADA SARI — sambungan
12.55 DOCUMENTARY: INDIANA-JONES: "The Heroes And The Sidekick"
1.50 MUSICAL: Herbie Hancock in Concert

**PETANG**

2.50 TAYANGAN GAMBAR INDONESIA: "Dr Karmila"
3.51 AZAN ASAR
3.55 TAYANGAN GAMBAR INDONESIA — sambungan
4.25 HIBURAN TEMPATAN
5.10 FILLER
5.20 BERTEMASYA DENGAN PUPUT
6.00 BERITA AWAL
6.05 BERTEMASYA DENGAN PUPUT — sambungan
6.20 TITIAN NADA
6.42 AZAN MAGHRIB
6.52 TITIAN NADA — sambungan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 SCARECROW AND MRS KING: "Brunettes Are In"
7.53 AZAN ISYAK
7.57 SCARECROW AND MRS KING — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 TITAH KEBAWAH DYMM SULTAN
8.50 RENCANA KHAS: "Istana Nurul Iman"
10.00 DRAMA: Antara Dua Bintang
10.50 FALCON CREST: "Retribution"
11.40 TAYANGAN GAMBAR: "Killer Fish"
1.10 SIARAN TAMAT.

## HARI SELASA 16 JULAI

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN / LAGU KEBANGSAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 VOYAGES OF DR DOOLITTLE: "Dragon Of Barbary"
5.00 WORLD OF SURVIVAL: "Salute To The Serengeti"
5.30 THE WIND IN THE WILLOWS: "Wayfarer All"
6.00 BERITA AWAL
6.05 NOVA DOCUMENTARY
6.42 AZAN MAGHRIB
6.52 NOVA — sambungan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 HOTEL
7.53 AZAN ISYAK
7.57 HOTEL — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 ARENA SUKAN
9.35 REKASENI
10.05 DYNASTY
11.00 POT BLACK '84
11.30 SIARAN TAMAT.

# Rancangan Rancangan RADIO

## WAKTU SIARAN:

Siaran Bahagian Melayu Radio Brunei bermula dari jam 6.00 pagi terus menerus hingga jam 10.30 malam setiap hari.

**SIARAN F.M. STEREO**

92.3 mHz bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.

93.8 mHz bagi kawasan Tutong dan Belait.

**GELOMBANG SEDERHANA**

675 kHz atau 444 meter bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.

594 kHz atau 505 meter bagi kawasan Tutong dan Belait.

## TIAP-TIAP HARI:

**PAGI**

| | |
|---|---|
| 6.00– 6.02 | Allah Peliharakan Sultan |
| 6.05 | Sinaran Wahyu |
| 6.15 | Pedoman Hidup |
| 6.30 | Membacakan Susunan Rancangan |
| 6.33 | Dendang Suria |
| 7.00 | Dendang Suria |
| 7.10 | Panduan Sukan |

**TENGAH HARI**

| | |
|---|---|
| 11.30–12.45 | Untuk Awda |
| 1.00 | Majalah Radio siaran asal dan ulangan (kecuali hari Jumaat dan Ahad) |

**PETANG**

| | |
|---|---|
| 4.30 | Rampai Petang |
| 6.00 | Menuju Keredaan Allah Siaran langsung menunaikan sembahyang Fardu Maghrib dari Masjid Omar Ali Saifuddin. |

**MALAM**

| | |
|---|---|
| 7.30 | Majalah Radio |
| 10.15 | Bacaan Al-Quran |
| 10.25 | Doa Restu |
| 10.29 | Allah Peliharakan Sultan. |

## WARTA BERITA:

| | |
|---|---|
| 6.45 pagi | (Berita Perdana) |
| 8.00 pagi | |
| 10.00 pagi | |
| 12.45 tengah hari | |
| 1.30 tengah hari | (hari Jumaat) |
| 3.00 petang | |
| 5.30 petang | (Berita Perdana) |
| 8.00 malam | |

**MENYIARKAN AZAN:**

Zuhur, Asar, Maghrib dan Isyak.

## HARI RABU 10 JULAI

**PAGI:** 9.00 — Taman Mekar (SU), 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Permintaan Pagi Rabu, 11.15 — Tinjauan.

**TENGAH HARI:** 1.30 — Seloka Merpati.

**PETANG:** 2.00 — Tetamu Radio (SU), 2.30 — Hiburan, 3.15 — Lagu-lagu Tanpa Nyanyian, 3.30 Forum (SU), 4.00 — Suara Kugiran (SU), 4.30 — Ruangan Katani, 5.00 — Rampai Petang, 5.45 — Senandung Senja.

**MALAM:** 7.00 — Titian Budaya (SU), 7.15 — Selingan Irama, 8.15 — Lagu-lagu Selingan, 8.30 — Permintaan Sukaramai, 9.30 — Senandung Malam.

## HARI KHAMIS 11 JULAI

**PAGI:** 9.00 — Hiburan, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Ronggeng Tanahair (SU), 10.30 — Permintaan Sukaramai.

**TENGAH HARI:** 1.30 — Senandung Lagu-lagu Lama (SU).

**PETANG:** 2.00 — Hiburan Petang, 2.30 — Muzika Tanahair (SU), 3.15 — Hiburan Selingan, 3.30 — Majalah Ugama, 4.00 — Drama Dari Novel, 5.45 — Senandung Senja.

**MALAM:** 7.00 — Bacaan Surah Yassin, 8.15 — Lagu-lagu Selingan, 8.30 — Bimbingan Al-Quran, 9.00 — Lagu-lagu Berirama Asli, 9.30 — Tafsir Al-Quran.

## HARI JUMAAT 12 JULAI

**PAGI:** 9.30 — Nada Pedoman, 10.15 — Soalan Di Udara, 10.30 — Tafsir Al-Quran, (SU), 11.00—Pertandingan Mutika, 11.30 Bimbangan Al-Quran (SU).

**TENGAH HARI:** 12.15 — Bacaan Al-Quran, 12.30 — Siaran Langsung Menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat, 1.15 — Selingan Irama, 1.45 — Lagu-lagu Instrumental Melayu.

**PETANG:** 2.00 — Keluarga Si Awang, 2.30 — Hiburan Petang, 3.15 — Dendang Si Alai, 3.30 — Mingguan Pelajar, 4.00 — Permintaan Jiran Tetangga, 4.30 — Dunia Wanita, 5.00 — Penyanyi Harapan, 5.45 — Suntingan Khutbah Jumaat.

**MALAM:** 7.00 — Cerpen Dan Salukan, 8.15 — Lagu-lagu Selingan, 8.30 — Majalah Ugama (SU), 9.00 — Alam Remaja (SU), 9.30 — Senandung Senja.

## HARI SABTU 13 JULAI

**PAGI:** 9.00 — Mingguan Pelajar (SU), 9.30 — Hiburan Riang Ria, 9.45 — Dendang Si Alai (SU), 10.15 — Varia Peristiwa (SU), 10.30 — Rampaisari.

**TENGAH HARI:** 1.30 — Mutiara Asli (SU).

**PETANG:** 2.00 — Permintaan Hujung Minggu, 3.15 — Hiburan Selingan, 3.30 — Cerpen dan Salukan (SU), 4.00 — Hiburan Petang, 4.15 — Soalan Di Udara, 5.45 — Kuliah Ugama.

**MALAM:** 7.00 — Hiburan Malam, 8.15 — Suara Bintang-Bintang (SU), 8.45 — Bangsawan Di Udara (SU), 9.15 — Permintaan Malam Minggu.

## HARI AHAD 14 JULAI

**PAGI:** 9.00 — Taman Mekar, 9.30 — Pesta Pop, 10.15—Majalah Perdana (SU), 11.00 — Ronggeng Tanahair, 11.15 — Sandiwara Radio.

**TENGAH HARI:** 12.00 — Tahniah dan Ucap Selamat, 1.00 — Permintaan Dua Stesen.

**PETANG:** 2.00 — Sekitar Masyarakat, 2.30 — Serbanika Hiburan, 3.15 — Titian Budaya, 3.30 — Suara Kugiran, 4.00 — Hiburan Petang, 4.30 — Tetamu Radio, 5.00 — Majalah Sukan, 5.45 — Senandung Senja.

**MALAM:** 7.00 — Seni dan Sastera, 7.15 — Selingan Irama, 8.15 — Lagu-lagu Selingan, 8.30 — Suara Perajurit, 9.00 — Drama Dari Novel (SU), 9.30 — Pilihan Pendengar.

## HARI ISNIN 15 JULAI

**PAGI:** 9.00 — Sains Dan Perusahaan, 9.30— Pilihan Pendengar, 10.15 — Berdendang Denganku, 10.30 — Dunia Wanita (SU), 11.00 — Sukma Ria.

**TENGAH HARI:** 1.30 — Permintaan Hari Isnin.

**PETANG:** 2.30 — Keluarga Si Awang (SU), 3.15 — Hiburan Selingan, 3.30 — Alam Remaja, 4.00 — Bangsawan Di Udara (Sang Boma siri ke-8), 5.45 — Senandung Senja,

**MALAM:** 7.00 — Ruangan Katani (SU), 8.15 — Majalah Sukan (SU), 8.45 — Kuliah Ugama, (SU), 9.00 — Serbanika Hiburan (SU), 9.30 — Kutujukan Lagu.

## HARI SELASA 16 JULAI

**PAGI:** 9.00 — Suara Perajurit (SU), 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Lagu-lagu Berirama Dangdut, 10.30 — Permintaan Kaum Wanita, 11.45 — Radio Minggu Ini.

**TENGAH HARI:** 1.30 — Senandung Lagu-lagu Lama.

**PETANG:** 2.00 — Kusampaikan Salam, 2.30 — Varia Peristiwa, 2.45 — Hiburan Gema Silam, 3.15 — Seni Dan Sastera (SU), 3.30 — Sukma Ria (SU), 4.00 — Dari Pendengar Untuk Pendengar, 5.45—Senandung Senja.

**MALAM:** 7.00 — Tinjauan (SU), 7.15 — Selingan Irama, 8.15 — Lagu-lagu Selingan, 8.30 — Sandiwara Radio (SU), 9.00 —Forum, 9.30 — Permintaan Sukaramai.

# RADIO PROGRAMME ENGLISH SECTION

## WEDNESDAY

P.M.

8.00 Hello Tomorrow
8.30 33rd Cheltenham Festival: Schoenberg and Harvey (side 2 of 3)
9.00 Perspective
9.30 Talking About Music—258.

## THURSDAY

P.M.

8.00 International Money Programme
8.15 Drama: War Music — An Annotate in verse of Books 16 to 19 of of Homer's Lliad by Christopher Loque — Part 2
9.30 Jazz at the Questors (Prog. 3 side 1 of 3).

## FRIDAYS/HOLIDAYS

A.M.

11.00 Islam In Daily Life: Faith In Allah — The true qualities of believers — 27/30.
11.15 Light Music From The Netherlands — 669.
11.30 Hitsville USA — The Story The World of Walt Disney (Part 2 side 4 of 4)

NOON

12.00 Sweet and Stylish — 10/12.

P.M.

12.45 My Music — 358/436.
1.15 Book Club: The Dream Woman by Wilkie Collins 3/3.
1.30 Just for variety by continuity announcer.
2.45 Fifteen-Minute Theatre: His Lordship's Bed — a reminiscence by Travor Baxter
3.00 Calling On You by Ak Hishamuddin.
4.00 Chinese programmes.
8.00 Islam In Daily Life (repeat)
8.15 The World of Books.
8.45 Thirty-Minute Theatre: Something's Burning by Joan O'Connor — a comedy about a talking Cat.
9.30 A Date with ... .. (repeat)

## SATURDAY

P.M.

8.00 Hits In Germany
8.30 My Word — A panel game — 359/360.
9.00 Hawaiian Melodies
9.30 Top of The Pops — 1075.

## SUNDAY

A.M.

11.00 Its All Yours produced by Ak Hishamuddin
11.30 When You Wish Upon Astari: of Motown — Three Times A Lady — 8/11.

P.M.

12.45 Review of the Week by Ideris Ali.
1.00 Top of The Pops — 1075 (repeat).
1.30 Weekend Greetings by Hassan Haji Sha'ari
2.30 Just for variety by duty announcer.
4.00 Chinese programmes.
8.00 Travellers Tales — 2/4.
8.30 BBC Science Magazine
9.00 Beautiful Music — 7/50
9.30 Those Were The Days — — 20/26

## MONDAY

P.M.

8.00 Theatre Forty-Five: Forty—is A Dangerous Age, Arnold by T. B. Webster
8.45 Shakespeare: The Actor's View—Paola Dionisotti talks about the Taming of the Shrew — 14/18.
9.30 Jim Reeves and His Music — Part 5 (side 2 of 2)

## TUESDAY

P.M.

8.00 Just For You by Jaafar Yaakub
9.00 In Sentimental Mood
9.30 Stereo Pop Special Imagination side 2

## DAILY

A.M.

6.29 Jingle
6.30 Allah Peliharakan Sultan.
6.32 Quran and It's Translation
6.45 Berita Perdana (relayed from the Malay Service).
7.00 Brunei's AM, Weather Forecast, Brunei Darussalam In Reminiscence
7.30 Local News.
7.35 Tide Times presented by Azizah Abdullah.
7.36 Brunei's AM (continued)
8.30 Chinese programmes.
11.00 Ladies at Eleven except Fridays and Sundays

NOON

12.00 Lunch Break except Fridays and Sundays. Prayer time announcement

P.M.

2.00 Close for morning transmission on Mondays-Thursdays.
4.00 Close for morning transmission on Fridays and Sundays
9.15 News.

# TENTERA DARAT

ADALAH UNIT YANG TERBESAR DI DALAM ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI. DARIPADA JURUSAN-JURUSAN KERJAYA TENTERA BERJALAN KAKI, SKN. KERETA PERISAI, SKN. JURUTERA TEMPUR BATERI PERTAHANAN UDARA, DEPOH LOJISTIK, SKN. SEMBOYAN DAN WOKSYOP ABDB.

*BERKHIDMATLAH DENGAN MENDAFTAR BERAMAI-RAMAI BAGI MENJAMIN KEAMANAN NEGARA.*

# TENTERA LAUT

ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI ADALAH KERJAYA YANG MEMBERI MASA DEPAN TERJAMIN




**KERJAYA TENTERA LAUT.** Selain latihan-latihan di dalam negeri, latihan-latihan di luar negeri dan peluang-peluang membuat lawatan ke Tentera Laut Negara-Negara Asean pada tiap-tiap tahun.

Dari itu mendaftarlah dan berkhidmatlah di dalam Angkatan Bersenjata Diraja Brunei. Pengambilan ke-67 sedang dijalankan mulai Mei hingga September 1985.

Jikalau Awang-Awang berumur $17\frac{1}{2}$ tahun ke 25 tahun, darjah 6 kelulusan sekolah, berat badan 105 paun. Hantarlah borang ini sekarang kepada :

PEGAWAI PENGAMBILAN
ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI
PERKHEMAHAN BOLKIAH
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Nama :......................................................................................

..................................................................................................

No. Kad Pengenalan : ....................... Warna : ...........................

Tarikh Lahir : ................................................ Umur : ..................

Alamat : ..................................................................................

..................................................................................................

Kelulusan : ........................................... No. Telefon : ...........

Tandatangan : ..................................... Tarikh : ...........................



**KERJAYA TENTERA BERJALAN KAKI (TENTERA DARAT).** Selain latihan-latihan asas tentera di dalam negeri, peluang-peluang latihan di luar negeri, seperti di United Kingdom, Singapura, Hong Kong dan Australia. Dari itu mendaftarlah sekarang, pengambilan ke-67 sedang dijalankan mulai Mei hingga September 1985.

Awang-Awang berumur antara $17\frac{1}{2}$ ke-25 tahun, kelulusan darjah 6 Melayu, berat badan 106 paun. Hantarlah borang ini ataupun bertemuduga dengan Pegawai-Pegawai Pengambilan di keempat-empat daerah Dewan Bandaran / dan penerangan atau alamatkan kepada :

PEGAWAI PENGAMBILAN
ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI
PERKHEMAHAN BOLKIAH
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Nama :......................................................................................

..................................................................................................

No. Kad Pengenalan : ....................... Warna : ...........................

Tarikh Lahir : ................................................ Umur : ..................

Alamat : ..................................................................................

..................................................................................................

..................................................................................................

Kelulusan : ........................................... No. Telefon : ...........

Tandatangan : ..................................... Tarikh : ...........................

# Kerjaya yang paling istimewa dan yang mencabar di Negara Brunei Darussalam

## Berkhidmatlah sebagai pelatih juruterbang atau jurutera dengan Diraja Brunei.





## Satu kerjaya yang penuh mencabar dan bertanggungjawab.

Kelayakan:

1. Calon-calon mestilah rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia
2. Berumur lebih dari 17 tahun.
3. Mempunyai 5 kepujian dalam peperiksaan peringkat biasa termasok mata pelajaran Inggeris, Bahasa Melayu, Ilmu Hisab dan satu mata pelajaran Ilmu Sains dan mempunyai kelulusan dalam peringkat tertinggi adalah satu kelebihan.

Dengan kerjasama Jabatan Pelajaran, Kementerian Pelajaran dan Kesihatan, Penerbangan Diraja Brunei menawarkan dermasiswa kepada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam bagi membolehkan pemuda-pemuda untuk menjalani kursus pelatih juruterbang atau jurutera.

**Mereka yang berminat dalam kerjaya ini adalah dipersilakan datang ke Dewan Kuliah , Bangunan Peringatan Churchill untuk mendapatkan keterangan-keterangan lanjut dan borang-borang permohonan mengenai kerjaya ini pada 11hb Julai 1985 bermula pukul 9.30 pagi-12.00 tengah hari dan 2.30 petang-4.30 petang.**

# Jika awda ingin mengembara



## Berkhidmatlah sebagai Pramugara/Pramugari dengan Diraja Brunei

Kelayakan:

a) Awda mestilah rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam atau Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam.
b) Berumur di antara 18 hingga 27 tahun.
c) Kelulusan pelajaran sehingga Tingkatan 5.
d) Mempunyai perwatakan yang baik, peribadi yang baik dan sekurang-kurangannya setinggi 5' 2".
e) Mempunyai kesihatan dan penglihatan yang baik.
f ) Boleh bertutur bahasa Melayu dan Inggeris, berkebolehan bertutur dalam bahasa lain juga berfaedah.

Faedah-faedahnya.

Setelah tamat latihan intensif, awda akan menerima pendapatan sehingga $1,000 sebulan. Awda akan mendapat cuti 18 hari (hari bekerja) setahun dengan tiket percuma ke destinasi-destinasi Diraja Brunei dan dengan tambang istimewa bila-bila masa dengan Diraja Brunei dan juga syarikat-syarikat penerbangan yang lain.

**Mereka yang berminat dalam kerjaya ini bolehlah datang untuk di temuduga oleh pegawai pengambilan pada Hari Selasa 17hb Julai 1985 diantara pukul 9.00 pagi - 12.00 tengah hari dan 1.30 petang - 4.30 petang bertempat di Dewan Kuliah, Bangunan Peringatan Churchill, Bandar Seri Begawan atau Hari Jumaat 19hb Julai 1985 di antara pukul 9.30 pagi - 12.00 tengah hari dan 1.30 tengah hari - 4.30 petang bertempat di Pejabat Penerbangan Diraja Brunei,Bangunan Hongkong Dan Shanghai Bank Chamber, Kuala Belait.**
**Untuk keterangan lanjut awda bolehlah berhubong dengan Penerbangan Diraja Brunei pada waktu masa bekerja melalui talipon 02-32531 sambongan 512 atau 513**

**Royal Brunei**
FLY WITH FRIENDS

# KENYATAAN DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## TAWARAN JABATAN PERKHIDMATAN- PERKHIDMATAN ELEKTRIK

**BIL. : PPL/MTB/88/1985**

Tajuk kerja: PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK UBAHSUAI KEPADA BANGUNAN PERCETAKAN KERAJAAN B.S.B., NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Tarikh tutup 17 Julai, tengah hari.

Cengkeram: $200.00

1985 (hari Rabu) jam 12.00

Kelayakan pemborong Kelas "A" atau "B" (Internal Wiring).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan.

**BIL. : PPL/MTB/89/1985**

Tajuk kerja: PEMASANGAN SEMULA PERDAWAIAN ELEKTRIK UNTUK JABATAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN POS, TEMBURONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Tarikh tutup: 17 Julai, 1985 (hari Rabu) jam 12.00 tengah hari.

Cengkeram: $100.00.

Kelayakan pemborong: Kelas "A" atau "B" atau "C" (Internal Wiring).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-perkhidmatan Bangunan.

**BIL. : PPL/MTB/90/1985**

Tajuk kerja: PEMASANGAN SEMULA PERDAWAIAN ELEKTRIK UNTUK JABATAN TELEKOM TEMBURONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Tarikh tutup: 17 Julai, 1985 (hari Rabu) jam 12.00 tengah hari.

Cengkeram: $100.00.

Kelayakan pemborong: Kelas "A" atau "B" atau "C" (Internal Wiring).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan.

**BIL.: PPL/MTB/96/1985**

TAWARAN-tawaran ada'ah dipelawa dari Pemborong-pemborong Menanam Kabel yang berdaftar Kelas 'A' dan 'B' sahaja, yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran Mini Tender yang beralamat di Bangunan Pejabat Setiausaha Tetap (Teknikal), Tingkat 3, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Negara Brunei Darussalam sehingga jam 12.30 tengah hari, hari Rabu 31 Julai, 1985 bagi kerja-kerja berikut: —

RELOCATION OF HV CABLE NEAR KAMPONG MENGLAIT, JALAN GADONG.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan - Perkhidmatan Elektrik, di Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussa'am.

Satu perjumpaan bagi penentuan tawaran akan diadakan pada hari Khamis, pukul 3.00 petang di Bilik Persidangan Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik. Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik adalah berhak untuk menolak sebarang tawaran yang tidak menghadiri perjumpaan tersebut.

Deposit (cengkeram) untuk tawaran tersebut adalah $100.00.

**BIL.: PPL/MTB/97/1985**

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Menanam Kabel yang berdaftar Kelas 'A' dan 'B' sahaja, yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran Mini Tender yang beralamat di Bangunan Pejabat Setiausaha Tetap (Teknikal), Tingkat 3, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Negara Brunei Darussalam sehingga jam 12.30 tengah hari, hari Rabu 31 Julai, 1985 bagi kerja-kerja berikut: —

EXTENSION OF ELECTRICITY SUPPLY TO JALAN KECIL BATU APOI, TEMBURONG VIA LT O/H LINES (48 NOS.)

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan - Perkhidmatan Elektrik, di Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussa'am.

Satu perjumpaan bagi penentuan tawaran akan diadakan pada hari Khamis, pukul 3.00 petang di Bilik Persidangan Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik. Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik adalah berhak untuk menolak sebarang tawaran yang tidak menghadiri perjumpaan tersebut.

Deposit (cengkeram) untuk tawaran tersebut adalah $100.00.

**BIL.: PPL/MTB/98/1985**

TAWARAN-tawaran ada'ah dipelawa dari Pemborong-pemborong Menanam Kabel yang berdaftar Kelas 'A' dan 'B' sahaja, yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran Mini Tender yang beralamat di Bangunan Pejabat Setiausaha Tetap (Teknikal), Tingkat 3, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Negara Brunei Darussa'am sehingga jam 12.30 tengah hari hari Rabu 31 Julai, 1985 bagi kerja-kerja berikut:—

REINFORCEMENT AND REPLACEMENT OF 11KV O/H LINES BY UNDERGROUND CABLE ALONG JALAN BERAKAS FROM MILE 8 TO K.K. QUARTERS BERAKAS CAMP.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut boleh'ah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan - Perkhidmatan Elektrik, di Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Satu perjumpaan bagi penentuan tawaran akan diadakan pada hari Khamis pukul 3.00 petang, di Bilik Persidangan Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik. Jabatan Perkhidmatan - Perkhidmatan Elektrik adalah berhak untuk menolak sebarang tawaran yang tidak menghadiri perjumpaan tersebut.

Deposit (cengkeram) untuk tawaran-tawaran tersebut adalah $100.00.

## RADIO TELEVISION BRUNEI
### CONDITIONS OF TENDER

1. TENDERS should be submitted to the Chairman of the Tenders Board, 4th Floor, Ministry of Finance Building, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam and must be placed into the Tender Box provided at the above address not later than 12.00 noon on Monday 15th July, 1985.
2. Tenders received later than the above date shall not be considered.
3. Tenders should be forwarded in a plain sealed envelope which should not bear any indication of the identity of the tenderer. However, the reference number and closing date of the tender must be clearly indicated.
4. Tender documents, where applicable or further information may be obtained on application to the Director, FAO Superintendent Engineer, Radio Television Brunei, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
5. Where tender documents are issued, tender returns must be made on the forms provided.
7. All tenders, which should provide the net C.I.F. by airfreight price, must also quote the latest shipment date for the goods. Failure by a successful tenderer to meet this obligation may, at the discretion of the Director of Radio Television Brunei, result in cancellation of the order, particularly if RTB's operations or obligations are in any way compromised as a result of such delay. In such cases any tender deposit paid shall be forfeited.
8. Warranty period and conditions shall be clearly stated in any tender.
9. Tenderers agree that prices shall remain valid for a minimum of 90 days from the close of tender date.
10. For supply of goods by companies registered in Negara Brunei Darussalam, the goods are not to be consigned direct to Radio Television Brunei from Overseas suppliers or manufacturers and therefore must include 20% import duty (if dutiable).
11. The Government of His Majesty the Sultan and Yang Dipertuan Negara Brunei Draussalam does not bind itself to accept the lowest or any tender.

### NOTICES OF TENDER

TENDER No. RTB/22/1985 —

SUPPLY OF TRAINING COMPUTER AND PERIPHERALS, MICROCOMPUTER DIAGNOTIC AND TRAINING SUPPORT EQUIPMENT INCLUDING SOFTWARE, TO THE ENGINEERING TRAINING SECTION OF RADIO TELEVISION BRUNEI.

TENDERS are invited for the supply of:—

"TRAINING COMPUTER AND PERIPHERALS, MICROCOMPUTER DIAGNOSTIC AND TRAINING SUPPORT EQUIPMENT INCLUDING SOFTWARE, TO THE ENGINEERING TRAINING SECTION OF RADIO TELEVISION BRUNEI"

Equipment includes:

- 16 bit microcomputer system with hard and floppy discs.
- Monitors dan Printer.
- JVC Institutional VHS Recorder and Player (PAL/NTSC)
- Hewlett Packard Diagnostic Equipment.
- Standard and Specialised Software Packages

Tenders may be submitted for all or part of the above with the strict condition that the supplier of computer equipment shall also supply the softwaro and shall be in a position to supply rapid service support locally in the event of breakdown.

Tender document and further information must be obtained by application to the Director, FAO Superintendent Engineer, Radio Television Brunei, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, during normal office hours only. On collection of tender document a deposit of $200.00 shall be required and will be refunded to all who submit genuine but unsuccessful tenders.

Tender submission must be made on the forms provided by Radio Television Bunei.

TENDER No. RTB/23/1985 —

SUPPLY OF KODAK VNF-1 FILM PROCESSING CHEMICALS

TENDERS are invited from Suppliers, Agents and Distributors of Kodak Film Processing Chemicals for the tender as specified

"SUPPLY OF KODAK VNF-1 FILM PROCESSING CHEMICALS"

Tender document and further information must be obtained by application to the Director, FAO Superintendent Engineer, Radio Television Brunei, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, during normal office hours only. On collection of tender document a deposit of $200.00 shall be required and will be refunded to all who submit genuine but unsuccessful tenders.

Tender submission must be made on the forms provided by Radio Television Bunei.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN PERTANIAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran Kecil dan dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Tiga Bangunan Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Rabu 31 Julai, 1985 bagi perkara-perkara berikut :

| | |
|---|---|
| JP BIL. 4/1985: | MEMBEKAL BAJA NPK 12:12:17:2 + TE |
| Cagaran : | $100.00 |
| JP BIL. 5/1985: | MEMBEKAL BAJA NPK 15:15:15 |
| Cagaran : | $100.00 |
| JP BIL. 6/1985: | MEMBEKAL BAJA CIRP 36% P2O5 |
| Cagaran : | $100.00 |
| JP BIL. 7/1985: | MEMBEKAL BAJA UREA 46% N |
| Cagaran : | $100.00 |
| JP BIL. 8/1985: | MEMBEKAL BAJA TRIPLE SUPERPHOSPHATE 46% P2O5 |
| Cagaran : | $100.00 |
| JP BIL. 9/1985: | MEMBEKAL BAJA LIMESTONES 90% Ca CO 3 |
| Cagaran : | $100.00 |
| JP BIL. 10/1985: | MEMBEKAL BAJA MURIATE OF POTASH 60% K2O |
| Cagaran : | $100.00 |
| JP BIL. 11/1985: | MEMBEKAL BAJA TAHI AYAM |
| Cagaran : | $100.00 |
| JP BIL. 12/1985: | MEMBEKAL BAJA PELLETISED SHEEP MANURE |
| Cagaran : | $100.00 |

2. Lembaga Tawaran Kecil hanya akan menerima tawaran-tawaran yang datangnya dari Peti Tawaran Kecil sahaja dan tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup dan pada bahagian atas sebelah kiri berkenaan hendaklah ditulis dengan tajuk tawaran yang berkenaan dan tarikh tutup tawaran tersebut.

4. Dokumen-dokumen dan borang-borang tawaran serta penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Ibu Pejabat Jabatan Pertanian (Bahagian Kewangan), Jalan Kumbang Pasang, Bandar Seri Begawan.

5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap tawaran (bona-fide tender) yang tidak berjaya.

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

## JABATAN DAERAH TUTONG PEMBERITAHUAN TAWARAN

**BIL. : 7/1985**

PEMBORONG - pemborong adalah dipelawa menghantar tawaran harga mereka bagi "MEMBEKALKAN BATU PECAH (CRUSHER RUN STONE) UNTUK JABATAN DAERAH TUTONG."

2. Tawaran tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang tertutup rapat tanpa sebarang tanda pengenalan pengirim di luar sampul surat itu kecuali ditulis dengan :— "TAWARAN MEMBEKALKAN BATU PECAH (CRUSHER RUN STONE) UNTUK JABATAN DAERAH TUTONG."

3. Semua tawaran hendaklah dihantar dan sampai kepada :—

Pengerusi
Lembaga Tawaran.
Bangunan Kementerian Kewangan,
Tingkat 4,
Jalan James Pearce,
Bandar Seri Begawan.

Tidak lewat dari hari Isnin 8 Julai, 1985 jam 12.00 tengah hari. Tawaran-tawaran yang lewat sampai pada tarikh dan waktu tersebut tidak akan diterima.

4. Wang cagaran tawaran sebanyak $1,000.00 (Satu ribu ringgit) hendaklah dibayar ke Pejabat Daerah, Tutong pada bila-bila masa waktu bekerja tetapi tidak lewat pada 6 Julai, 1985. Wang cagaran itu akan dikembalikan kepada semua pemborong yang tidak berjaya dengan mengembalikan resit asal cagaran itu.

5. Keterangan lengkap dan syarat/peraturan bagi pembekalan batu itu bolehlah diperolehi di Pejabat Daerah, Tutong pada waktu-waktu pejabat dibuka.

6. Kerajaan tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau seumpamanya.

## KENYATAAN TAWARAN JABATAN PENGANGKUTAN DARAT KEMENTERIAN PERHUBUNGAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TAWARAN adalah dipelawa daripada yang berkeinginan untuk mendapatkan nombor pendaftaran Siri BH 4001 hingga BH 5000.

Tawaran tersebut hendaklah dikembalikan kepada Jabatan Pengangkutan Darat Negara Brunei Darussalam Jalan Gadong/Kuala Belait dengan menyatakan butir-butir berikut :—

i) Nombor Pendaftaran yang dipohonkan
ii) Harga Tawaran
iii) Nama penuh dan alamat
iv) Nombor kad pengenalan dan menyertakan wang bayaran perkhidmatan sebanyak $25.00 bagi tiap-tiap satu tawaran.

Borang tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan sampul surat berukuran 4" × 9" dan catatan perkataan "TAWARAN NOMBOR PENDAFTARAN" di bahagian atas/kiri sampul surat tersebut.

Harga tawaran yang ditawarkan hendaklah tidak kurang dari $100.00 (satu ratus ringgit sahaja) bagi tiap-tiap satu tawaran.

Borang tawaran dan butir-butir mengenai perkara ini boleh didapati daripada Jabatan Pengangkutan Darat, Negara Brunei Darussalam Jalan Gadong/Kuala Belait.

**Bilangan pendaftaran keluaran BH yang diiklankan**

| BH | BH |
|---|---|
| 4004 | 4488 |
| 4040 | 4499 |
| 4068 | 4500 |
| 4100 | 4545 |
| 4114 | 4554 |
| 4141 | 4567 |
| 4168 | 4600 |
| 4200 | 4646 |
| 4224 | 4664 |
| 4242 | 4668 |
| 4268 | 4700 |
| 4300 | 4747 |
| 4334 | 4768 |
| 4343 | 4774 |
| 4368 | 4800 |
| 4400 | 4848 |
| 4411 | 4868 |
| 4422 | 4884 |
| 4433 | 4888 |
| 4444 | 4900 |
| 4455 | 4949 |
| 4466 | 4968 |
| 4468 | 4994 |
| 4477 | 5000 |

Perhatian: Tawaran bermu'a dari 1 Julai, 1985 dan akan tutup pada 15 Julai, 1985 jam 12.00 tengah hari.

# KENYATAAN DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## KENYATAAN TAWARAN JABATAN PENJARA KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa untuk membekalkan barang-barang makanan kepada banduan-banduan di Rumah Penjara Jerudong bagi satu tahun mulai dari 1 November, 1985 hingga 31 Oktober, 1986.

2. Butir-butir lanjut dan borang mengenai dengan tawarran boleh diperolehi dari Ibu Pejabat Penjara, Rumah Penjara Jerudong, Bandar Seri Begawan pada bila-bila masa pejabat dibuka.

3. Wang cagaran tawaran ini ialah $100.00.

4. Mutu barang-barang yang dibekalkan itu mestilah memuaskan hati Pengarah Penjara atau Pegawai Yang Menjaga Rumah Jerudong, Negara Brunei Darussalam jika barang-barang itu tidak memuaskan, maka ianya akan dikembalikan kepada pemborong dan diganti dengan yang baru atau yang lebih baik lagi dengan harga yang sama.

5. Semua barang-barang mestilah sampai di Rumah Penjara tidak lewat jam 7.30 pagi pada tiap-tiap hari.

6. Kontrak ini bolehlah diberhentikan oleh kedua belah pihak dengan memberi dua bulan notis secara bertulis.

7. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, ditulis dengan "TAWARAN MEMBEKALKAN BARANG-BARANG MAKANAN PENJARA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM" tanpa menunjukkan identiti pemborong, dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada hari Isnin 22 Julai, 1985.

8. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan waktu yang dinyatakan di atas tidak akan dilayan.

9. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang paling rendah atau lain-lain tawaran.

## TELECOMMUNICATIONS DEPARTMENT TENDER NOTICE

PROJECT No. P 2135

TENDERS are invited from registered Telecoms contractors with A or B or C classification.

2. The said tenders are for EXCAVATING AND LAYING 2-WAY DUCT. CONSTRUCTION OF FOOTWAY JOINT BOXES NO. 1 & 2. EXCAVATING TRENCH IN GRASS VERGE. LAYING OF SINGLE WAY DUCT.

3. Tenders should be placed in the Tenders Board, situated outside the office of the State Financial Officer on the ground floor of the State Secretariat Building, Bandar Seri Begawan not later than on 22nd. July, 1985. Tenders received after the said time will be rejected.

4. Tenders should be submitted in a plain sealed envelope marked :—

P 2135 — CENTRAL JALAN MAKAM DIRAJA DISTRIBUTION DUCTS — NEW ROAD DA 28.

5. Detailed tender documents can be obtained from the office of the Director of Telecommunications at Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, upon a deposit of $200.00 which will be refunded to all unsuccessful tenderers. The tender deposit will be forfeited from any tender who fails to submit a tender.

6. The Government of Negara Brunei Darussalam does not bind itself to accept the lowest or any tender.

7. Joint consultation and on site inspection of the work is a condition of tender and prospective contractors must meet the Director's Representative at 10.00 hours on 11th. July, 1985 at the Telephone House,Telecoms Headquarters, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Tenders will not be accepted from contractors who have not attended the joint on site inspection.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN UNTUK MEMBEKALKAN KENDERAAN JABATAN IMIGRESEN

TAWARAN-tawaran adalah diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran di Pejabat Perbendaharaan Negara Brunei Darussalam, Tingkat 4, Bangunan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam hingga jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 15 Julai, 1985 bagi membekalkan :—

SEBUAH (1) KENDERAAN BERMOTOR JENIS LAND ROVER ATAU YANG SEBANDING DENGANNYA DAN MEMPUNYAI FOUR WHEEL DRIVE (4WD) YANG DILENGKAPKAN DENGAN ALAT HAWA DINGIN (AIR-CONDITION).

2. Kenderaan tersebut hendaklah mempunyai tenaga tidak kurang daripada 2000 c.c dan mempunyai jentera yang memakai minyak petrol. Di badan kenderaan itu hendaklah ditulis dengan nama 'JABATAN IMIGRESEN, BRUNEI' beserta dengan Panji-Panji Negara Brunei Darussalam pada kedua-dua belah pintunya menurut kedudukan dan bentuk yang ditentukan oleh Jabatan ini. Perbelanjaan untuk ini hendaklah termasuk di dalam harga tawaran yang diberikan.

3. Penawar-penawar hendaklah menyertakan bersama-sama dengan tawaran mereka buku-buku (katalog) yang menunjukkan butir-butir mengenai kenderaan yang ditawarkan. Mereka hendaklah menyatakan harga-harga CIF Brunei dan harga hendaklah dinyatakan sama ada atau tidak termasuk cukai Kastam serta tempoh mereka sanggup membekalkannya.

4. Tawaran-tawaran hendaklah dikemukakan di dalam sampul surat yang bertutup dan berlak (sealed) serta ditandakan dengan terang "TAWARAN UNTUK MEMBEKALKAN KENDERAAN JABATAN IMIGRESEN." Nama penawar tidak boleh ditulis di luar sampul surat itu.

5. Kerajaan tidak akan terikat untuk menerima tawaran paling rendah atau sebarang tawaran

## PEMBERITAHUAN TAWARAN ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI

Syarat-syarat Tawaran

TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, di Lembaga Tawaran Negara Brunei Darussalam, Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, tidak lewat jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 12 Ogos. 1985.

2. Penawar-penawar hendaklah menghadapkan tawaran-tawaran mereka dalam sampul surat biasa atau yang dikhaskan dan hendaklah ditutup. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditunjukkan tajuk tawaran sepertimana yang diiklankan dan tarikh tutup tawaran itu.

3. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Procurement, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Bolkiah Kem, semasa hari-hari bekerja (0730-1230 dan 1400-1630 tiap-tiap hari Isnin hingga Khamis, 0730-1130 tiap-tiap hari Jumaat).

4. Contoh-contoh, katalog-katalog atau risalah-risalah adalah dikehendaki dan mestilah dihantar ke Pejabat Procurement, Bolkiah Kem, ABDB tidak lewat 3 hari selepas tarikh tawaran ditutup. Gambar-gambar biasa tidak akan dilayan.

5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya.

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau mana-mana tawaran.

BIL : PROC/T/161/85
MEMBEKAL : WATERHEATER
CAGARAN : $200.00.

BIL : PROC/T/162/85
MEMBEKAL : EAR DEFENDER
CAGARAN : $100.00.

BIL : PROC/T/163/85
MEMBEKAL : NYLON ROPE
CAGARAN : $200.00.

BIL : PROC/T/164/85
MEMBEKAL : POWER SUPPLY
CAGARAN : $100.00.

BIL : PROC/T/165/85
MEMBEKAL : DRAWING STAND
CAGARAN : $100.00.

BIL : PROC/T/166/85
MEMBEKAL : STAP LAP ADJUSTABLE
CAGARAN : $100.00.

BIL : PROC/T/167/85
MEMBEKAL : SHIP SPARES
CAGARAN : $200.00.

BIL : PROC/T/168/85
MEMBEKAL : FILTER REGULATIONS
CAGARAN : $200.00.

BIL : PROC/T/169/85
MEMBEKAL : LOOPLINE WITH KARABINER
CAGARAN : $100.00.

BIL : PROC/T/170/85
MEMBEKAL : WHIP ANTENNA
CAGARAN : $200.00.

## MEDICAL AND HEALTH DEPARTMENT MINISTRY OF EDUCATION AND HEALTH

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board, Negara Brunei Darussalam. Tenders should be placed in the Tender Box situated at :-

4th Floor
Jabatan Kementerian Kewangan
Jalan James Pearce
Bandar Seri Begawan
Negara Brunei Darussalam

by 12.00 noon on Monday 22nd July 1985.

2. Tenders received after this time will be rejected.

3. Suri Seri Begawan Hospital, Kuala Belait has two canteens for Medical Staff and a canteen bar and a kitchen. The successful tenderer will be required to operate small canteen bar in the Ante-Natal general waiting room. The available accommodation may be inspected at any time during office hours.

4. Tenders are invited on two years rental basis. Furniture and certain equipment will be provided by Government.

5. Tender deposit will be $300.00.

6. Absolute cleanliness will be insisted upon, and the successful tenderer will be required to obey all instruction of the District Medical Officer, Kuala Belait concerning the cleanliness and maintenance of the canteens and all equipment and display material.

7. Tenders must be placed in plain sealed envelopes.

8. There must be no indications on the cover of the name of the tenderer. The job tendered for must be clearly stated on the envelope and the wording should be 'KUALA BELAIT HOSPITAL CATERING'. Any tenders received in envelopes not properly addressed will be rejected.

9. The Government of His Majesty the Sultan and Yang Dipertuan Negara Brunei Darussa'am does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## TELECOM DEPT TENDER NOTICE

### Supply of Bill Sorter Machine

TENDERS are invited for the supply of Bill Sorter Machine for Telecommunications Department.

Detailed of specifications can be obtained from the office of Director of Telecommunications, 1st. Floor, Telephone House, Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, on payment of deposit of $1000.00 which will be refunded to unsuccessful tenderers who submit a valid tender.

Tender will be received by the Chairman Tenders Board, 4th. Floor, Ministry of Finance, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, not later than 12.00 noon Monday 22nd. July, 1985.

Tenders should be submitted in a plain sealed envelope marked :—

TENDER FOR BILL SORTER MACHINE

The Government of Negara Brunei Darussalam does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## TAWARAN MEMBEKALKAN OUTBOARD DAN ENJIN JABATAN IMIGRESEN

TAWARAN-tawaran adalah diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran di Pejabat Perbendaharaan Brunei, Tingkat 4, Bangunan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam hingga jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 22 Julai, 1985 bagi membekalkan :—

a) Sebuah Perahu (Outboard) berukuran 21' × 7' × 3' untuk 8 — 12 orang penumpang, lengkap dengan 'standard equipment.'

b) Sebua enjin motosangkut yang bertenaga 100 — 150 H.P.

2. Penawar-penawar yang menghantar tawaran-tawaran mereka adalah dikehendaki menghantar katalog bagi perkara-perkara yang akan dibekalkan, berserta dengan butir-butir berikut :—

a) Tarikh pembekalan.
b) Harga C.I.F. Brunei (termasuk cukai Kastam, jika berkenaan).
c) Lama dalam jaminan.
d) Lain-lain hal, jika ada.

3. Di badan pada kedua-dua belah perahu itu hendaklah ditulis dengan nama 'Jabatan Imigresen, Brunei' dengan ukuran tulisan yang ditentukan oleh jabatan ini. Perbelanjaan untuk ini hendaklah dikemukakan di dalam sampul surat yang bertutup dan kan dengan terang 'TAWARAN MEMBEKALKAN OUTBOARD DAN ENJIN JABATAN IMIGRESEN.' Nama penawar tidak boleh ditulis di luar sampul surat itu.

5. Kerajaan tidak akan terikat untuk menerima tawaran paling rendah atau sebarang tawaran.

## Tawaran Jabatan Stor-Stor Negara

BIL.: 19 DAN 20/1985

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Kementerian Kewangan, Bandar Seri Begawan, sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 22 Julai, 1985 bagi membekalkan perkara di bawah untuk Jabatan Stor dan Perbekalan Negara:

TAWARAN No. 19/1985— SUPPLY OF DUST BIN
TAWARAN No. 20/1985— SUPPLY OF GABION & RENO MATTRESS

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran boleh diperolehi dari Jabatan Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Ja'an Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

## PEMBERITAHUNAN TAWARAN JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN Bil.: JKP/12/1985

1. Nama Projek :

RANCANGAN PERPINDAHAN/PERUMAHAN NEGARA PENGKALAN SI BABAU — KERJA-KERJA TANAH PERINGKAT I

2. Dokumen tawaran boleh dilihat dan didapati dari :

Jabatan Kemajuan Perumahan,
Tingkat 3,
Bangunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam,
Kawasan Lapangan Terbang Lama,
Negara Brunei Darussalam

mulai hari Rabu 24 Julai hingga 3 Ogos, 1985.

3. Ke'ayakan pemborong : Kelas 'A' yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam.

4. Cagaran tawaran : $10,000.00 + $100,00 (dokumen) + $150 (pelan).

5. Tarikh tutup : Hari Isnin 5 Ogos, 1985 jam 12.00 tengah hari.

6. Syarat-syarat tawaran

6.1 Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat Empat, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin (pada tarikh yang ditetapkan);

6.2 Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan;

6.3 Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, bertulis dengan nama projek yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong, dan ditujukan kepada

Pengerusi,
Lembaga Tawaran,
Bangunan Kementerian Kewangan,
Tingkat Empat,
Jalan James Pearce,
Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam

6.4 Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut boleh dilihat dan diperolehi dari :

Jabatan Kemajuan Perumahan,
Tingkat 3,
Bangunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam,
Lapangan Terbang Lama,
Negara Brunei Darussalam.

6.5 Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender);

6.6 Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan, setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas yang ditetapkan;

6.7 Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan, dan

6.8 Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

# KENYATAAN DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## TAWARAN JABATAN KERJA RAYA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

### SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran sama ada kepada alamat di bawah seperti dikehendaki dan dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.

   (a) Pengerusi Lembaga Tawaran,
   Tingkat Empat, Bangunan Kementerian Kewangan
   Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan,
   Negara Brunei Darussalam

   Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Isnin (seperti tarikh yang ditetapkan)

   (b) Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,
   Kementerian Pembangunan,
   Tingkat Tiga, Bangunan Kementerian Pembangunan,
   Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas,
   Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

   Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Rabu (seperti tarikh yang ditetapkan)
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, ditulis dengan nama projek yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong, dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya, di Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).
6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas ditetapkan.
7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

### BIL: JKR 250 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/DTM008
PEMBINAAN PARIT KONKRIT TETULANG TEPI JALAN, SUMP, KALBAT DAN TEMPAT JALAN KAKI DI BANGAR, TEMBURONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 11 Julai, 1985.

Tarikh tutup: 15 Julai, 1985.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan)

### BIL: JKR 251 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong dan Pembekal untuk:

PROJEK No.: 84AR/016
MEMBEKALKAN SATU (1) UNIT 12-14 ORANG TEMPAT DUDUK BAS MINI.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 13 Julai, 1985.

Tarikh tutup: 17 Julai, 1985.

### BIL: JKR 252 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/048
KERJA-KERJA PEMBAIKAN KAWASAN BARIK SALURAN NAJIS — PINTU MALIM, BATU 14, JALAN KOTA BATU, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 13 Julai, 1985.

Tarikh tutup: 17 Julai, 1985.
Cagaran tawaran: $100.00 + $100.00 (lukisan)

### BIL: JKR 253 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong Kelas 'A' dan 'B' (Pemasangan elektrik, pencegah kebakaran dan alat-alat pergigian dan perubatan) untuk:

PROJEK No.: AD426/2801
PEMASANGAN ELEKTRIK, PENCEGAH KEBAKARAN DAN ALAT-ALAT PERGIGIAN DAN PERUBATAN BAGI CADANGAN PERKHIDMATAN PENERIMAAN PERUBATAN (MRS) DAN PUSAT KEMUDAHAN PERGIGIAN DI PERKHEMAHAN PENANJONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dari didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 1 Ogos, 1985.

Tarikh tutup: 5 Ogos, 1985.
Cagaran tawaran: $500.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 254 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas dengan pengalaman kerja yang bersesuaian dalam bidang kejuruteraan awam dan bangunan) untuk:

PROJEK No.: 84AR/14600
PEMBINAAN DAN PENYIAPAN BAGI CADANGAN JAMBATAN DI BATU 11.1 JALAN MUARA DAN JALAN YANG BERDEKATAN DENGANNYA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 25 Julai, 1985.

Tarikh tuutp: 29 Julai, 1985.
Cagaran tawaran: $500.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 255 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/0090
MENYIAPKAN KERJA-KERJA MEMBAIKI DAN MENCAT SEMULA 10 BLOK (20 UNIT) PERUMAHAN KELAS 'G', 3 BLOK (3 UNIT) PERUMAHAN KELAS 'C' DAN 3 BLOK (12 UNIT) BARIK DI KAWASAN PERUMAHAN PEJABAT LAUT, MUARA, NEGARA BRUNEI DRUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 18 Julai, 1985.

Tarikh tutup: 22 Julai, 1985.
Cagaran tawaran: $200.00.

### BIL: JKR 256 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/JTB003
PEMBAHARUAN STESEN VHF BUKIT SELILAH, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan bo'eh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 25 Julai, 1985.

Tarikh tuutp: 29 Julai, 1985.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 257 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/PDB005
PEMBINAAN CADANGAN PELANTAR KONKRIT TETULANG BAGI POLIS DI TEMBURONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 20 Julai, 1985.

Tarikh tutup: 24 Julai, 1985.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 258 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/IKN001
CADANGAN SADAIAN PERAHU (BOAT SHED) BAGI STESEN PERIKANAN, MUARA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan bo'eh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 20 Julai, 1985.

Tarikh tutup: 24 Julai, 1985.
Cagaran tawaran: $100.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 259 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/14108
KERJA-KERJA MEMBAIKI DAN MENCAT SEMULA SEKOLAH RENDAH KERAJAAN SUNGAI KEBUN, DI KAMPONG AYER, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan bo'eh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 20 Julai, 1985.

Tarikh tutup: 24 Julai, 1985.
Cagaran tawaran: $200.00.

### BIL: JKR 260 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/10206
KERJA-KERJA MEMBAIKI DAN MENCAT SEMULA SEKOLAH RENDAH KERAJAAN PENGIRAN ANAK PUTERI BESAR, KAMPONG AYER, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 20 Julai, 1985.

Tarikh tutup: 24 Julai, 1985.
Cagaran tawaran: $100.00.

### BIL: JKR 261 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/PDB003
KERJA-KERJA MEMBAIKI DAN MENCAT SEMULA 1 BLOK BALAI POLIS DAN 1 BLOK PERUMAHAN KELAS 'E' DI IBU PEJABAT POLIS, TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 20 Julai, 1985.

Tarikh tutup: 24 Julai, 1985.
Cagaran tawaran: $100.00.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN, JABATAN KERJA RAYA, KUALA BELAIT

### SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran sama ada kepada alamat di bawah seperti dikehendaki dan dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.

   (a) Pengerusi Lembaga Tawaran,
   Tingkat Empat, Bangunan Kementerian Kewangan
   Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan,
   Negara Brunei Darussalam

   Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Isnin (seperti tarikh yang ditetapkan)

   ATAU

   (b) Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,
   Kementerian Pembangunan,
   Tingkat Tiga, Bangunan Kementerian Pembangunan,
   Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas,
   Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

   Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Rabu (seperti tarikh yang ditetapkan)
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup rapi (sealed) dengan menyatakan Tajuk Projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama pemborong dan dihantar kepada alamat di para satu menurut arahan yang dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.
4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.
5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).
6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas ditetapkan.
7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

### BIL: KB 67A TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'B' untuk:

PROJEK No.: 85AB/JKP/009
MENGUBAH SUAI SALURAN PAIP GAS DI SURI SERI BEGAWAN, HOSPITAL, KUALA BELAIT.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait hingga jam 4.00 petang hari Khamis 11 Julai, 1985.

Tarikh tutup: 17 Julai, 1985.
Cagaran tawaran: $200.00.

### BIL: KB 73 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" untuk:

PROJEK No.: 85AB/16601
MEMBAIKI DAN MENCAT LUAR DAN DALAM BAGI KESELURUHAN BANGUNAN ANTHONY ABELL COLLEGE, SERIA.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait hingga jam 4.00 petang hari Khamis 18 Julai, 1985.

Tarikh tutup: 22 Julai, 1985.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan)

### BIL: KB 74 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'B' untuk:

PROJEK No.: 85AB/16500
MEMBAIKI DAN MENCAT FLAT DAN BARIK KELAS 'C' QTS DI BALAI BOMBA SERIA.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait hingga jam 4.00 petang hari Khamis 18 Julai, 1985.

Tarikh tutup: 22 Julai, 1985.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: KB 75 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'B' untuk:

MEMBAIKI KEDUA BUAH SEKOLAH RENDAH DAN MENENGAH DI SEKOLAH MELAYU AHMAD TAJUDDIN, KUALA BELAIT.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait hingga jam 4.00 petang hari Khamis 11 Ju'ai, 1985.

Tarikh tutup: 15 Julai, 1985.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

## MEDICAL AND HEALTH DEPARTMENT TENDER NOTICE

TENDERS will be received by the Chairman Tenders Board Negara Brunei Darussalam.

Tenders should be placed in the Tender Box situated at:—

4th. Floor,
Jabatan Kementerian Kewangan,
Jalan James Pearce,
Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam.

By 12.00 noon on Monday 22nd. July, 1985.

2. Details tender documents can be obtained from Account Section, Medical Headquarters, Medical and Health, Ministry of Education and Health, Negara Brunei Darussalam.

Monday — Thursday
8.30 am — 11.30 am
2.00 pm — 3.00 pm
Saturday —
8.30 am — 10.30 am.

TENDER No. DMS/26/85
SUPPLY OF SUTURING MATERIAL
(Tender Deposit $300.00)

# MENTERI LUAR JERMAN DITERIMA MENGADAP

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menerima mengadap Tuan Yang Terutama Tuan Hans-Dietrich Genscher, Menteri Luar Republik Persekutuan Jerman pada petang Rabu lepas di Istana Nurul Iman.

Semasa mengadap Tuan Hans-Dietrich Genscher telah diiringi oleh Tuan Yang Terutama Eckart CUNTZ, Duta Besar Republik Persekutuan Jerman ke negara ini.

Semasa di sini Tuan Yang Terutama telah membuka rasmi Penubuhan Kedutaan Besar Republik Persekutuan Jerman di Manggis Satu, Jalan Muara, melawat ke Masjid Sultan Omar Ali Saifuddin dan melawat ke Pejabat Penerbangan Diraja, Jalan Kumbang Pasang.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan ketika berkenan menerima mengadap Tuan Yang Terutama Menteri Luar Republik Persekutuan Jerman di Istana Nurul Iman. — Gambar oleh Ak Bahar PHO.

# Brunei memerlukan bantuan dalam memajukan ekonomi

BANDAR SERI BEGAWAN. — Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Negara Brunei Darussalam bersabda bahawa Negara Brunei Darussalam di dalam usaha-usaha untuk memajukan dan memperkembangkan ekonominya akan memerlukan banyak pertolongan di dalam membangunkan sumber-sumber tenaga manusia.

Republik Persekutuan Jerman, sebagai sebuah negara industri yang maju sabda Duli Yang Teramat Mulia boleh memberikan bantuan yang perlu di dalam berbagai-bagai bidang latihan dan pemindahan teknologi bagi negara ini.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah bersabda demikian di Majlis Makan Malam bagi meraikan Tuan Yang Terutama, Tuan Hans Dietrich Genscher, Menteri Hal-Ehwal Luar Negeri Republik Persekutuan Jerman yang berlangsung di Istana Tetamu di sini pada hari Rabu lepas.

Lawatan Menteri Hal-Ehwal Luar Negeri Republik Persekutuan Jerman ke negara ini, sabda Duli Yang Teramat Mulia adalah jelas mencerminkan hubungan yang rapat di antara kedua buah negara yang mempunyai hasrat yang sama iaitu bagi mengeratkan lagi hubungan persahabatan.

"Hubungan di antara kedua-dua negara kita adalah rapat dan mesra. Saya percaya hubungan yang rapat ini juga akan terjalin di bidang ekonomi dan teknologi," sabda Duli Yang Teramat Mulia.

**PENGHARGAAN**

Negara Brunei Darussalam sebagai salah sebuah ahli ASEAN, sabda Duli Yang Teramat Mulia menyampaikan ucapan terima kasih dan penghargaan atas sokongan yang berterusan yang diberikan kepada ASEAN oleh Republik Persekutuan Jerman serta negara-negara ahli komuniti Eropah terhadap masalah Kampuchea.

Duli Yang Teramat Mulia bersabda bahawa walaupun seruan berulang-ulang daripada masyarakat antarabangsa untuk menghormati Piagam dan ketetapan Bangsa-Bangsa Bersatu namun Vietnam masih enggan untuk mengundurkan tentera-tenteranya dari bumi Kampuchea dan juga enggan menunjukkan sebarang tanda kejujuran untuk mencari penyelesaian politik seperti yang telah disarankan ke dalam ketetapan-ketetapan Persidangan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu.

**BANGGA**

Tuan Yang Terutama, Tuan Hans Dietrich Genscher dalam ucapan balasnya antara lain menegaskan bahawa Republik Persekutuan Jerman berbangga dengan kemantapan perdamaian di kawasan ASEAN.

"Kami beserta negara-negara Barat mensifatkan golongan ASEAN sebagai faktor stabiliti, sebagai pangkal perdamaian yang maha penting di Asia Tenggara," jelas Tuan Yang Terutama.

Republik Persekutuan Jerman, tegas Tuan Hans Dietrich Genscher akan terus mendukung cita-cita ASEAN dalam tindakannya agar Vietnam mengundurkan bala tenteranya di wilayah Kampuchea dan Republik Persekutuan Jerman juga mengambil berat tentang pergolakan di Afghanistan.

Terdahulu dalam ucapannya, Tuan Hans Dietrich Genscher berbangga dengan kemajuan yang dicapai oleh Negara Brunei Darussalam di samping itu beliau tertarik melihat keindahan alam semula jadi, tentang kebudayaan dan adat istiadat negara ini.

## YAM Pengiran Anak Siti Katijah mangkat

BANDAR SERI BEGAWAN. — Seorang cucunda kepada Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien, Menteri Pertahanan, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Siti Katijah, puteri kepada Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Nor'ain dan Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Lela Sahibul Kahar Pengiran Anak Haji Mohd Yusof telah mangkat pada malam Khamis lepas.

Jenazah Yang Amat Mulia Pengiran Anak Siti Katijah telah selamat dimakamkan di Makam Diraja.

Yang Amat Mulia adalah anak keenam dan berusia 3 tahun 10 bulan.

Hadir di upacara permakaman itu termasuklah ahli-ahli kerabat Diraja, Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria dan Yang Dimuliakan Pehin-Pehin Menteri Ugama.

## Permohonan masuk ke Universiti

Dari muka 1

Pelajaran dan Kesihatan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Semua permohonan mestilah sampai kepada Pejabat Urusetia Universiti Brunei Darussalam tidak lewat pada hari Jumaat 19 Julai 1985 jam 4.00 petang.

Penuntut-penuntut yang telah menghadapkan permohonan bagi penganugerahan Dermasiswa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dan guru-guru yang telah menghadapkan permohonan bagi Skim Latihan Dalam Perkhidmatan/Dermasiswa Cuti Tidak Bergaji/Dermasiswa Cuti Belajar bagi sesi pengajian 1985/1986 tidaklah diperlukan untuk mengisi borang baru bagi memasuki Universiti Brunei Darussalam. Ini adalah kerana permohonan mereka dengan sendirinya dianggap adalah juga untuk pertimbangan memasuki Universiti Brunei Darussalam ini sekiranya kursus yang mereka pohonkan itu terdapat di dalam negeri.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah junjung ziarah ke hadapan Majlis Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien sejurus sebelum berangkat. — Gambar oleh Harun Rashid.

# DYTM Pengiran Perdana Wazir berangkat ke KL

BERAKAS. — Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam telah berangkat ke Kuala Lumpur, Malaysia pada hari Sabtu lepas bagi menghadiri Mesyuarat Menteri-Menteri Luar ASEAN kali ke-18.

Duli Yang Teramat Mulia diiringi oleh Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Zariah. Juga termasuk dalam rombongan Duli Yang Teramat Mulia itu ialah Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz, Menteri Pelajaran dan Kesihatan dan Datin, dan beberapa orang pegawai kanan dari Kementerian Pelajaran dan Kesihatan dan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Mesyuarat Menteri-Menteri Luar ASEAN itu telah diadakan pada 8 hingga 9 Julai 1985 dan akan disusuli oleh satu persidangan dengan Negara-Negara Dialog pada 11 hingga 13 Julai ini.

Mesyuarat Tahunan Menteri-Menteri Luar ASEAN ini diadakan bagi membincangkan serta meluaskan bidang kerjasama antara negara-negara ASEAN yang termasuk juga beberapa isu politik antarabangsa terutama mengenai soal Kampuchea.

Selepas mesyuarat tersebut, negara Filipina akan mengambil alih tugas selaku Pengerusi Jawatankuasa Tetap ASEAN bagi tahun 1985-86.

Ini merupakan kali kedua Negara Brunei Darussalam menghadiri Mesyuarat Tahunan Menteri-Menteri Luar ASEAN sebagai ahli penuh ASEAN.

Berangkat ke lapangan terbang bagi mengucapkan selamat belayar ialah Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien, Menteri Pertahanan Negara Brunei Darussalam, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibol Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan merangkap Timbalan Menteri Kewangan dan lain-lain kerabat Diraja.

Juga hadir ialah pegawai-pegawai kanan Kementerian Pelajaran dan Kesihatan dan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri serta Pemangku Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke negara ini, Encik Taufik Mohd. Noor.

## Peraduan seni foto

KUALA BELAIT. — Penyertaan bagi memasuki peraduan senifoto di Daerah Belait kini sedang dibukakan sehingga awal bulan Ogos depan.

Syarat-syarat dan keterangan lanjut serta borang penyertaan boleh didapati dari Dayang Siti Aisah Sukor Rumah Sakit Suri Seri Begawan, Awang Rambli Kimong SES/211 Syarikat Minyak Shell Seria dan Mei Hua Studio, Kedai No. 38 Jalan Pretty Kuala Belait.

## Mesyuarat Agung

BANDAR SERI BEGAWAN. — Syarikat Kerjasama kakitangan Kerajaan akan mengadakan Mesyuarat Agung Tahunannya pada hari Ahad 14 Julai 1985 depan bertempat di Kafteria Stadium Negara Hassanal Bolkiah jam 9.00 pagi.

Semua ahli-ahli diminta hadir ke mesyuarat tersebut.

## Dihadapkan ke mahkamah kerana rasuah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Seorang Pegawai Pemeriksa Kenderaan di Jabatan Pengangkutan Darat, Kuala Belait, Awang Yahya bin Janai berumur 30 tahun telah dihadapkan ke Mahkamah Majistret, di sini pada hari Isnin lepas kerana menerima rasuah berupa penggunaan kereta jenis Mazda 929 bilangan pendaftaran KD 333 selama 6 bulan 10 hari dari Soon Tiong Lin @ Abi atas pertolongannya untuk mendapatkan potongan harga sebanyak $655.00 ke atas kereta tersebut dari Pengurus Federal Motor, yang mana merupakan kesalahan di bawah Bab 5 (a) Perintah Darurat (Pencegah Rasuah) 1981.

Awang Yahya bin Janai telah dibebaskan dengan ikatan jaminan sebanyak $10,000.00 dengan dua orang penjamin. Kes tersebut akan didengar semula pada 16 Julai ini jam 2.00 petang.

Diterbitkan oleh Pejabat Penerangan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan Kementerian Undang-Undang Negara Brunei Darussalam.